JUZU' KE-19

# SURAH ASY-SYU'ARA'

SURAH KE

**26**

# SURAH ASY-SYU'ARA'

## Surah Para Penyair

**(Makkiyah)**

JUMLAH AYAT

**227**

**Dengan nama Allah**
**Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih**

**(Kumpulan ayat-ayat 1 - 9)**

طسٓمٓ ﴿١﴾

تِلْكَ ءَايَٰتُ ٱلْكِتَٰبِ ٱلْمُبِينِ ﴿٢﴾

لَعَلَّكَ بَٰخِعٌ نَّفْسَكَ أَلَّا يَكُونُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾

إِن نَّشَأْ نُنَزِّلْ عَلَيْهِم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ ءَايَةً فَظَلَّتْ أَعْنَٰقُهُمْ لَهَا خَٰضِعِينَ ﴿٤﴾

وَمَا يَأْتِيهِم مِّن ذِكْرٍ مِّنَ ٱلرَّحْمَٰنِ مُحْدَثٍ إِلَّا كَانُوا۟ عَنْهُ مُعْرِضِينَ ﴿٥﴾

فَقَدْ كَذَّبُوا۟ فَسَيَأْتِيهِمْ أَنۢبَٰٓؤُا۟ مَا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٦﴾

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ إِلَى ٱلْأَرْضِ كَمْ أَنۢبَتْنَا فِيهَا مِن كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ ﴿٧﴾

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٨﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٩﴾

*"Taa, Siin, Miim(1). Itulah ayat-ayat kitab al-Qur'an yang amat jelas(2). Boleh jadi engkau (Muhammad) berhasrat membinasakan dirimu kerana mereka tidak beriman(3). Jika Kami kehendaki nescaya Kami turunkan kepada mereka satu mu'jizat dari langit yang membuat leher mereka sentiasa tunduk kepadanya(4). Dan tiada datang kepada mereka satu peringatan yang baru dari Allah Yang Maha Penyayang melainkan mereka terus berpaling darinya(5). Mereka telah mendustakan (Al-Qur'an) dan kelak akan sampai kepada mereka berita-berita (akibat) dari perbuatan sendaan-sendaan yang dilakukan mereka itu(6). Apakah mereka tidak melihat (permukaan) bumi berapa banyak Kami telah tumbuhkan berbagai-bagai pasangan tumbuhan yang mulia(7). Sesungguhnya kejadian sedemikian merupakan bukti (kekuasaan Allah), tetapi kebanyakan mereka tidak beriman(8). Dan sesungguhnya Tuhanmu itu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih"(9).*

**(Latar belakang dan pokok pembicaraan)**

Maudhu' pokok surah ini ialah Maudhu' yang dibicarakan oleh semua Surah Makkiyah, iaitu maudhu' 'aqidah yang diintipatikan pada elemen-elemen yang asasi, iaitu mentauhidkan Allah:

فَلَا تَدْعُ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ فَتَكُونَ مِنَ ٱلْمُعَذَّبِينَ ﴿٢١٣﴾

*"Oleh itu janganlah engkau menyembah tuhan yang lain di samping Allah, kerana akibatnya engkau akan termasuk di dalam golongan orang-orang yang akan di'azabkan."(213)*

Dan takut kepada hari Akhirat:

وَلَا تُخْزِنِى يَوْمَ يُبْعَثُونَ ﴿٨٧﴾

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾

إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

*"Dan janganlah engkau kecewakanku pada hari mereka dibangkitkan(87). Iaitu pada hari, di mana harta dan anak-anak tidak berguna lagi(88). Kecuali mereka yang datang mengadap Allah dengan hati yang bersih."(89)*

Dan membenarkan wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w:

وَإِنَّهُۥ لَتَنزِيلُ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٩٢﴾

نَزَلَ بِهِ ٱلرُّوحُ ٱلْأَمِينُ ﴿١٩٣﴾

عَلَىٰ قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ ٱلْمُنذِرِينَ ﴿١٩٤﴾

*"Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu diturunkan oleh Tuhan semesta alam(192). Ia dibawa turun oleh ar-Roh al-'Amin (Jibrail)(193). Ke dalam hatimu (Muhammad) agar engkau menjadi salah seorang dari para rasul yang memberi peringatan."(194)*

Dan menakutkan manusia dengan akibat pendustaan sama ada dalam bentuk 'azab dunia yang telah membinasakan para pendusta atau dalam bentuk 'azab Akhirat yang menunggu orang-orang kafir:

فَقَدْ كَذَّبُوا۟ فَسَيَأْتِيهِمْ أَنۢبَٰٓؤُا۟ مَا كَانُوا۟ بِهِۦ يَسْتَهْزِءُونَ ﴿٦﴾

*"Mereka telah mendustakan (Al-Qur'an) dan kelak akan sampai kepada mereka berita-berita (akibat) dari perbuatan sendaan-sendaan yang dilakukan mereka itu."(6)*

وَسَيَعْلَمُ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ أَىَّ مُنقَلَبٍ يَنقَلِبُونَ ﴿٢٢٧﴾

*"Dan orang-orang yang zalim itu akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali."(227)*

Di samping menghiburkan Rasulullah s.a.w. dari kesedihan kerana perbuatan kaum Musyrikin yang mendustakan beliau dan Al-Qur'an:

لَعَلَّكَ بَٰخِعٌ نَّفْسَكَ أَلَّا يَكُونُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾

*"Boleh jadi engkau (Muhammad) berhasrat membinasakan dirimu kerana mereka tidak beriman."(3)*

Juga mententeram hati para Mu'minin dan menyabarkan mereka menghadapi tindak-tanduk kaum Musyrikin yang degil serta memantapkan pendirian mereka di atas 'aqidah Islam biarpun bagaimana pedih mereka ditindas oleh orang-orang yang zalim sebagaimana ia telah memantapkan pendirian para Mu'minin sebelum mereka.

Yang menjadi badan surah ini ialah kisah-kisah yang mengisi sebanyak seratus lapan puluh ayat dari keseluruhan ayat surah ini. Kisah-kisah inilah yang menjadi isi kandungan surah ini di samping penerangan pendahuluan dan ulasan. Kisah-kisah ini dengan muqaddimah dan ulasannya membentuk satu unit yang sepadu dan sejenis, ia memperkata dan menonjolkan Maudhu' surah ini dengan berbagai-bagai uslub yang bertemu pada satu matlamat. Oleh sebab itulah dari setiap kisah itu ditayangkan sebabak atau beberapa babak yang menyampaikan kepada matlamat itu.

Suasana yang mendominasikan kisah-kisah ini dan seluruh pembicaraan surah ini ialah suasana amaran, pendustaan dan ke'azaban yang menimpa para pendusta. Ini kerana surah ini menghadapi pendustaan kaum Musyrikin Quraysy terhadap Rasulullah s.a.w. dan sendaan mereka terhadap amaran-amaran Allah dan penolakan mereka terhadap ayat-ayat-Nya, juga menghadapi tuntutan mereka supaya dipercepatkan 'azab yang dijanjikan Allah kepada mereka dan kata-kata mereka yang jahat terhadap wahyu dan Al-Qur'an dan dakwaan mereka yang menuduh Al-Qur'an sebagai sihir atau syair yang diturunkan oleh syaitan-syaitan.

Seluruh surah ini dengan pendahuluannya, kisah-kisahnya dan ulasan-ulasannya hanya merupakan satu pusingan sahaja di medan ini. Oleh sebab itu kita bahagikannya kepada ceraian-ceraian atau pembicaraan-pembicaraan mengikut susunan tertibnya. Sekarang marilah kita mulakan dengan pendahuluan surah sebelum mengulaskan kisah-kisah pilihan itu.

******

## (Pentafsiran ayat-ayat 1 - 9)

### *Al-Qur'an Digubah Dari Huruf-huruf Potongan Biasa*

*"Taa, Siin, Miim(1). Itulah ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang amat jelas."(2)*

Ta. Sin. Mim ialah huruf-huruf potongan untuk menyedarkan mereka bahawa ayat-ayat kitab Al-Qur'an yang amat jelas ini termasuk surah ini adalah digubahkan dengan huruf-huruf yang seperti ini, iaitu huruf-huruf yang dapat digunakan oleh para pendusta Al-Qur'an itu. Namun demikian mereka tidak mampu menggubah dan menyusun dengan huruf-huruf itu untuk melahirkan sebuah Kitab seperti Al-Qur'an yang amat jelas ini. Pembicaraan mengenai Al-Qur'an diperkatakan dalam surah ini pada bahagian permulaannya juga pada akhirnya, sebagaimana biasanya dilakukan pada surah-surah yang dimulakan dengan huruf-huruf potongan di dalam Al-Qur'an.

### *Allah Menghiburkan Rasulnya Agar Jangan Bersedih*

Selepas kata penyedaran ini, Al-Qur'an mula berbicara dengan Rasulullah s.a.w. yang merasa susah hati dan sedih kerana perbuatan kaum Musyrikin yang mendustakan beliau dan Al-Qur'anul-Karim. Lalu ia menghiburkan beliau dan memperkecilkan perkara ini serta menyatakan bahawa penderitaan beliau kerana mereka itu adalah terlalu banyak, sedangkan Allah berkuasa melipatkan leher mereka untuk memaksa mereka beriman dengan satu mu'jizat yang dapat menundukkan mereka dengan penuh kepatuhan:

لَعَلَّكَ بَٰخِعٌ نَّفْسَكَ أَلَّا يَكُونُوا۟ مُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾

إِن نَّشَأْ نُنَزِّلْ عَلَيْهِم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ ءَايَةً فَظَلَّتْ أَعْنَٰقُهُمْ لَهَا خَٰضِعِينَ ﴿٤﴾

*"Boleh jadi engkau (Muhammad) berhasrat membinasakan dirimu kerana mereka tidak beriman(3). Jika Kami kehendaki nescaya Kami turunkan kepada mereka satu mu'jizat dari langit yang membuat leher mereka sentiasa tunduk kepadanya."(4)*

Ayat ini membayangkan semacam teguran terhadap Rasulullah s.a.w. yang merasa begitu susah hati dan sedih kerana mereka tidak beriman. **"Boleh jadi engkau berhasrat membinasakan dirimu kerana mereka tidak beriman"**. Maksud membinasakan diri di sini ialah membunuh diri. Inilah keadaan yang menggambarkan sejauh mana penderitaan Rasulullah s.a.w. terhadap pendustaan mereka, sedangkan

beliau yakin terhadap akibat yang akan menimpa mereka. Inilah yang menyedihkan beliau kerana mereka adalah anak buah keluarganya dan kaumnya. Inilah yang menjadikan beliau begitu susah hati. Allah kasihkan beliau lalu menepiskan kesedihan yang mendalam ini darinya dan memperkecilkan perkara ini dengan menerangkan kepadanya bahawa keimanan mereka bukanlah termasuk dalam bidang tugas beliau, dan andainya Kami mahu memaksakan mereka beriman tentulah Kami dapat memaksa mereka dan tentulah Kami dapat menurunkan dari langit satu mu'jizat yang dapat memaksa mereka beriman dan tidak dapat dipertikaikan mereka, juga tidak dapat memalingkan mereka dari beriman. Al-Qur'an menggambarkan ketundukan mereka kepada mu'jizat ini dengan satu gambaran jasmani **"Yang membuat leher mereka sentiasa tunduk kepadanya"** yakni menyebabkan leher mereka terpulas dengan keadaan tunduk dan menekur. Seolah-olah inilah keadaan mereka yang tetap yang tidak terpisah dari mereka.

Tetapi Allah S.W.T. tidak mahu menjadikan bersama agama yang akhir ini satu mu'jizat yang memaksa, malah Allah jadikan mu'jizat agama ini ialah Al-Qur'an selaku satu sistem hidup yang sempurna, yang bermu'jizat di dalam segala segi.

Al-Qur'an merupakan mu'jizat dari segi binaan pengungkapannya dan susunannya yang seni, di mana pengungkapan dan susunannya tetap berlangsung dengan ciri-ciri yang sama dan setara tidak berbeza dan berlebih kurang. Ciri-cirinya tidak pernah meleset dan mungkir seperti yang selalu berlaku di dalam ciptaan-ciptaan manusia, di mana dapat dilihat dengan jelas ciri-ciri tinggi rendah, kuat dan lemah di dalam ciptaan satu individu yang berubah-ubah keadaannya, sedangkan ciri-ciri pengungkapan Al-Qur'an tetap berlangsung dalam bentuk yang sama dan setara, tetap tidak meleset dan mungkir. Ini membuktikan bahawa Al-Qur'an ini adalah datang dari sumber Ilahi yang tidak melalui keadaan-keadaan yang berubah-ubah.

### *Ciri-ciri Mu'jizat Dalam Al-Qur'an*

Al-Qur'an merupakan mu'jizat dari segi binaan pemikiran dan dari segi susunan bahagian-bahagiannya yang selaras dan sepadu, tiada suatu yang sumbang dan tiada suatu yang kebetulan. Semua garis-garis panduan dan perundangannya bertemu pada satu titik yang selaras dan padu, dan semuanya merangkumi segala sudut kehidupan manusia. Semuanya dapat memenuhi keperluan hidup mereka dan dapat menjadi pendorongnya. Tiada satu bahagian pun dari sistem hidup Al-Qur'an yang syumul dan agung itu bercanggah dengan satu bahagian yang lain, begitu juga tiada satu pun bahagian yang bercanggah dengan fitrah manusia atau lemah dari memenuhi tuntutan keperluannya. Semua bahagiannya ditambat pada satu paksi dan diikat pada satu simpulan dalam satu bentuk susunan yang tidak dapat dilakukan oleh pengalaman manusia yang terbatas, malah di sana pastilah wujud pengalaman dan pengetahuan yang sempurna, yang tidak terikat dengan batas-batas zaman dan tempat, kerana pengalaman dan pengetahuan yang seperti inilah sahaja yang dapat membuat liputan dan susunan yang sempurna seperti Al-Qur'an ini.

Al-Qur'an merupakan mu'jizat dari segi betapa mudahnya ia meresapi ke dalam hati dan jiwa, betapa mudahnya ia memetik suis hati dan membuka pintunya yang tertutup, betapa mudahnya ia merangsangkan tempat-tempat yang peka di dalam hati. Ia dapat mengubati dan mengatasi kompleks-kompleks dan masalah-masalah jiwa manusia dengan senang dan mudah. Ia dapat mendidik dan mengendalikan hati dengan sentuhan-sentuhan yang amat mudah tanpa berbelit-belit.

### *Al-Qur'an Terbuka Kepada Generasi-generasi Setiap Zaman*

Allah S.W.T. telah menghendaki menjadikan Al-Qur'an sebagai mu'jizat agama yang akhir ini. Allah tidak menghendaki menurunkan satu mu'jizat yang memaksa manusia, iaitu mu'jizat yang berupa mu'jizat benda yang memulaskan leher manusia dan memaksa mereka tunduk beriman dan menyerah. Ini kerana agama yang akhir adalah satu agama yang terbuka kepada seluruh umat dan seluruh generasi manusia. Ia bukannya agama yang tertutup kepada satu umat manusia di suatu zaman atau di suatu tempat sahaja. Oleh sebab itu adalah sesuai bahawa mu'jizat agama ini juga terbuka kepada semua manusia, yang jauh dan yang dekat, terbuka kepada setiap umat dan kepada setiap generasi, kerana mu'jizat-mu'jizat kebendaan yang memaksa itu hanya menundukkan golongan manusia yang dapat melihatnya sahaja dan selepas itu ia tinggal menjadi kisah-kisah yang dicerita bukannya kenyataan yang disaksi dengan mata kepala. Adapun Al-Qur'an walaupun setelah dilalui lebih dari tiga belas abad, ia tetap merupakan sebuah kitab yang terbuka dan satu sistem hidup yang tercatat, di mana setiap generasi dan mana-mana zaman dapat mengambil darinya undang-undang dan peraturan-peraturan yang dapat membetulkan kehidupan mereka andainya mereka mendapat hidayat mengambil Al-Qur'an sebagai pemimpin mereka. Al-Qur'an tetap mempunyai kesanggupan untuk memenuhi kehendak-kehendak seluruh keperluan hidup mereka dengan sempurna dan membawa mereka ke alam yang lebih baik, ke ufuk yang lebih tinggi dan kepada nasib kesudahan hidup yang amat tinggi. Generasi-generasi yang akan datang selepas kita akan menemui di dalam Al-Qur'an ini rahsia-rahsia pengajaran yang lebih banyak dari apa yang didapati oleh generasi kita, kerana Al-Qur'an memberi kepada setiap generasi yang mencari rahsia-rahsianya mengikut kadar keperluannya. Dan simpanan perbendaharaan rahsia Al-Qur'an akan kekal tidak habis-habis, malah sentiasa membaharu, tetapi malangnya mereka tidak memikirkan rahsia-

rahsia hikmat Al-Qur'an yang agung ini, kerana itu mereka berpaling dari ayat-ayat Al-Qur'an yang agung, yang diturunkan dari satu masa ke satu masa:

وَمَا يَأْتِيهِم مِّن ذِكْرٍ مِّنَ الرَّحْمَٰنِ مُحْدَثٍ إِلَّا كَانُوا عَنْهُ مُعْرِضِينَ ٥

*"Dan tiada datang kepada mereka satu peringatan yang baru dari Allah Yang Maha Penyayang melainkan mereka terus berpaling darinya."(5)*

Al-Qur'an menyebut nama ar-Rahman di sini untuk membayangkan kebesaran Rahmat Allah yang menurunkan Al-Qur'an, dan di sini ternampaklah bahawa perbuatan mereka berpaling dari Al-Qur'an itu adalah satu perbuatan yang keji dan tercela, kerana mereka berpaling dari rahmat yang diturunkan kepada mereka, iaitu mereka menolak rahmat Al-Qur'an dan mengharamkan diri mereka darinya, sedangkan mereka amat memerlukannya.

Kemudian Al-Qur'an iringi kenyataan yang menjelaskan penolakan mereka terhadap kitab suci Allah dan rahmat-Nya itu dengan satu amaran yang mengancam mereka dengan 'azab seksa-Nya.

فَقَدْ كَذَّبُوا فَسَيَأْتِيهِمْ أَنبَاءُ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ٦

*"Mereka telah mendustakan (Al-Qur'an) dan kelak akan sampai kepada mereka berita-berita (akibat) dari perbuatan sendaan-sendaan yang dilakukan mereka itu."(6)*

Itulah satu amaran halus yang menakutkan. Ungkapan ayat ini mengandungi ejekan yang sesuai dengan perbuatan mereka yang mengejek janji-janji Allah. Mereka tidak akan menerima berita-berita itu, malah mereka akan merasa 'azab itu sendiri dan akan menjadi bahan berita di dalam peristiwa 'azab itu sendiri, di mana cerita 'azab yang menimpa mereka akan dipindahkan ke sana ke sini oleh manusia. Tetapi mereka terus mengejek dan terus dibalas dengan ejekan yang disertai dengan ancaman yang menakutkan.

Mereka menuntut mu'jizat, tetapi mereka abaikan kejadian-kejadian yang menjadi bukti-bukti kekuasaan Allah yang gemilang, yang ada di sekeliling mereka, sedangkan kejadian-kejadian itu merupakan bukti yang cukup kepada setiap hati yang terbuka dan melihat setiap lembaran dari lembaran-lembaran alam buana yang menakjubkan ini merupakan bukti yang meyakinkan hati.

### *Mu'jizat-mu'jizat Di Alam Tumbuhan*

أَوَلَمْ يَرَوْا إِلَى الْأَرْضِ كَمْ أَنبَتْنَا فِيهَا مِن كُلِّ زَوْجٍ كَرِيمٍ ٧

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ٨

*"Apakah mereka tidak melihat (permukaan) bumi berapa banyak Kami telah tumbuhkan berbagai-bagai pasangan tumbuhan yang mulia?(7). Sesungguhnya kejadian sedemikian merapakan bukti (kekuasaan Allah), tetapi kebanyakan mereka tidak beriman."(8)*

Mu'jizat Ilahi yang mengeluarkan tumbuh-tumbuhan yang hidup dari bumi dan menjadikan tumbuh-tumbuhan itu berpasang-pasangan jantan dan betina sama ada pasangan itu terpisah berasingan seperti pada setengah-setengah jenis tumbuhan atau terkumpul bersama seperti yang biasa terdapat di alam tumbuh-tumbuhan, di mana anggota yang menentukan jenis jantan dan anggota-anggota yang menentukan jenis betina hanya terkumpul pada satu ranting sahaja. Mu'jizat Ilahi ini berulang-ulang berlaku di bumi di sekeliling mereka pada setiap sa'at. **"Apakah mereka tidak melihat?"** Yakni apa yang diperlukan dari mereka tidak lebih dari melihat.

Sistem pendidikan Al-Qur'an menghubungkan hati manusia dengan pemandangan-pemandangan alam buana dan menyedarkan pancaindera yang kaku, otak yang dungu dan hati yang tertutup kepada keindahan-keindahan kejadian Allah yang bertaburan di sekeliling mereka pada setiap tempat supaya mereka menjelajah alam buana yang hidup ini dengan hati yang hidup, di mana mereka dapat melihat kewujudan Allah di dalam ciptaan-ciptaan-Nya yang indah dan merasakan kewujudan-Nya setiap kali mata mereka menyaksi keindahan ciptaan-Nya, malah supaya mereka berhubung dengan Allah pada setiap makhluk-Nya, supaya mereka bermuraqabah dengan Allah dan merasakan kewujudan-Nya pada setiap sa'at dari sa'at-sa'at malam dan siang, dan supaya mereka merasa diri mereka sebagai salah satu dari makhluk Allah yang berhubung rapat dengan makhluk-makhluk-Nya yang lain dan mempunyai pertalian dengan undang-undang alam yang menguasai seluruh mereka. Di samping menyedari bahawa mereka pula mempunyai peranan istimewa di alam buana ini terutama di bumi, di mana mereka telah dilantikkan selaku khalifah Allah.

*"Apakah mereka tidak melihat (permukaan) bumi berapa banyak Kami telah tumbuhkan berbagai-bagai pasangan tumbuhan yang mulia?"(7)*

Yakni tumbuh-tumbuhan itu bersifat mulia kerana ia mempunyai sifat hayat yang lahir dari qudrat Allah Yang Maha Mulia. Kata-kata **"Mulia"** itu menyarankan kepada hati kita supaya menyambut ciptaan-ciptaan Allah dengan penuh penghormatan yang sesuai dengannya, bukannya menyambut dengan penghinaan, kelalaian dan pengabaian.

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ٨

*"Sesungguhnya kejadian sedemikian merupakan bukti (kekuasaan Allah), tetapi kebanyakan mereka tidak beriman."(8)*

Mereka menuntut bukti **"Tetapi kebanyakan mereka tidak beriman".**

Pendahuluan surah ini diakhiri dengan sebuah kenyataan yang berulang-ulang dalam surah ini setiap kali ditayangkan bukti kekuasaan Allah:

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلۡعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ﴿٩﴾

*"Dan sesungguhnya Tuhanmu itu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(9)*

**"Maha Perkasa"** yakni Maha Kuat dan Maha Kuasa menciptakan bukti-bukti kekuasaan-Nya dan menyeksakan para pendusta dengan 'azab yang pedih. **"Maha Pengasih"** yakni Allah mendedahkan bukti-bukti kekuasaan-Nya kepada manusia; mana-mana orang yang hatinya mendapat hidayat akan terus beriman dengan bukti-bukti itu dan mana-mana orang yang mendustakannya, maka Allah tangguhkan 'azab terhadap mereka. Allah tidak meng'azabkan mereka sehingga mereka telah didatangi Rasul yang memberi amaran kepada mereka. Walaupun di alam buana ini terdapat berbagai-bagai bukti, namun sifat rahmat Allah menghendaki juga mengutuskan para rasul-Nya untuk memberi kesedaran, penerangan dan menyampaikan berita gembira dan berita yang menakutkan mereka.

**(Kumpulan ayat-ayat 10 - 68)**

وَإِذۡ نَادَىٰ رَبُّكَ مُوسَىٰٓ أَنِ ٱئۡتِ ٱلۡقَوۡمَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿١٠﴾
قَوۡمَ فِرۡعَوۡنَۚ أَلَا يَتَّقُونَ ﴿١١﴾
قَالَ رَبِّ إِنِّيٓ أَخَافُ أَن يُكَذِّبُونِ ﴿١٢﴾
وَيَضِيقُ صَدۡرِي وَلَا يَنطَلِقُ لِسَانِي فَأَرۡسِلۡ إِلَىٰ هَٰرُونَ ﴿١٣﴾
وَلَهُمۡ عَلَيَّ ذَنۢبٞ فَأَخَافُ أَن يَقۡتُلُونِ ﴿١٤﴾
قَالَ كَلَّاۖ فَٱذۡهَبَا بِـَٔايَٰتِنَآۖ إِنَّا مَعَكُم مُّسۡتَمِعُونَ ﴿١٥﴾
فَأۡتِيَا فِرۡعَوۡنَ فَقُولَآ إِنَّا رَسُولُ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿١٦﴾
أَنۡ أَرۡسِلۡ مَعَنَا بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ﴿١٧﴾
قَالَ أَلَمۡ نُرَبِّكَ فِينَا وَلِيدٗا وَلَبِثۡتَ فِينَا مِنۡ عُمُرِكَ سِنِينَ ﴿١٨﴾
وَفَعَلۡتَ فَعۡلَتَكَ ٱلَّتِي فَعَلۡتَ وَأَنتَ مِنَ ٱلۡكَٰفِرِينَ ﴿١٩﴾
قَالَ فَعَلۡتُهَآ إِذٗا وَأَنَا۠ مِنَ ٱلضَّآلِّينَ ﴿٢٠﴾

*"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu menyeru Musa: Temuilah kaum yang zalim itu(10). Iaitu kaum Fir'aun, mengapakah mereka tidak bertaqwa?(11) Berkatalah Musa: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku takut mereka mendustakanku(12). Dan hatiku menjadi gugup dan lidahku tidak lancar. Oleh itu hantarlah Harun kepada-ku(13). Dan aku bersalah terhadap mereka. Oleh itu aku takut mereka membunuhku(14). Allah berfirman: Janganlah sekali-kali takut. Pergilah kamu berdua membawa mu'jizat-mu'jizat Kami. Sesungguhnya Kami mendengar bersama-sama kamu(15). Hendaklah kamu berdua temui Fir'aun dan katakanlah: Sesungguhnya kami adalah utusan dari Tuhan semesta alam(16). Dan lepaskan Bani Israel (keluar dari Mesir) bersama kami(17). Berkatalah Fir'aun: Bukankah kami telah mendidikmu dalam kalangan kami sewaktu engkau masih seorang bayi yang baru lahir dan engkau juga telah tinggal dalam kalangan kami bertahun-tahun lamanya dari usia hidupmu(18). Dan engkau telah melakukan perbuatan (membunuh) yang sememangnya dilakukan engkau dan engkau (di waktu itu) adalah dari mereka yang masih tidak beriman (kepada Tuhan semesta alam)(19). Jawab Musa: Aku telah melakukan perbuatan itu sewaktu aku masih berada di dalam golongan mereka yang sesat (jahil)."(20).*

فَفَرَرۡتُ مِنكُمۡ لَمَّا خِفۡتُكُمۡ فَوَهَبَ لِي رَبِّي حُكۡمٗا وَجَعَلَنِي مِنَ ٱلۡمُرۡسَلِينَ ﴿٢١﴾
وَتِلۡكَ نِعۡمَةٞ تَمُنُّهَا عَلَيَّ أَنۡ عَبَّدتَّ بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ﴿٢٢﴾
قَالَ فِرۡعَوۡنُ وَمَا رَبُّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٢٣﴾
قَالَ رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلۡأَرۡضِ وَمَا بَيۡنَهُمَآۖ إِن كُنتُم مُّوقِنِينَ ﴿٢٤﴾
قَالَ لِمَنۡ حَوۡلَهُۥٓ أَلَا تَسۡتَمِعُونَ ﴿٢٥﴾
قَالَ رَبُّكُمۡ وَرَبُّ ءَابَآئِكُمُ ٱلۡأَوَّلِينَ ﴿٢٦﴾
قَالَ إِنَّ رَسُولَكُمُ ٱلَّذِيٓ أُرۡسِلَ إِلَيۡكُمۡ لَمَجۡنُونٞ ﴿٢٧﴾
قَالَ رَبُّ ٱلۡمَشۡرِقِ وَٱلۡمَغۡرِبِ وَمَا بَيۡنَهُمَآۖ إِن كُنتُمۡ تَعۡقِلُونَ ﴿٢٨﴾
قَالَ لَئِنِ ٱتَّخَذۡتَ إِلَٰهًا غَيۡرِي لَأَجۡعَلَنَّكَ مِنَ ٱلۡمَسۡجُونِينَ ﴿٢٩﴾
قَالَ أَوَلَوۡ جِئۡتُكَ بِشَيۡءٖ مُّبِينٖ ﴿٣٠﴾

*"Lalu aku melarikan diri dari kamu kerana aku takut kepadamu. Kemudian Tuhanku mengurniakan hikmat*

*kepadaku dan melantikkanku dalam golongan para rasul(21). Budi baik yang engkau bangkitkannya terhadapku itu adalah kerana engkau telah memper-hambakan Bani Israel(22). Fir'aun bertanya: Apakah Tuhan semesta alam itu?(23) Jawab Musa: Itulah Tuhan yang memiliki dan memelihara langit, bumi dan apa yang ada di antara keduanya, jika kamu ingin mendapat keyakinan(24). Berkatalah Fir'aun kepada mereka yang berada di sekelilingnya: Apakah kamu sekalian tidak mendengar?(25) Musa berkata lagi: Dia adalah Tuhan kamu dan Tuhan datuk nenek kamu yang dahulu kala(26). Berkatalah Fir'aun: Sesungguhnya Rasul kamu yang diutuskan kepada kamu itu adalah seorang gila(27). Musa berkata lagi: Dia adalah Tuhan timur dan barat dan apa yang ada di antara keduanya, jika kamu berfikir(28). Berkatalah Fir'aun: Jika engkau menyembah Tuhan yang lain dariku, nescaya aku jadikan engkau dalam golongan banduan-banduan yang dipenjara(29). Jawab Musa: (Adakah engkau akan bertindak begitu) walaupun aku dapat membawa kepadamu suatu bukti yang amat nyata"(30).*

قَالَ فَأْتِ بِهِۦٓ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿٣١﴾
فَأَلْقَىٰ عَصَاهُ فَإِذَا هِىَ ثُعْبَانٌ مُّبِينٌ ﴿٣٢﴾
وَنَزَعَ يَدَهُۥ فَإِذَا هِىَ بَيْضَآءُ لِلنَّٰظِرِينَ ﴿٣٣﴾
قَالَ لِلْمَلَإِ حَوْلَهُۥٓ إِنَّ هَٰذَا لَسَٰحِرٌ عَلِيمٌ ﴿٣٤﴾
يُرِيدُ أَن يُخْرِجَكُم مِّنْ أَرْضِكُم بِسِحْرِهِۦ فَمَاذَا
تَأْمُرُونَ ﴿٣٥﴾
قَالُوٓا۟ أَرْجِهْ وَأَخَاهُ وَٱبْعَثْ فِى ٱلْمَدَآئِنِ حَٰشِرِينَ ﴿٣٦﴾
يَأْتُوكَ بِكُلِّ سَحَّارٍ عَلِيمٍ ﴿٣٧﴾
فَجُمِعَ ٱلسَّحَرَةُ لِمِيقَٰتِ يَوْمٍ مَّعْلُومٍ ﴿٣٨﴾
وَقِيلَ لِلنَّاسِ هَلْ أَنتُم مُّجْتَمِعُونَ ﴿٣٩﴾
لَعَلَّنَا نَتَّبِعُ ٱلسَّحَرَةَ إِن كَانُوا۟ هُمُ ٱلْغَٰلِبِينَ ﴿٤٠﴾

*"Berkatalah Fir'aun: Bawalah bukti itu jika kamu benar(31). Lalu Musa mencampakkan tongkatnya tiba-tiba ia menjadi seekor ular yang amat nyata(32). Dan dia menarik tangannya (dari dalam bajunya) tiba-tiba ia menjadi putih melepak kepada orang-orang yang melihatnya(33). Berkatalah Fir'aun kepada para pembesar di sekelilingnya: Sesungguhnya orang ini adalah seorang tukang sihir yang pandai(34). Dia mahu mengusir kamu dari negeri kamu dengan kuasa sihirnya. Oleh itu apakah perintah kamu kepadaku(35). Jawab mereka: Berilah tempoh kepada Musa dan saudaranya dan kirimkanlah ke seluruh bandar besar utusan-utusan untuk mengumpulkan (ahli-ahli sihir)(36). Nescaya mereka akan membawa kepada anda ahli-ahli sihir yang pintar(37). Lalu dikumpulkan para ahli sihir pada suatu hari yang tertentu, yang diketahui umum(38). Lalu diumumkan kepada orang ramai: Berkumpullah kamu sekalian!(39). Semoga kita dapat mengikut para ahli sihir jika mereka menang."(40).*

فَلَمَّا جَآءَ ٱلسَّحَرَةُ قَالُوا۟ لِفِرْعَوْنَ أَئِنَّ لَنَا لَأَجْرًا إِن كُنَّا
نَحْنُ ٱلْغَٰلِبِينَ ﴿٤١﴾
قَالَ نَعَمْ وَإِنَّكُمْ إِذًا لَّمِنَ ٱلْمُقَرَّبِينَ ﴿٤٢﴾
قَالَ لَهُم مُّوسَىٰٓ أَلْقُوا۟ مَآ أَنتُم مُّلْقُونَ ﴿٤٣﴾
فَأَلْقَوْا۟ حِبَالَهُمْ وَعِصِيَّهُمْ وَقَالُوا۟ بِعِزَّةِ فِرْعَوْنَ إِنَّا
لَنَحْنُ ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿٤٤﴾
فَأَلْقَىٰ مُوسَىٰ عَصَاهُ فَإِذَا هِىَ تَلْقَفُ مَا يَأْفِكُونَ ﴿٤٥﴾
فَأُلْقِىَ ٱلسَّحَرَةُ سَٰجِدِينَ ﴿٤٦﴾
قَالُوٓا۟ ءَامَنَّا بِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٤٧﴾
رَبِّ مُوسَىٰ وَهَٰرُونَ ﴿٤٨﴾
قَالَ ءَامَنتُمْ لَهُۥ قَبْلَ أَنْ ءَاذَنَ لَكُمْ ۖ إِنَّهُۥ لَكَبِيرُكُمُ ٱلَّذِى
عَلَّمَكُمُ ٱلسِّحْرَ فَلَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ۚ لَأُقَطِّعَنَّ أَيْدِيَكُمْ
وَأَرْجُلَكُم مِّنْ خِلَٰفٍ وَلَأُصَلِّبَنَّكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٤٩﴾
قَالُوا۟ لَا ضَيْرَ ۖ إِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا مُنقَلِبُونَ ﴿٥٠﴾

*"Apabila ahli-ahli sihir itu datang, mereka berkata kepada Fir'aun: Apakah kami akan mendapat upah jika kami menang?(41) Jawab Fir'aun: Ya, dan kamu sekalian akan menjadi orang-orang yang hampir kepadaku(42). Berkatalah Musa kepada mereka: Campakkan apa sahaja yang kamu mahu campak!(43). Lalu mereka mencampakkan tali-tali dan tongkat-tongkat mereka sambil berkata: Demi keagungan Fir'aun, kami akan menang(44). Kemudian Musa mencampakkan tongkatnya, tiba-tiba ia menelan segala (ular palsu) yang diada-adakan mereka(45). Lalu tersungkurlah ahli-ahli sihir sujud (kepada Allah)(46). Dan berkatalah mereka: Kami telah beriman kepada Tuhan semesta alam(47). Iaitu Tuhan Musa dan Harun(48). Berkatalah Fir'aun: Apakah kamu telah menyerah kepadanya sebelum aku memberi keizinan kepada kamu. Sesungguhnya dia adalah pemimpin kamu yang telah mengajar ilmu sihir kepada kamu. Kamu akan mengetahui (akibatnya). Aku akan potongkan tangan dan kaki kamu secara bersilangan dan aku akan salibkan kamu sekalian(49). Jawab mereka: Tidak ada apa-apa kemudharatan kepada kami. Sesungguhnya kami sekalian (ingin) kembali kepada Tuhan kami."(50).*

إِنَّا نَطْمَعُ أَن يَغْفِرَ لَنَا رَبُّنَا خَطَٰيَٰنَآ أَن كُنَّآ أَوَّلَ
ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥١﴾

وَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ أَنْ أَسْرِ بِعِبَادِيٓ إِنَّكُم مُّتَّبَعُونَ ٥٢

فَأَرْسَلَ فِرْعَوْنُ فِى ٱلْمَدَآئِنِ حَٰشِرِينَ ٥٣

إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ لَشِرْذِمَةٌ قَلِيلُونَ ٥٤

وَإِنَّهُمْ لَنَا لَغَآئِظُونَ ٥٥

وَإِنَّا لَجَمِيعٌ حَٰذِرُونَ ٥٦

فَأَخْرَجْنَٰهُم مِّن جَنَّٰتٍ وَعُيُونٍ ٥٧

وَكُنُوزٍ وَمَقَامٍ كَرِيمٍ ٥٨

كَذَٰلِكَ وَأَوْرَثْنَٰهَا بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٥٩

فَأَتْبَعُوهُم مُّشْرِقِينَ ٦٠

*"Sesungguhnya kami amat inginkan agar Tuhan kami mengampunkan dosa-dosa kami, kerana kamilah orang-orang yang pertama beriman(51). Dan Kami perintahkan Musa: Berlepaslah engkau di malam hari membawa hamba-hamba-Ku sesungguhnya kamu akan diikuti (tentera Fir'aun)(52). Lalu Fir'aun mengirim (para utusannya) ke merata pelosok negeri untuk mengumpulkan (bala tentera)(53). (Fir'aun berkata): Sesungguhnya mereka (Bani Israel) adalah satu kumpulan yang kecil sahaja(54). Dan sesungguhnya mereka telah melakukan perkara-perkara yang menimbulkan kemarahan kami(55). Dan sesungguhnya kita sekalian sentiasa berwaspada(56). Lalu Kami keluarkan mereka dari taman-taman dan matair-matair(57). Dan dari perbendaharaan-perbendaharaan dan kedudukan yang mulia(58). Demikianlah halnya dan kemudian Kami wariskan ni'mat-ni'mat itu kepada Bani Israel pula(59). Lalu (Fir'aun dan bala tenteranya) mengejar mereka di waktu matahari terbenam."(60).*

فَلَمَّا تَرَٰٓءَا ٱلْجَمْعَانِ قَالَ أَصْحَٰبُ مُوسَىٰٓ إِنَّا لَمُدْرَكُونَ ٦١

قَالَ كَلَّآ ۖ إِنَّ مَعِىَ رَبِّى سَيَهْدِينِ ٦٢

فَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ أَنِ ٱضْرِب بِّعَصَاكَ ٱلْبَحْرَ ۖ فَٱنفَلَقَ فَكَانَ كُلُّ فِرْقٍ كَٱلطَّوْدِ ٱلْعَظِيمِ ٦٣

وَأَزْلَفْنَا ثَمَّ ٱلْءَاخَرِينَ ٦٤

وَأَنجَيْنَا مُوسَىٰ وَمَن مَّعَهُۥٓ أَجْمَعِينَ ٦٥

ثُمَّ أَغْرَقْنَا ٱلْءَاخَرِينَ ٦٦

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ٦٧

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ٦٨

*"Apabila kedua-dua angkatan itu dapat melihat satu sama lain, maka berkatalah pengikut-pengikut Musa: Sesungguhnya kita akan ditangkap mereka(61). Jawab Musa: Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Tuhanku tetap bersamaku, Dia akan memberi petunjuk kepadaku(62). Lalu Kami perintahkan kepada Musa: Pukullah lautan itu dengan tongkatmu! Lalu terbelahlah laut itu, setiap belah laksana gunung yang besar(63). Dan di sana Kami dekatkan angkatan yang satu lagi (Fir'aun dan bala tenteranya)(64). Dan Kami selamatkan Musa dan sekalian pengikut-pengikut yang ada bersamanya(65). Kemudian Kami tenggelamkan angkatan yang satu lagi itu(66). Sesungguhnya peristiwa itu merupakan satu bukti kekuasaan Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak juga beriman(67). Dan sesungguhnya Tuhanmu Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(68).*

**(Latar belakang dan pokok pembicaraan)**

Inilah babak kisah Nabi Musa a.s. Ia diceritakan di dalam surah ini sesuai dengan Maudhu' surah dan sesuai dengan tujuannya yang bermaksud untuk menerangkan akibat yang menimpa orang-orang yang mendustakan agama Allah, juga bermaksud untuk mententeram dan menghiburkan Rasulullah s.a.w. yang menghadapi kesulitan kerana ditolak dan dibohongkan oleh kaum Musyrikin, dan seterusnya bermaksud untuk menerangkan naungan Allah terhadap da'wah-Nya dan terhadap orang-orang yang beriman dengan-Nya walaupun mereka tidak mempunyai apa-apa kekuatan, sedangkan musuh-musuh mereka kuat dan berkuasa di bumi serta bertindak kejam terhadap mereka. Itulah keadaan hidup kaum Muslimin di Makkah semasa turunnya surah ini. Kisah-kisah itu merupakan salah satu sarana atau alat pendidikan Al-Qur'aniyah di dalarn Al-Qur'anul-Karim.

Setakat ini babak-babak kisah Nabi Musa a.s. telah diceritakan di dalam Surah al-Baqarah, Surah al-Ma'idah, Surah al-A'raf, Surah Yunus, Surah al-Isra', Surah al-Kahfi dan Surah Taha. Di samping isyarat-isyarat sepintas lalu di dalam surah-surah yang lain.

Pada setiap kali penceritaan, babak-babak atau isyarat-isyarat sepintas lalu kisah itu adalah selaras dengan Maudhu' surah atau dengan penerangan ayat-ayat, di mana babak-babak kisah itu dikemukakan sama seperti keadaannya di dalam surah ini. Kisah itu bekerjasama menggambarkan Maudhu' yang menjadi matlamat penerangan ayat-ayat itu. [1]

Babak kisah yang dikemukakan dalam surah ini ialah babak Nabi Musa a.s,. diangkat menjadi Rasul

---

[1] *Lihat juzu' keenam belas Tafsir Fi Zilal dan bab "* القصة في القرآن *" dalam buku "* التصوير الفني في القرآن *".*

dan bagaimana beliau didustakan Fir'aun dan kaumnya dan bagaimana Fir'aun dan kaumnya ditenggelamkan Allah sebagai balasan terhadap pendustaan mereka, juga balasan terhadap Fir'aun yang telah mengatur pakatan jahat terhadap Musa dan pengikut-pengikutnya yang beriman, dan bagaimana Musa dan Bani Israel terselamat dari tipudaya orang-orang yang zalim itu. Kisah ini membenarkan firman Allah S.W.T. di dalam surah ini mengenai kaum Musyrikin:

وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَيَّ مُنْقَلَبٍ يَنْقَلِبُونَ ﴿٢٢٧﴾

*"Dan orang-orang yang zalim itu akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali."(227)*

فَقَدْ كَذَّبُوا فَسَيَأْتِيهِمْ أَنْبَاءُ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٦﴾

*"Mereka telah mendustakan (Al-Qur'an) dan kelak akan sampai kepada mereka berita-berita (akibat) dari perbuatan sendaan-sendaan yang dilakukan mereka itu."(6)*

Babak kisah Musa ini dibahagikan kepada beberapa adegan dan di antara adegan-adegan itu terdapat ruang-ruang kosong sekadar masa dilabuhkan tirai-tirai yang menutup adegan itu kemudian tirai itu disingkapkan kembali untuk menayangkan adegan selanjutnya. Ini adalah satu gejala seni yang dapat diperhatikan pada cara Al-Qur'an mengemukakan kisah-kisah itu.[2]

Di sini terdapat tujuh adegan: Pertama, adegan Nabi Musa a.s. diseru Allah, diangkat menjadi Rasul, menerima wahyu dan bermunajat dengan Allah. Kedua, adegan Nabi Musa a.s. mengadap Fir'aun dan pembesar-pembesarnya dengan kerasulannya dan dengan mu'jizat tongkat dan tangannya. Ketiga, adegan pakatan jahat Fir'aun men-gumpulkan para ahli sihir dan orang ramai untuk mengadakan pertandingan yang besar. Yang keempat, adegan para ahli sihir mengadap Fir'aun untuk menentukan masalah upah dan ganjaran. Kelima adegan pertandingan itu sendiri, keimanan ahli-ahli sihir dan ancaman Fir'aun hendak menyeksakan mereka. Keenam adegan yang menayangkan dua pemandangan. Pemandangan yang pertama pemandangan Nabi Musa a.s. diperintah berlepas di waktu malam membawa keluar Bani Israel, dan pemandangan yang kedua ialah pemandangan Fir'aun mengirim para utusannya ke merata pelosok negeri mengumpulkan bala tentera untuk mengejar Bani Israel. Ketujuh, adegan pertembungan di hadapan lautan dan kesudahannya, di mana terbelahnya lautan, tenggelamnya orang-orang yang zalim dan terselamatnya para Mu'minin.

Adegan-adegan ini telah pun ditayangkan di dalam Surah al-A'raf, Surah Yunus dan Surah Taha, tetapi pada setiap tempat itu ia ditayangkan dari sudut yang sesuai dengan ayat tempat itu dan dengan cara yang selaras dengan tujuan ayat tempat itu. Adegan-adegan itu menekankan maksud-maksud tertentu di sana sini.

Misalnya di dalam Surah al-A'raf, kisah itu dimulakan secara ringkas dengan adegan pertemuan dan percakapan di antara Musa dan Fir'aun, kemudian dengan cepat pula melangkau pemandangan tukang-tukang sihir dan kesudahannya, tetapi ia menayangkan dengan panjang cerita pakatan jahat Fir'aun dengan para pembesarnya serta menayangkan mu'jizat-mu'jizat Musa selama beliau tinggal di Mesir selepas peristiwa pertandingan itu dan sebelum adegan tenggelamnya (Fir'aun dan bala tenteranya) dan selamatnya (Musa dan Bani Israel). Kemudian ia selangi dengan cerita Bani Israel selepas mereka menyeberangi lautan itu di dalam berbagai-bagai babak, sedangkan cerita ini tidak disebutkan di sini, tetapi di sini diceritakan dengan luas adegan perdebatan di antara Musa dan Fir'aun di sekitar persoalan Wahdaniyah Allah S.W.T. dan wahyu-Nya kepada Rasul-Nya, iaitu persoalan yang menjadi Maudhu' perdebatan dalam surah ini di antara kaum Musyrikin dengan Nabi s.a.w.

Di dalam Surah Yunus pula cerita ini dimulakan dengan pertemuan dan percakapan di antara Musa dengan Fir'aun secara ringkas tanpa menyebut mu'jizat tongkat dan tangan. Adegan pertandingan juga disebut dengan ringkas sedangkan kedua-dua adegan disebut secara meluas di sini (Surah asy-Syu'ara').

Di dalam Surah Taha pula, adegan munajat pertama di antara Musa dengan Allah diceritakan dengan meluas, dan selepas menceritakan adegan pertemuan dan pertandingan ia mengikuti Bani Israel di dalam perjalanan mereka yang jauh, tetapi di sini kisah itu hanya setakat adegan tenggelam dan selamat sahaja, tidak lebih dari itu.

Demikianlah kita dapati kisah ini tidak sekali-kali berulang-ulang walaupun begitu banyak disebutkan di dalam surah-surah Al-Qur'an kerana kepelbagaian cara memilih babak-babak kisah, pemandangan-pemandangan di setiap babak, pemilihan sudut dari setiap pemandangan dan cara gaya pembentangannya, menjadikan kisah ini kelihatan sentiasa baru pada setiap tempat dan sesuai pula dengan tempat itu.

******

**(Pentafsiran ayat-ayat 10 - 17)**

وَإِذْ نَادَىٰ رَبُّكَ مُوسَىٰ أَنِ ائْتِ الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٠﴾

قَوْمَ فِرْعَوْنَ ۚ أَلَا يَتَّقُونَ ﴿١١﴾

قَالَ رَبِّ إِنِّي أَخَافُ أَنْ يُكَذِّبُونِ ﴿١٢﴾

وَلَهُمْ عَلَيَّ ذَنْبٌ فَأَخَافُ أَنْ يَقْتُلُونِ ﴿١٤﴾

---

[2] Bab "القصة في القرآن".

قَالَ كَلَّا فَاذْهَبَا بِآيَاتِنَا إِنَّا مَعَكُم مُّسْتَمِعُونَ ﴿١٥﴾

فَأْتِيَا فِرْعَوْنَ فَقُولَا إِنَّا رَسُولُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦﴾

أَنْ أَرْسِلْ مَعَنَا بَنِي إِسْرَائِيلَ ﴿١٧﴾

*"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu menyeru Musa: Temuilah kaum yang zalim itu(10). Iaitu kaum Fir'aun, mengapakah mereka tidak bertaqwa?(11). Berkatalah Musa: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku takut mereka mendustakanku(12). Dan hatiku menjadi gugup dan lidahku tidak lancar. Oleh itu hantarlah Harun kepada-ku(13). Dan aku bersalah terhadap mereka. Oleh itu aku takut mereka membunuhku(14). Allah berfirman: Janganlah sekali-kali takut. Pergilah kamu berdua membawa mu'jizat-mu'jizat Kami. Sesungguhnya Kami mendengar bersama-sama kamu(15). Hendaklah kamu berdua temui Fir'aun dan katakanlah: Sesungguhnya kami adalah utusan dari Tuhan semesta alam(16). Dan lepaskan Bani Israel (keluar dari Mesir) bersama Kami."(17)*

Penerangan kisah-kisah ini ditujukan kepada Rasulullah s.a.w. selepas Allah berfirman kepadanya di permulaan surah.

لَعَلَّكَ بَاخِعٌ نَّفْسَكَ أَلَّا يَكُونُوا مُؤْمِنِينَ ﴿٣﴾

إِن نَّشَأْ نُنَزِّلْ عَلَيْهِم مِّنَ السَّمَاءِ آيَةً فَظَلَّتْ أَعْنَاقُهُمْ لَهَا خَاضِعِينَ ﴿٤﴾

وَمَا يَأْتِيهِم مِّن ذِكْرٍ مِّنَ الرَّحْمَٰنِ مُحْدَثٍ إِلَّا كَانُوا عَنْهُ مُعْرِضِينَ ﴿٥﴾

فَقَدْ كَذَّبُوا فَسَيَأْتِيهِمْ أَنبَاءُ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهْزِئُونَ ﴿٦﴾

*"Boleh jadi engkau (Muhammad) berhasrat membinasakan dirimu kerana mereka tidak beriman(3). Jika Kami kehendaki nescaya Kami turunkan kepada mereka satu mu'jizat dari langit yang membuat leher mereka sentiasa tunduk kepadanya(4). Dan tiada datang kepada mereka satu peringatan yang baru dari Allah Yang Maha Penyayang melainkan mereka terus berpaling darinya(5). Mereka telah mendustakan (Al-Qur'an) dan kelak akan sampai kepada mereka berita-berita (akibat) dari per-buatan sendaan-sendaan yang dilakukan mereka itu."(6)*

Kemudian Allah menceritakan kepada beliau berita para pendusta yang menolak dan mempersenda-sendakan Rasul dan akibat 'azab yang amat pedih yang telah menimpa mereka:

وَإِذْ نَادَىٰ رَبُّكَ مُوسَىٰ أَنِ ائْتِ الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ ﴿١٠﴾

قَوْمَ فِرْعَوْنَ أَلَا يَتَّقُونَ ﴿١١﴾

*"Dan (kenangilah) ketika Tuhanmu menyeru Musa: Temuilah kaum yang zalim itu(10). Iaitu kaum Fir'aun, mengapakah mereka tidak bertaqwa?"(11)*

***Musa Diperintah Mengadap Fir'aun***

Inilah adegan pertama yang menayangkan pemandangan Nabi Musa a.s. diserahkan tugas kerasulan. Ia dimulakan dengan menerangkan sifat kaum Fir'aun, iaitu **"Kaum yang zalim"** kerana mereka telah menzalimi diri sendiri dengan kekufuran dan kesesatan, juga kerana mereka menzalimi Bani Israel dengan membunuh anak-anak lelaki mereka dan hanya membiarkan anak-anak perempuan mereka sahaja yang hidup, serta menyeksakan mereka dengan menggunakan mereka buruh paksa yang menderita. Oleh sebab inilah Al-Qur'an menyebut sifat mereka dahulu kemudian barulah ia menentukan orangnya **"Iaitu kaum Fir'aun"** kemudian Al-Qur'an menyatakan kehairanannya kepada Musa dan kepada semua manusia **"Mengapakah mereka tidak bertaqwa?"** yakni mengapakah mereka tidak takut kepada Tuhan mereka? Tidakkah mereka takut kepada akibat kezaliman mereka? Mengapakah mereka tidak berpatah balik dari kesesatan mereka? Ya, sikap mereka sungguh aneh dan wajar dihairankan. Dan setiap orang yang zalim yang bersikap seperti mereka adalah sama sahaja seperti mereka.

Sikap Fir'aun dan para pembesarnya bukanlah suatu perkara baru kepada Nabi Musa a.s. Beliau memang cukup mengetahuinya. Beliau memang tahu kezaliman Fir'aun dan kemaharajalelaannya. Beliau sedar bahawa tugas kerasulan itu adalah satu tugas yang amat besar dan amat berat. Oleh sebab itulah beliau mengadu kelemahan dan kekurangannya kepada Allah, tetapi rayuan ini bukanlah bertujuan untuk melepas dan menguzurkan dirinya dari perintah yang agung itu, malah untuk memohon bantuan dan pertolongan dalam melaksanakan tugas yang amat sukar itu.

قَالَ رَبِّ إِنِّي أَخَافُ أَن يُكَذِّبُونِ ﴿١٢﴾

وَيَضِيقُ صَدْرِي وَلَا يَنطَلِقُ لِسَانِي فَأَرْسِلْ إِلَىٰ هَارُونَ ﴿١٣﴾

وَلَهُمْ عَلَيَّ ذَنبٌ فَأَخَافُ أَن يَقْتُلُونِ ﴿١٤﴾

*"Berkatalah Musa: Wahai Tuhanku! Sesungguhnya aku takut mereka mendustakanku(12). Dan hatiku menjadi gugup dan lidahku tidak lancar. Oleh itu hantarlah Harun kepadaku(13). Dan aku bersalah terhadap mereka. Oleh itu aku takut mereka membunuhku."(14)*

Yang nampak jelas dari do'a Musa a.s. ialah beliau bukannya semata-mata takut kepada pendustaan, tetapi beliau bimbang pendustaan itu berlaku semasa hati beliau berada dalam keadaan gugup dan lidahnya tidak lancar menyebabkan beliau tidak berupaya

memberi penerangan yang jelas dan mengemukakan hujah-hujah untuk menentang dan menolak pendustaan itu. Memang ada kelemahan gagap pada lidah beliau dan kelemahan inilah yang disebut oleh beliau (di dalam do'anya) dalam Surah Taha:

وَٱحۡلُلۡ عُقۡدَةٗ مِّن لِّسَانِي ﴿٢٧﴾ يَفۡقَهُواْ قَوۡلِي ﴿٢٨﴾

*"Dan lepaskanlah simpulan dari lidahku supaya mereka dapat memahami perkataanku."(27-28)*

Pengidapan bercakap gagap ini biasanya menimbulkan keadaan yang menjadikan seseorang itu gugup kerana ia tidak dapat meluahkan perasaannya yang terharu itu dengan percakapan, dan kegagapan itu akan bertambah berat lagi apabila tekanan perasaan terharu itu bertambah kuat. Ini akan menyebabkan seseorang itu bertambah gugup. Demikianlah seterusnya. Pengidapan ini memang diketahui umum. Dari sinilah Nabi Musa a.s. bimbang keadaan yang seperti ini akan berlaku kepada beliau semasa menyampaikan da'wah kepada pemerintah yang zalim seperti Fir'aun. Oleh sebab itulah beliau mengadu kelemahan dan kebimbangan-nya kepada Allah dalam usaha menyampaikan da'wah itu dan meminta Allah memerintah Harun saudaranya supaya turut bersama beliau menyampaikan da'wah itu untuk menutup kelemahannya dalam melaksanakan tugas itu, bukannya untuk mengelak dan menguzurkan diri dari tugas itu. Harun lebih fasih lidahnya kerana itu beliau lebih tenang. Apabila Musa diganggu oleh pengidapan gagapnya atau diharui perasaan gugup, maka bolehlah Harun (mengambil tempatnya) berdebat, berhujah dan membuat penerangan-penerangan yang jelas. Nabi Musa a.s. telah memohon kepada Allah sebagaimana tersebut dalam Surah Taha - supaya melepaskan simpulan gagap itu dari lidahnya, tetapi bagi menambahkan lagi langkah-langkah cadangan untuk melaksanakan tugas itu, beliau memohon agar Allah mengutuskan Harun saudaranya itu bersama beliau sebagai menteri dan pembantunya.

Begitu juga perkataan beliau **"Aku bersalah terhadap mereka, oleh itu aku takut mereka membunuhku."** Beliau menyebut perkara ini bukan kerana takut menghadapi Fir'aun dan mengelak diri dari tugas, tetapi kerana ada hubungan dengan permintaan beliau agar Harun turut diutuskan bersama beliau supaya jika ia dibunuh, maka Harun dapat mengambil tempatnya menyampaikan da'wah dan menyempurnakan tugas yang diperintah Allah tanpa terganggu apa-apa.

Itulah langkah cadangan untuk (keselamatan) da'wah bukannya untuk (keselamatan) penda'wah. Pertama: Langkah cadangan ketika lidah beliau mengalami gagap semasa mempertahankan da'wah Allah dan menerangkan hujah-hujahnya yang boleh menyebabkan da'wah itu kelihatan lemah dan tidak sempurna. Kedua: Langkah cadangan kemungkinan beliau dibunuh mereka dan menyebabkan tugas menyampaikan da'wah Allah yang ditugaskan kepadanya itu terhenti, sedangkan beliau amat ghairah untuk menyampai dan menegakkannya. Inilah (sikap hati-hati) yang layak dengan Musa a.s. yang dicipta, dididik dan dipilih oleh Allah.

Kerana memenuhi keghairahan dan langkah-langkah cadangan Musa itu, maka Allah telah memperkenankan permintaan beliau dan mententeramkan hatinya dari kebimbangan dan ketakutan. Di sini Al-Qur'an mencerita dengan ringkas tanpa menyebut babak permohonan Musa diperkenankan Allah, babak Harun diutuskan bersama, babak ketibaan Musa di Mesir dan pertemuan beliau dengan Harun, malah ia terus menayangkan pemandangan Musa bersama Harun sedang menerima perintah Tuhan mereka Yang Maha Mulia dan serentak dalam waktu yang sama Allah menenangkan hati Musa dan menolak kebimbangan beliau dengan sekeras-kerasnya, iaitu dengan menggunakan kata-kata " كلا " sebuah kata-kata yang digunakan untuk menyatakan sanggahan dan larangan yang keras.

قَالَ كَلَّاۖ فَٱذۡهَبَا بِـَٔايَٰتِنَآۖ إِنَّا مَعَكُم مُّسۡتَمِعُونَ ﴿١٥﴾ فَأۡتِيَا فِرۡعَوۡنَ فَقُولَآ إِنَّا رَسُولُ رَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿١٦﴾ أَنۡ أَرۡسِلۡ مَعَنَا بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ﴿١٧﴾

*"Allah berfirman: Janganlah sekali-kali takut. Pergilah kamu berdua membawa mu'jizat-mu'jizat Kami. Sesungguhnya Kami mendengar bersama-sama kamu(15). Hendaklah kamu berdua temui Fir'aun dan katakanlah: Sesungguhnya kami adalah utusan dari Tuhan semesta alam(16). Dan lepaskan Bani Israel (keluar dari Mesir) bersama kami."(17)*

Jangan sekali-kali takut. Hatimu tidak akan gugup dan lidahmu tidak akan tergagap dan engkau sekali-kali tidak akan dibunuh mereka. Jauhkan ingatan-ingatan yang seperti ini dari hatimu dan pergilah engkau bersama saudaramu **"Pergilah kamu berdua membawa mu'jizat-mu'jizat Kami".** Di antara mu'jizat yang telah disaksikan Musa ialah mu'jizat tongkat dan tangan yang putih melepak. Al-Qur'an menayangkan kedua-dua mu'jizat itu dengan ringkas sahaja di sini, kerana penekanan di dalam surah ini adalah ditujukan kepada kisah pertemuan dengan Fir'aun, kisah pertandingan dengan para ahli sihir dan kisah tenggelam dan selamat. Pergilah kamu berdua **"Sesungguhnya Kami mendengar bersama-sama kamu".** Apakah lagi kekuatan, kuasa dan naungan (yang lebih dari ini)? Allah tetap bersama mereka berdua, malah bersama setiap manusia di setiap sa'at dan di setiap tempat. Kebersamaan yang dimaksudkan di dalam ayat ini ialah kebersamaan untuk memberi pertolongan dan bantuan yang digambarkan di sini dengan gambaran **"Mendengar"** iaitu setinggi-tinggi gambaran kehadiran dan perhatian Ilahi. Ini adalah satu gambaran yang membayangkan kehalusan naungan Allah dan siap sedianya bantuan dan pertolongan Allah kepada

beliau mengikut gaya penyampaian Al-Qur'an melalui cara ilustrasi.

Pergilah kamu berdua dan **"Hendaklah kamu temui Fir'aun"** dan ceritakan tugas kamu kepadanya tanpa sebarang ketakutan dan teragak-agak dan **"Katakanlah sesungguh-nya kami adalah utusan dari Tuhan semesta alam"** termasuk mereka berdua, tetapi kedua mereka pergi membawa tugas da'wah yang sama. Mereka berdua adalah utusan dari Tuhan semesta alam yang diutus untuk menghadapi Fir'aun yang telah mendakwa menjadi Tuhan dan berkata kepada kaumnya:

مَا عَلِمْتُ لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ غَيْرِي

*"Aku tidak mengetahui kamu mempunyai Tuhan yang lain dariku."*

(Surah al-Qasas: 38)

Ia merupakan satu da'wah yang kuat,yang berterus terang mengemukakan hakikat tauhid sejak detik pertama lagi, satu da'wah sekaligus tanpa beransur-ansur dan tanpa takut-takut, kerana hakikat tauhid adalah satu hakikat yang tunggal yang tidak tahu bertolak ansur dan berdiplomasi.

**"Sesungguhnya kami adalah utusan Tuhan yang memiliki dan memelihara semesta alam dan lepaskan Bani Israel (keluar dari Mesir) bersama kami",** dari ayat-ayat ini dan ayat-ayat seumpamanya di dalam kisah Musa a.s. di dalam Al-Qur'an, ternyatalah bahawa beliau diutus kepada Fir'aun dan kaumnya bukanlah untuk menyeru mereka kepada agamanya dan mengajak mereka berpegang dengan sistem hidup da'wahnya, malah beliau diutuskan kepada mereka untuk menuntut mereka membebaskan Bani Israel supaya mereka dapat menyembah Tuhan mereka mengikut kehendak mereka, kerana Bani Israel adalah memeluk agama (samawi) sejak moyang mereka Israel lagi, iaitu Nabi Ya'kub ayahanda Nabi Yusuf a.s., kemudian agama ini telah pudar di dalam jiwa mereka dan 'aqidah-'aqidah mereka telah menjadi rosak, lalu Allah mengutuskan Musa kepada mereka untuk menyelamatkan mereka dari kezaliman Fir'aun dan mendidik mereka semula di atas agama tauhid.

******

## (Pentafsiran ayat-ayat 18 - 37)

### *Musa Berdialog Dengan Fir'aun*

Sampai di sini kita masih berada di hadapan pemandangan Nabi Musa a.s. dibangkit, diwahyu dan ditugaskan sebagai seorang rasul, tetapi tirai telah dilabuhkan kemudian kita dapati diri kita berada di hadapan pemandangan Nabi Musa a.s. bertemu dan berdepan dengan Fir'aun. Al-Qur'an meringkaskan cerita tanpa menyebut babak-babak yang terdapat di antara dua pemandangan itu mengikut gaya cara penyampaian Al-Qur'an yang seni.

قَالَ أَلَمْ نُرَبِّكَ فِينَا وَلِيدًا وَلَبِثْتَ فِينَا مِنْ عُمُرِكَ سِنِينَ ﴿١٨﴾

وَفَعَلْتَ فَعْلَتَكَ الَّتِي فَعَلْتَ وَأَنتَ مِنَ الْكَافِرِينَ ﴿١٩﴾

قَالَ فَعَلْتُهَا إِذًا وَأَنَا مِنَ الضَّالِّينَ ﴿٢٠﴾

فَفَرَرْتُ مِنكُمْ لَمَّا خِفْتُكُمْ فَوَهَبَ لِي رَبِّي حُكْمًا وَجَعَلَنِي مِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿٢١﴾

وَتِلْكَ نِعْمَةٌ تَمُنُّهَا عَلَيَّ أَنْ عَبَّدتَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ ﴿٢٢﴾

*"Berkatalah Fir'aun: Bukankah kami telah mendidikmu dalam kalangan kami sewaktu engkau masih seorang bayi yang baru lahir dan engkau juga telah tinggal dalam kalangan kami bertahun-tahun lamanya dari usia hidupmu(18). Dan engkau telah melakukan perbuatan (membunuh) yang sememangnya dilakukan engkau dan engkau (di waktu itu) adalah dari mereka yang masih tidak beriman (kepada Tuhan semesta alam)(19). Jawab Musa: Aku telah melakukan perbuatan itu sewaktu aku masih berada di dalam golongan mereka yang sesat (jahil)(20). Lalu aku melarikan diri dari kamu kerana aku takut kepadamu. Kemudian Tuhanku mengurniakan hikmat kepadaku dan melantikkanku dalam golongan para rasul(21). Budi baik yang engkau bangkitkannya terhadapku itu adalah kerana engkau telah memperhambakan Bani Israel."(22)*

Fir'aun terkaget melihat Musa menghadapinya dengan dakwaan yang amat besar ini **"Sesungguhnya kami adalah utusan dari Tuhan sekalian alam",** dan kemudian mengemukakan tuntutan yang amat besar pula **"Dan lepaskan Bani Israel (keluar dari Mesir) bersama kami"** kerana setahu Fir'aun Musa hanya seorang budak peliharaannya sahaja sejak ia dipungut dari sebuah peti (yang dihanyutkan di Sungai Nil).[3] Dan dia telah melarikan diri selepas membunuh seorang Qibti, yang sedang bergaduh dengan seorang Bani Israel.[4] Menurut cerita, orang Qibti ini kebetulan, salah seorang pegawai Fir'aun. Alangkah jauhnya jarak perbezaan di antara masa Fir'aun mengenali siapa Musa dengan masa Musa mengemukakan dakwaan yang amat besar ini kepadanya setelah berlalu selama sepuluh tahun itu. Justeru itulah Fir'aun memperlihatkan kehairanannya dengan mengemukakan pertanyaan mengejek dan menghina:

قَالَ أَلَمْ نُرَبِّكَ فِينَا وَلِيدًا وَلَبِثْتَ فِينَا مِنْ عُمُرِكَ سِنِينَ ﴿١٨﴾

---

[3] *Surah Taha , Juzu' yang ke-16, Tafsir Fi Zilal.*
[4] *Surah al-Qasas, Juzu' ke-20.*

وَفَعَلْتَ فَعْلَتَكَ ٱلَّتِى فَعَلْتَ وَأَنتَ مِنَ ٱلْكَٰفِرِينَ ١٩

*"Berkatalah Fir'aun: Bukankah kami telah mendidikmu dalam kalangan kami sewaktu engkau masih seorang bayi yang baru lahir dan engkau juga telah tinggal dalam kalangan kami bertahun-tahun lamanya dari usia hidupmu(18). Dan engkau telah melakukan perbuatan (membunuh) yang sememangnya dilakukan engkau dan engkau (di waktu itu) adalah dari mereka yang masih tidak beriman (kepada Tuhan semesta alam)."(19)*

Inikah balasan terhadap didikan dan kemuliaan yang engkau telah terima di sisi kami sejak engkau masih seorang bayi yang baru lahir? Apakah engkau datang pada hari ini untuk menentang agama yang kami anuti dan untuk menderhaka terhadap seorang raja, di mana engkau diasuh di bawah bumbung istananya dan untuk bertuhankan Tuhan yang lain darinya?

Mengapakah - semasa engkau tinggal bersama kami bertahun-tahun lamanya engkau tidak pernah memperkatakan tentang dakwaan yang engkau kemukakannya pada hari ini dan engkau tidak pernah memberitahu kami tentang muqaddimah-muqaddimah perkara yang amat besar ini?

Fir'aun mengingatkan beliau tentang peristiwa pembunuhan seorang Qibti dengan gaya kata yang bertujuan membesar-besarkan perbuatan itu: **"Dan engkau telah melakukan perbuatan yang sememangnya dilakukan engkau".** Itulah perbuatan engkau yang amat keji dan buruk, yang tidak layak diceritakan dengan kata-kata yang terbuka. Engkau sememangnya telah melakukan perbuatan itu **"Dan engkau (di waktu itu) adalah dari mereka yang masih tidak beriman"** kepada Tuhan semesta alam yang engkau sebutkannya pada hari ini, kerana di waktu itu engkau tidak pernah memperkatakan tentang Tuhan semesta alam itu.

Demikianlah Fir'aun mengumpulkan segala alasan yang difikirnya dapat menjadi hujah yang membunuh Nabi Musa a.s. dan tidak dapat dijawab oleh beliau terutama cerita beliau membunuh orang Qibti yang boleh dihukum balas yang diancam oleh Fir'aun di sebalik kata-kata itu.

Tetapi Musa - yang telah dikabulkan Allah do'anya dan dihilangkan gagap dari lidahnya telah menjawab dengan lancar:

قَالَ فَعَلْتُهَآ إِذًا وَأَنَا۠ مِنَ ٱلضَّآلِّينَ ٢٠

فَفَرَرْتُ مِنكُمْ لَمَّا خِفْتُكُمْ فَوَهَبَ لِى رَبِّى حُكْمًا وَجَعَلَنِى مِنَ ٱلْمُرْسَلِينَ ٢١

وَتِلْكَ نِعْمَةٌ تَمُنُّهَا عَلَىَّ أَنْ عَبَّدتَّ بَنِىٓ إِسْرَٰٓءِيلَ ٢٢

*"Jawab Musa: Aku telah melakukan perbuatan itu sewaktu aku masih berada di dalam golongan mereka yang sesat (jahil)(20). Lalu aku melarikan diri dari kamu kerana aku takut kepadamu. Kemudian Tuhanku mengurniakan hikmat kepadaku dan melantikkanku dalam golongan para rasul(21). Budi baik yang engkau bangkitkannya terhadapku itu ada kerana engkau telah memperhambakan Bani Israel."(22)*

Ya, aku telah melakukan perbuatan itu, tetapi di waktu itu aku masih jahil. Aku telah didorong oleh semangat 'asabiyah terhadap kaumku bukannya didorong oleh 'aqidah yang diketahuiku pada hari ini berkat ilmu hikmat yang dikurniakan Allah kepadaku **"Lalu aku melarikan diri dari kamu ketika aku takut kepada kamu"** terhadap keselamatan diriku. Kemudian Allah mengurniakan kebajikan kepadaku iaitu **"Tuhanku mengurniakan hikmat kepadaku dan melantikkanku dalam golongan para rasul"**, jadi aku bukannya seorang baru yang pertama di dalam bidang ini, malah aku hanya salah seorang dari angkatan para rasul.[5]

Kemudian Musa membalas ejekan Fir'aun itu dengan ejekan juga:

*"Budi baik yang engkau bangkitkannya terhadapku itu adalah kerana engkau telah memperhambakan Bani Israel."(22)*

Sebab aku dididik di dalam istanamu sewaktu aku dalam usia bayi yang baru lahir itu adalah disebabkan oleh perbuatan engkau sendiri yang telah memperhamba dan menindas Bani Israel serta membunuh anak-anak lelaki mereka. Inilah sebabnya yang telah memaksa ibuku meletakkanku di dalam peti dan menghanyutkannya ke dalam sungai, kemudian dipungut oleh orang-orang engkau. Kerana inilah aku dididik dalam istanamu bukan di rumah orang tuaku. Apakah ini budi baik yang dibangkit-bangkitkan engkau? Inikah limpah kurniamu yang besar kepadaku?

Sampai di sini Fir'aun pun mengalih pembicaraannya dan terus menyoal Nabi Musa a.s. tentang hakikat da'wahnya, tetapi dia menyoal dengan gaya pura-pura tidak tahu, gaya menghina dan biadab terhadap Allah Yang Maha Mulia:

*"Fir'aun bertanya apakah Tuhan semesta alam itu?"(23)*

---

*[5] Dari susunan bunyi yang seni di dalam pengungkapan ayat-ayat ini dapatlah diperhatikan bahawa huruf penamat ayat-ayat di dalam surah ini ialah mim(م) atau nun(ن) dan sebelumnya didahului huruf mad. Kata-kata "المرسلين" dari segi bunyi adalah seirama dengan nada-nada yang terbanyak dalam surah ini. Dan ini tentulah tidak tercapai apabila ungkapan " وجعلني رسولا" namun begitu ia dapat menyampaikan tujuan yang dimaksudkan iaitu diri beliau adalah salah seorang rasul dari rasul yang ramai. Dia bukannya tunggal dan ganjil. Demikianlah terkumpulnya keselarasan tujuan kesenian dan keagamaan di dalam pengungkapan itu.*

Dia - qabbahahullah - menyoal apakah benda yang dikatakan **"Tuhan semesta alam"** yang engkau dakwakan bahawa engkau adalah utusan dari-Nya? Inilah pertanyaan si Fir'aun yang ingkarkan perkataan **"Tuhan semesta alam"** itu dari pokok pangkalnya lagi, si Fir'aun yang mengejek perkataan itu bersama-sama Musa yang mengatakannya, dan si Fir'aun yang memperanehkan seluruh persoalan itu seolah-olah dia melihat persoalan itu sebagai satu persoalan yang tidak mungkin difaham dan dimengerti.

Lalu Nabi Musa a.s. menjawab dengan menerangkan sifat Rububiyah Allah S.W.T. yang merangkumi seluruh alam buana dan segala isinya:

قَالَ رَبُّ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَآ إِن كُنتُم مُّوقِنِينَ ﴿٢٤﴾

*"Jawab Musa: Itulah Tuhan yang memiliki dan memelihara langit, bumi dan apa yang ada di antara keduanya jika kamu ingin mendapat keyakinan."(24)*

Itulah jawapan yang setimpal dengan sikap Fir'aun yang berpura-pura tidak tahu itu. Tuhan semesta alam itu ialah Tuhan alam buana yang amat besar ini, yang tidak terjangkau oleh kuasa dan ilmumu, wahai Fir'aun! Keseluruhan dakwaan Fir'aun ialah dia itu tuhan rakyat Mesir dan negeri Mesir di perlembahan Sungai Nil. Ini adalah sebuah kerajaan yang amat kecil sahaja laksana sebiji zarah atau debu dibandingkan dengan kerajaan langit bumi dan makhluk-makhluk di antara keduanya. Jawapan Nabi Musa a.s. itu mengandungi sindiran yang memperkecil dan menolakkan dakwaan Fir'aun serta menyaran supaya dia melihat alam buana yang amat besar ini dan berfikir siapakah yang layak menjadi Tuhannya, maka Dialah Tuhan semesta alam, kemudian beliau iringi saranan itu dengan perkataan **"Jika kamu ingin mendapat keyakinan"** yakni konsep Tuhan semesta alam itulah satu-satu konsep yang dapat memberi keyakinan dan kepercayaan yang baik.

Kemudian Fir'aun berpaling kepada orang-orang di sekelilingnya memperanehkan perkataan Musa ini kepada mereka atau mungkin juga dia mahu mengalihkan pandangan mereka supaya mereka tidak terpengaruh kepada perkataan Musa mengikut cara pemerintah-pemerintah yang zalim yang takut kepada resapan kata-kata yang benar, jujur dan jelas ke dalam hati orang ramai:

قَالَ لِمَنْ حَوْلَهُۥٓ أَلَا تَسْتَمِعُونَ ﴿٢٥﴾

*"Berkatalah Fir'aun kepada mereka yang berada di sekelilingnya: Apakah kamu sekalian tidak mendengar?"(25)*

Apakah kamu tidak mendengar perkataan yang aneh dan ganjil ini? Ini adalah perkataan yang tidak pernah kita ketahui dan tidak pernah dikatakan oleh seseorang yang dikenali kita.

Musa a.s. terus menyerang Fir'aun dan konco-konconya dengan menyebut satu sifat yang lain dari sifat-sifat Tuhan sekalian alam:

قَالَ رَبُّكُمْ وَرَبُّ ءَابَآئِكُمُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿٢٦﴾

*"Musa berkata lagi: Dia adalah Tuhan kamu dan Tuhan datuk nenek kamu yang dahulu kala."(26)*

Kenyataan ini lebih menyinggung perasaan Fir'aun dan menggugatkan dakwaan dan kedudukannya. Beliau mengatakan kepada Fir'aun bahawa Tuhan semesta alam itu adalah Tuhan Fir'aun sendiri dan dia tidak lebih dari salah seorang dari para hamba-Nya, dan dia bukannya tuhan seperti yang didakwakannya di hadapan kaumnya. Tuhan semesta alam itu juga adalah Tuhan kaumnya, bukannya Fir'aun yang menjadi tuhan mereka seperti yang didakwakannya. Tuhan semesta alam itu juga Tuhan datuk nenek mereka yang dahulu kala. Oleh itu warisan ketuhanan yang didakwakan Fir'aun itu adalah satu dakwaan yang palsu kerana sebelum ini tiada wujud Tuhan yang lain melainkan hanya Tuhan semesta alam sahaja.

Kenyataan itu merupakan satu pukulan mati kepada Fir'aun dan dia tidak boleh berdiam diri lagi, kerana dia sedang dikelilingi para pembesar yang turut mendengar (dialog itu). Kerana itu dengan penuh sendaan dia terus menuduh beliau sebagai orang gila:

قَالَ إِنَّ رَسُولَكُمُ ٱلَّذِىٓ أُرْسِلَ إِلَيْكُمْ لَمَجْنُونٌ ﴿٢٧﴾

*"Berkatalah Fir'aun: Sesungguhnya Rasul kamu yang diutuskan kepada kamu itu adalah seorang gila."(27)*

Tujuan Fir'aun ialah mempersenda-sendakan persoalan kerasulan itu sendiri. Oleh itu dia mahu menjauhkan hati orang ramai dari mempercayainya dengan menggunakan sendaan-sendaan ini, dia bukannya bertujuan untuk mengakui persoalan kerasulan dan mengi'tirafkan kemungkinannya. Dia menuduh Musa a.s. sebagai orang gila dengan tujuan untuk menghapuskan keberkesanan kenyataan beliau yang tepat menikam kedudukannya baik dari segi politik mahupun dari segi agama, dan mengembalikan orang ramai kepada Allah sebagai Tuhan mereka dan Tuhan datuk nenek mereka yang dahulu kala.

Tetapi sendaan dan tuduhan itu tidak melemahkan Musa a.s., malah beliau terus mengemukakan kata-kata yang benar, yang menggoncangkan pemerintah-pemerintah yang zalim dan sewenang-wenang itu:

قَالَ رَبُّ ٱلْمَشْرِقِ وَٱلْمَغْرِبِ وَمَا بَيْنَهُمَآ إِن كُنتُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٢٨﴾

*"Musa berkata lagi: Dia adalah Tuhan timur dan barat dan apa yang ada di antara keduanya jika kamu berfikir."(28)*

Hala Timur dan hala Barat, di mana terbit dan terbenamnya matahari itu merupakan dua pemandangan yang terbentang di hadapan mata setiap hari, tetapi hati manusia sahaja yang tidak memberi perhatian kepadanya kerana terlalu kerap dan biasa. Kata-kata timur dan barat itu menunjukkan kepada pergerakan matahari yang terbit dan terbenam, juga menunjukkan kepada tempat dan hala, di mana terbit dan terbenamnya matahari itu sendiri. Kedua-dua peristiwa yang besar ini tidak memberanikan Fir'aun dan orang-orang yang sepertinya dari tokoh-tokoh manusia yang sewenang-wenang untuk mendakwa bahawa dialah yang berkuasa mengendalikan dua peristiwa itu. Jadi siapakah yang mengendalikan kedua-dua peristiwa ini dengan begitu teratur rapi, tidak pernah sekalipun mungkir atau terlambat dari masanya yang telah ditentukan? Kenyataan ini menggerakkan hati yang bodoh dan menyedarkan akal yang lalai. Kemudian Musa merangsangkan perasaan mereka dan mengajak mereka berfikir dengan teliti **"jika kamu berfikir".**

Yang paling ditakuti oleh pemerintah yang zalim ialah kesedaran rakyat jelatanya dan kebangkitan hati nurani mereka. Dan yang paling dibenci olehnya ialah penda'wah-penda'wah yang menyeru kepada kesedaran dan kebangkitan, dan yang paling dimurkainya ialah orang-orang yang menggerakkan hati-hati yang lalai. Dari sinilah timbulnya kemarahan Fir'aun terhadap Nabi Musa a.s. apabila beliau menyentuh hati (sidang hadirin) dengan kenyataan-kenyataannya (yang menarik) itu. Dan terus menamatkan dialog dengan beliau dengan mengeluarkan ancaman yang kasar untuk menghukum beliau dengan hukuman yang kejam, iaitu hukuman yang selalu digunakan oleh pemerintah-pemerintah yang zalim apabila mereka kecewa dan kehabisan dalil dan hujah:

قَالَ لَئِنِ ٱتَّخَذۡتَ إِلَٰهًا غَيۡرِي لَأَجۡعَلَنَّكَ مِنَ ٱلۡمَسۡجُونِينَ ٢٩

*"Berkatalah Fir'aun: Jika engkau menyembah Tuhan yang lain dariku, nescaya aku jadikan engkau dalam golongan banduan-banduan yang dipenjarakan."(29)*

Inilah satu-satunya dalil dan hujah Fir'aun. Dia mengugut untuk menyumbat Nabi Musa a.s. ke dalam penjara bersama-sama mereka yang terpenjara dan bagi Fir'aun hukuman penjara itu bukanlah suatu hukuman yang jauh dan bukan pula suatu peraturan yang baru. Hukuman itu merupakan bukti kelemahan dan tanda lemahnya perasaan kebatilan di hadapan kebenaran yang kuat. Itulah sifat pemerintah-pemerintah yang zalim dan cara pemerintahan mereka di zaman dahulu dan di zaman baru.

Tetapi ugutan Fir'aun itu tidak menghilangkan keberanian Musa. Masakan beliau tidak bersifat berani sedangkan beliau Rasul Allah? Sedangkan Allah bersamanya dan bersama saudaranya? Tiba-tiba beliau membuka kembali lembaran yang mahu ditutup oleh Fir'aun dengan mengemukakan pertanyaan dan dalil yang baru:

قَالَ أَوَلَوۡ جِئۡتُكَ بِشَيۡءٖ مُّبِينٖ ٣٠

*"Jawab Musa: (Adakah engkau akan bertindak begitu) walaupun aku dapat membawa kepadamu suatu bukti yang amat nyata."(30)*

Yakni sekiranya aku dapat mengemukakan hujah yang jelas yang menunjukkan kebenaran kerasulanku, adakah engkau akan menyumbatkanku ke dalam penjara juga? Pertanyaan ini menyebabkan Fir'aun serba salah di hadapan para pembesar yang telah mendengar perkataan-perkataan Musa yang telah lalu. Sekiranya dia menolak untuk mendengar hujah Musa yang jelas itu tentulah bererti dia takut kepada hujah-hujahnya sedangkan dia telah menuduh Musa sebagai orang gila. Di sinilah Fir'aun dapati dirinya terpaksa meminta Musa supaya mengemukakan hujah itu:

قَالَ فَأۡتِ بِهِۦٓ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ٣١

*"Berkatalah Fir'aun: Bawalah bukti itu jika kamu benar."(31)*

Yakni jika engkau benar dalam dakwaanmu itu atau jika engkau benar mempunyai hujah yang amat jelas. Di sini Fir'aun terus menunjukkan keraguannya terhadap Musa kerana takut hujah beliau meninggalkan sesuatu kesan di dalam hati kaumnya yang hadir.

Lantas Musa menunjukkan dua mu'jizatnya yang bersifat fizikal yang sengaja ditangguhkan sehingga cabaran Fir'aun itu sampai ke kemuncaknya:

### *Musa Memperlihatkan Mu'jizatnya Kepada Fir'aun*

فَأَلۡقَىٰ عَصَاهُ فَإِذَا هِيَ ثُعۡبَانٞ مُّبِينٞ ٣٢
وَنَزَعَ يَدَهُۥ فَإِذَا هِيَ بَيۡضَآءُ لِلنَّٰظِرِينَ ٣٣

*"Lalu Musa mencampakkan tongkatnya tiba-tiba ia menjadi seekor ular yang amat nyata(32). Dan dia menarik tangannya (dari dalam bajunya) tiba-tiba ia menjadi putih melepak kepada orang-orang yang melihatnya."(33)*

Ungkapan ayat ini menunjukkan bahawa tongkat itu benar-benar berubah menjadi seekor ular yang hidup dan tangan yang dikeluarkannya (dari lubang bajunya itu) benar-benar menjadi putih melepak. Ini dibuktikan oleh kata "فَإِذَا هِيَ" (tiba-tiba ia menjadi). Apa yang berlaku itu bukannya kerana pengaruh kongkongan daya fantasi atau perasaan seperti yang berlaku di dalam amalan sihir, kerana sihir tidak mengubahkan tabi'at benda-benda, malah ia hanya mengongkongkan pancaindera manusia dengan gambaran khayali yang tidak sebenar.

Mu'jizat hayat yang tercetus dari arah yang tidak diketahui manusia itu adalah satu mu'jizat yang berlaku pada setiap sa'at, tetapi hanya manusia sahaja yang tidak memberi perhatian kepadanya kerana

terlalu biasa dan terlalu kerap berulang-ulang atau kerana mereka tidak menyaksikan perubahan itu sebagai suatu cabaran. Tetapi di dalam adegan ini, di mana Musa a.s. mencabar Fir'aun dengan dua mu'jizatnya, maka cetusan hayat itu benar-benar menggoncang dan menakutkan. Kini Fir'aun benar-benar merasa betapa besar dan kuatnya mu'jizat Musa itu, lalu diapun dengan segera menentang dan menolak mu'jizat itu setelah dia sedar betapa lemah kedudukannya. Dia hampir-hampir hendak mengampu-ampu kaumnya yang hadir di sekelilingnya dan cuba merangsangkan ketakutan, mereka terhadap Musa dan kaumnya untuk menutup kesan mu'jizat yang telah menggoncangkan hatinya:

قَالَ لِلْمَلَإِ حَوْلَهُۥٓ إِنَّ هَٰذَا لَسَٰحِرٌ عَلِيمٌ ﴿٣٤﴾
يُرِيدُ أَن يُخْرِجَكُم مِّنْ أَرْضِكُم بِسِحْرِهِۦ فَمَاذَا تَأْمُرُونَ ﴿٣٥﴾

*"Berkatalah Fir'aun kepada para pembesar disekelilingnya: Sesungguhnya orang ini adalah seorang tukang sihir yang pandai(34). Dia mahu mengusir kamu dari negeri kamu dengan kuasa sihirnya. Oleh itu apakah perintah kamu kepadaku."(35)*

Kata-kata Fir'aun itu membayangkan bahawa dia memang mengakui keagungan mu'jizat itu walaupun dia namakannya sebagai sihir dan menyifatkan Musa sebagai ahli sihir yang pintar. Kebimbangan Fir'aun terhadap kesan mu'jizat yang mungkin mempengaruhi kaumnya itu kelihatan jelas. Oleh sebab itulah dia melaga-lagakan mereka dengan Musa: **"Dia mahu mengusir kamu dari negeri kamu dengan kuasa sihirnya".** Dia jelas kelihatan lemah, kaku dan rendah diri di hadapan kaumnya sendiri, sedangkan dialah yang melantikkan dirinya menjadi tuhan mereka. Oleh sebab itu dia memohon perintah dan nasihat mereka **"Oleh itu apakah perintah kamu kepadaku"**, tetapi bilakah Fir'aun pernah memohon perintah dari para pengikut-pengikutnya sedangkan mereka selama ini sujud kepadanya?

Itulah kebiasaan pemerintah-pemerintah yang zalim apabila mereka merasa bumi mula bergoyang di bawah tapak kaki mereka. Di waktu inilah mereka mula bercakap lembut setelah sekian lama bersikap angkuh. Mereka mencari perlindungan pada rakyat jelata, sedangkan selama ini mereka memijak mereka dengan tapak kaki mereka. Mereka berpura-pura meminta nasihat rakyat jelata dalam urusan pemerintahannya, sedangkan selama ini mereka mentadbirkan pemerintahan itu mengikut hawa nafsu mereka sahaja. Dan apabila mereka selamat melalui kawasan bahaya, mereka akan terus berubah menjadi pemerintah-pemerintah yang bermaharajalela dan zalim.

Kemudian para pembesar itu memberi nasihat kepada Fir'aun. Mereka telah termasuk di dalam perangkapnya. Mereka turut bekerjasama menegakkan kebatilan Fir'aun dan mereka mempunyai kepentingan untuk mengekalkan kedudukan-kedudukan yang dapat menjadikan mereka pembesar-pembesar yang rapat, berpengaruh dan berkuasa. Mereka bimbang dikalahkan Musa dan Bani Israel yang kelak akan menguasai negeri mereka jika diikuti oleh rakyat jelata yang lain. Apabila mereka melihat mu'jizat-mu'jizat Musa dan mendengar perkataan-perkataannya mereka pun memberi nasihat kepada Fir'aun supaya kekuatan sihir Musa dilawan dengan kekuatan sihir yang sama setelah diadakan persediaan-persediaan yang wajar:

قَالُوٓا۟ أَرْجِهْ وَأَخَاهُ وَٱبْعَثْ فِى ٱلْمَدَآئِنِ حَٰشِرِينَ ﴿٣٦﴾
يَأْتُوكَ بِكُلِّ سَحَّارٍ عَلِيمٍ ﴿٣٧﴾

*"Jawab mereka: Berilah tempoh kepada Musa dan saudaranya dan kirimkanlah ke seluruh bandar besar utusan-utusan untuk mengumpulkan (ahli-ahli sihir)(36). Nescaya mereka akan membawa kepada anda ahli-ahli sihir yang pintar."(37)*

Yakni berilah tempoh kepada Musa dan saudaranya sehingga kepada suatu masa yang tertentu dan kirimkan utusan-utusan tuanku ke bandar-bandar Mesir yang besar supaya mereka mengumpulkan ahli-ahli sihir yang pintar untuk mengadakan pertandingan di antara mereka dengan Musa.

******

### (Pentafsiran ayat-ayat 38 - 40)

***Gelanggang Pertandingan Sedang Disiapsediakan***

Di sini tirai dilabuhkan menutup pemandangan ini, kemudian disingkapkan kembali untuk menayangkan pemandangan para ahli sihir sedang dikumpulkan. Orang ramai juga dikumpul untuk menyaksikan pertandingan itu dan mereka diberi perangsang supaya menyokong para ahli sihir dan pihak berkuasa di belakang mereka. Kini gelanggang pertandingan di antara kebenaran dan kebatilan atau di antara keimanan dan kezaliman itu sedang diatur dan disiap sediakan:

فَجُمِعَ ٱلسَّحَرَةُ لِمِيقَٰتِ يَوْمٍ مَّعْلُومٍ ﴿٣٨﴾
وَقِيلَ لِلنَّاسِ هَلْ أَنتُم مُّجْتَمِعُونَ ﴿٣٩﴾
لَعَلَّنَا نَتَّبِعُ ٱلسَّحَرَةَ إِن كَانُوا۟ هُمُ ٱلْغَٰلِبِينَ ﴿٤٠﴾

*"Lalu dikumpulkan para ahli sihir pada suatu hari yang tertentu, yang diketahui umum(38). Lalu diumumkan kepada orang ramai: Berkumpullah kamu sekalian!(39) Semoga kita dapat mengikut para ahli sihir jika mereka menang."(40)*

Dari ungkapan ayat ini ternampak (kepada kita) gerakan memberangsang dan menaikkan semangat orang ramai **"Berkumpullah kamu sekalian semoga kita dapat mengikut para ahli sihir"** yakni hendaklah kamu sekalian datang berkumpul beramai-ramai tepat pada waktu yang tertentu untuk menyaksi kemenangan para ahli sihir mengalahkan Musa bangsa Israel itu. Orang ramai atau rakyat jelata selalunya suka berkumpul untuk menyaksikan keramaian-keramaian seperti ini tanpa menyedari bahawa pemerintah-pemerintah mereka hanya mahu mempermain-mainkan mereka sahaja. Mereka melalaikan orang ramai dengan pertandingan-pertandingan, keramaian-keramaian dan perhimpunan-perhimpunan supaya mereka melupakan kezaliman, penindasan dan kesengsaraan yang dialami mereka. Demikianlah rakyat jelata negeri Mesir itu dikumpul untuk menyaksikan pertandingan di antara para ahli sihir dengan Nabi Musa a.s.

******

### (Pentafsiran ayat-ayat 41 - 42)

Kemudian ditayangkan pula pemandangan-pemandangan para ahli sihir mengadap Serimaharaja Fir'aun untuk mendapat penjelasan mengenai upah dan ganjaran yang akan diterima mereka jika mereka mendapat kemenangan. Mereka menerima janji dari Fir'aun bahawa mereka akan diberi upahan yang besar dan kedudukan yang hampir dengan singgahsana yang mulia:

#### *Ahli-ahli Sihir Mengadap Fir'aun*

فَلَمَّا جَآءَ ٱلسَّحَرَةُ قَالُواْ لِفِرۡعَوۡنَ أَئِنَّ لَنَا لَأَجۡرًا إِن كُنَّا
نَحۡنُ ٱلۡغَٰلِبِينَ ﴿٤١﴾
قَالَ نَعَمۡ وَإِنَّكُمۡ إِذٗا لَّمِنَ ٱلۡمُقَرَّبِينَ ﴿٤٢﴾

*"Apabila ahli-ahli sihir itu datang mereka berkata kepada Fir'aun: Apakah kami akan mendapat upah jika kami menang?(41). Jawab Fir'aun: Ya, dan kamu sekalian akan menjadi orang-orang yang hampir kepadaku."(42)*

Demikianlah terbukanya tembelang sekumpulan manusia upahan yang diperkatakan oleh Fir'aun yang zalim itu. Mereka akan menunjukkan kepandaian dan kepintaran mereka untuk mendapat upahan yang dijanjikan kepada mereka sedangkan mereka tidak mempunyai apa-apa hubungan dengan sesuatu 'aqidah atau sesuatu perjuangan selain dari upah dan kepentingan diri. Orang-orang yang seperti inilah yang selalu digunakan oleh pemerintah-pemerintah yang zalim di setiap tempat dan zaman.

Lihatlah mereka kini sedang meminta penjelasan tentang upahan atas penat lelah mereka menunjukkan kepandaian dan kepintaran menipu itu dan lihatlah pula Fir'aun menjanjikan mereka dengan ganjaran yang lebih dari upah, iaitu dia berjanji akan menjadikan mereka orang-orang yang mempunyai kedudukan yang hampir dengannya sebagai raja dan tuhan mereka.

******

### (Pentafsiran ayat-ayat 43 - 56)

#### *Pertandingan Yang Mengecewakan Fir'aun*

Kemudian ditayangkan pula pemandangan yang besar itu dengan peristiwa-peristiwanya yang amat hebat:

قَالَ لَهُم مُّوسَىٰٓ أَلۡقُواْ مَآ أَنتُم مُّلۡقُونَ ﴿٤٣﴾
فَأَلۡقَوۡاْ حِبَالَهُمۡ وَعِصِيَّهُمۡ وَقَالُواْ بِعِزَّةِ فِرۡعَوۡنَ إِنَّا
لَنَحۡنُ ٱلۡغَٰلِبُونَ ﴿٤٤﴾
فَأَلۡقَىٰ مُوسَىٰ عَصَاهُ فَإِذَا هِيَ تَلۡقَفُ مَا يَأۡفِكُونَ ﴿٤٥﴾
فَأُلۡقِيَ ٱلسَّحَرَةُ سَٰجِدِينَ ﴿٤٦﴾
قَالُوٓاْ ءَامَنَّا بِرَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٤٧﴾
رَبِّ مُوسَىٰ وَهَٰرُونَ ﴿٤٨﴾
قَالَ ءَامَنتُمۡ لَهُۥ قَبۡلَ أَنۡ ءَاذَنَ لَكُمۡۖ إِنَّهُۥ لَكَبِيرُكُمُ ٱلَّذِي
عَلَّمَكُمُ ٱلسِّحۡرَ فَلَسَوۡفَ تَعۡلَمُونَۚ لَأُقَطِّعَنَّ أَيۡدِيَكُمۡ
وَأَرۡجُلَكُم مِّنۡ خِلَٰفٖ وَلَأُصَلِّبَنَّكُمۡ أَجۡمَعِينَ ﴿٤٩﴾
قَالُواْ لَا ضَيۡرَۖ إِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا مُنقَلِبُونَ ﴿٥٠﴾
إِنَّا نَطۡمَعُ أَن يَغۡفِرَ لَنَا رَبُّنَا خَطَٰيَٰنَآ أَن كُنَّآ أَوَّلَ
ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٥١﴾

*"Berkatalah Musa kepada mereka: Campakkan apa sahaja yang kamu mahu campak!(43). Lalu mereka mencampakkan tali-tali dan tongkat-tongkat mereka sambil berkata: Demi keagungan Fir'aun kami akan menang (44). Kemudian Musa mencampakkan tongkatnya tiba-tiba ia menelan segala (ular palsu) yang diada-adakan mereka(45). Lalu tersungkurlah ahli-ahli sihir sujud (kepada Allah)(46). Dan berkatalah mereka: Kami telah beriman kepada Tuhan semesta alam(47). Iaitu Tuhan Musa dan Harun(48). Berkatalah Fir'aun: Apakah kamu telah menyerah kepadanya sebelum aku memberi keizinan kepada kamu? Sesungguhnya dia adalah pemimpin kamu yang telah mengajar ilmu sihir kepada kamu. Kamu akan mengetahui (akibatnya). Aku akan potongkan tangan dan kaki kamu secara bersilangan dan aku akan salibkan kamu sekalian(49). Jawab mereka: Tidak ada apa-apa kemudharatan kepada kami. Sesungguhnya kami sekalian (ingin) kembali kepada Tuhan kami(50). Sesungguhnya kami amat inginkan agar*

*Tuhan kami mengampunkan dosa-dosa kami, kerana kamilah orang-orang yang pertama beriman(51).*

Pemandangan pertandingan itu bermula dengan tenang dan biasa sahaja dan sejak awal lagi membayangkan keyakinan Nabi Musa a.s. terhadap kebenaran mu'jizat yang ada padanya dan bagaimana beliau tidak begitu menghiraukan kumpulan para ahli sihir yang dikumpulkan dari segenap bandar yang besar dan kini sedang bersedia untuk menunjukkan segala kepandaian dan kepintaran mereka itu. Di belakang mereka bersemayam Seri Maharaja Fir'aun dengan para pembesarnya dan seluruh mereka dikelilingi orang ramai yang tertipu.

Keyakinan beliau dapat dilihat dengan jelas apabila beliau mempelawakan para ahli sihir memulakan pertunjukan mereka:

قَالَ لَهُم مُّوسَىٰٓ أَلْقُوا۟ مَآ أَنتُم مُّلْقُونَ ﴿٤٣﴾

*"Berkatalah Musa kepada mereka: Campakkan apa sahaja yang kamu mahu campak!"(43)*

Ungkapan ini sendiri membayangkan bagaimana beliau memandang kecil kepada kepandaian mereka **"Campakkan apa sahaja yang kamu mahu campak!"** Beliau berkata begitu tanpa mempeduli apa-apa, tanpa menentukan apa-apa dan tanpa memberi apa-apa perhatian kepada mereka.

Para ahli sihir mengemblengkan segala kepandaian, kepintaran dan tipudaya mereka dan memulakan pertunjukan itu atas nama Fir'aun dan keagungannya:

فَأَلْقَوْا۟ حِبَالَهُمْ وَعِصِيَّهُمْ وَقَالُوا۟ بِعِزَّةِ فِرْعَوْنَ إِنَّا لَنَحْنُ ٱلْغَٰلِبُونَ ﴿٤٤﴾

*"Lalu mereka mencampakkan tali-tali dan tongkat-tongkat mereka sambil berkata: Demi keagungan Fir'aun kami akan menang."(44)*

Tetapi di sini Al-Qur'an tidak menjelaskan tentang tali-tali dan tongkat-tongkat (yang di campakkan oleh para ahli sihir itu) seperti yang dijelaskan di dalam Surah al-A'raf dan Taha supaya suasana keyakinan terhadap kebenaran ini kekal tidak terusik, malah Al-Qur'an dengan segera menamatkan cerita dengan terus mengemukakan keputusan pertandingan di antara kebenaran dan kebatilan itu kerana inilah matlamat pokok surah ini.

فَأَلْقَىٰ مُوسَىٰ عَصَاهُ فَإِذَا هِىَ تَلْقَفُ مَا يَأْفِكُونَ ﴿٤٥﴾

*"Kemudian Musa mencampakkan tongkatnya tiba-tiba ia menelan segala (ular palsu) yang diada-adakan mereka."(45)*

Itulah satu kejutan yang mengkagetkan, yang tidak diduga oleh tokoh-tokoh ahli sihir itu. Mereka telah mengorbankan segala daya upaya dan kemampuan mereka dalam kepandaian sihir mereka yang selama ini menjadi punca kehidupan mereka, iaitu satu kepandaian yang benar-benar dimahiri mereka. Mereka telah menunjukkan segala kepandaian yang dapat dilakukan oleh ahli sihir yang ramai yang dikumpul dari segenap pelosok (negeri Mesir), sedangkan Musa (melawan mereka) dengan seorang diri sahaja. Beliau tidak membawa apa-apa selain dari sebatang tongkatnya, tetapi tiba-tiba tongkat inilah yang menelan segala sesuatu yang dicampakkan mereka. Menelan adalah suatu gerakan makan yang paling cepat. Sejauh yang diketahui mereka, kepandaian sihir ini hanya merupakan kepandaian menerapkan khayalan-khayalan yang mengeliru pada orang lain sahaja, sedangkan tongkat Musa ini benar-benar menelan tali-tali dan tongkat-tongkat mereka (bukannya khayal lagi) hingga menyebabkan tali-tali, dan tongkat-tongkat ini hilang entah ke mana. Jika apa yang dilakukan Musa itu suatu kepandaian sihir tentulah tali-tali dan tongkat-tongkat itu tidak akan hilang setelah mereka dan orang ramai yang hadir itu terperasan bahawa tali-tali dan tongkat-tongkat mereka telah ditelan oleh ular Nabi Musa a.s., tetapi apa yang telah dilihat mereka ialah tali-tali dan tongkat-tongkat telah hilang semuanya entah kemana. Ketika ini mereka tidak dapat mengawal diri mereka lagi dari terus mengaku kalah kepada kebenaran yang amat jelas, yang tidak dapat dipertikaikan itu, kerana merekalah orang-orang yang paling tahu bahawa apa yang ditunjukkan Musa itu adalah suatu mu'jizat yang benar:

***Ahli-ahli Sihir Mengaku Kalah Dan Terus Beriman***

*"Lalu tersungkurlah ahli-ahli sihir sujud (kepada Allah) (46). Dan berkatalah mereka: Kami telah beriman kepada Tuhan semesta alam(47). Iaitu Tuhan Musa dan Harun."(48)*

Baru sebentar tadi ahli-ahli sihir itu merupakan kumpulan manusia upahan yang mengharapkan ganjaran dari Fir'aun kerana menunjukkan kepandaian mereka. Mereka bukannya pendokong-pendokong sesuatu kepercayaan dan bukan pula pejuang-pejuang sesuatu perjuangan, tetapi kebenaran yang menyentuh hati mereka telah membawa perubahan yang amat besar kepada mereka. Ia mengocak dan menggoncangkan jiwa mereka dengan sekeras-kerasnya sehingga goncangan kebenaran itu sampai ke dasar lubuk hati mereka dan menghapuskan timbunan-timbunan sampah sarap kesesatan darinya dan menjadikan hati mereka jernih hening, hidup dan tunduk kepada kebenaran dan penuh iman di dalam beberapa sa'at yang pendek sahaja. Tiba-tiba mereka dapati diri mereka tersungkur sujud kepada Allah di luar kemahuan mereka dan lidah mereka bergerak melafazkan kalimat iman dengan jelas dan terang:

**"Kami telah beriman kepada Tuhan semesta alam iaitu Tuhan Musa dan Harun."**

Keadaan hati manusia memang menakjubkan. Dengan sekali sentuh sahaja yang kena pada tempatnya akan membawa perubahan yang amat besar kepadanya. Amatlah benar sabda Rasulullah s.a.w:

ما من قلب إلا بين أصبعين من أصابع الحمن. إن شاء أقامه وإن شاء أزاغه

*"Setiap hati berada di antara dua jari-jari Allah Yang Maha Penyayang. Jika Dia kehendaki Dia tunjukkannya ke jalan yang lurus dan jika Dia kehendaki Dia sesatkannya."*[6]

Demikianlah para ahli sihir yang diupah itu telah berubah menjadi para Mu'minin yang terpilih di hadapan mata dan telinga orang ramai yang penuh sesak dan di hadapan mata dan telinga Fir'aun dan para pembesarnya. Mereka sama sekali tidak memikirkan akibat-akibat dari perbuatan mereka yang berterus terang mengisytiharkan keimanan mereka di hadapan Fir'aun yang zalim itu, dan mereka tidak peduli apakah tindakan yang akan diambil Fir'aun dan apakah perkataan yang akan diluahkannya kepada mereka.

Perubahan yang mendadak ini merupakan satu petir yang amat memeranjatkan Fir'aun dan para pembesar-pembesarnya, sedangkan orang ramai penuh sesak berjejal-jejal. Mereka telah dibekalkan dengan cerita dusta oleh pegawai-pegawai Fir'aun yang mengerah mereka supaya keluar beramai-ramai untuk menyaksikan pertandingan itu, iaitu Musa bangsa Israel itu adalah seorang ahli sihir yang berhasrat mengusir mereka dari negeri mereka dengan kuasa sihirnya, kerana dia mahu merampas kerajaan Fir'aun untuk kaumnya, tetapi para ahli sihir (di Mesir) akan mengalah dan menewaskannya. Kemudian khalayak yang ramai itu melihat bagaimana para ahli sihir itu mencampakkan tongkat-tongkat dan tali-tali mereka masing-masing dengan nama Fir'aun dan keagungannya, tetapi tiba-tiba mereka mengaku kalah dan mengakui kebenaran Musa a.s. sebagai utusan dari Allah dan mereka terus beriman kepada Tuhan semesta alam yang telah mengutuskan Musa a.s. dan membuang penyembahan mereka terhadap Fir'aun, sedangkan baru sekejap tadi mereka masih merupakan orang-orang Fir'aun yang datang untuk berkhidmat kepadanya serta mengharapkan upah darinya dan membuka pertandingan itu dengan nama keagungan Fir'aun.

Perubahan mereka yang mendadak itu merupakan satu perubahan yang mengancam keselamatan singgahsana Fir'aun kerana ia menggugatkan dongeng keagamaan yang menjadi tapak asas singgahsana itu, iaitu dongeng ketuhanan Fir'aun atau dongeng dia itu anak tuhan-tuhan. Dongeng yang seperti ini memang berkembang di setengah zaman. (Perubahan mereka benar-benar merupakan ancaman) kerana mereka adalah golongan ahli sihir, sedangkan sihir itu satu kerjaya suci yang hanya boleh dilakukan oleh pawang-pawang atau sami-sami kuil sahaja di seluruh negeri. Kini para ahli sihir itu mengaku beriman kepada Tuhan semesta alam, iaitu Tuhan Musa dan Harun, sedangkan orang ramai pula menjadi pak turut para sami dalam kepercayaan-kepercayaan mereka, iaitu kepercayaan-kepercayaan yang diajar oleh mereka untuk melalaikan orang ramai. Oleh itu tiada lagi kekuatan yang tinggal untuk mempertahankan keselamatan singgahsana Fir'aun melainkan hanya kekuatan sahaja, sedangkan kekuatan sahaja tanpa kepercayaan tidak dapat menegakkan singgahsana dan tidak dapat melindungkan pemerintahan.

Kita dapat menilai sendiri sejauh mana cemasnya Fir'aun terhadap perubahan ahli-ahli sihir yang mendadak itu apabila kita memahami hakikat ini, iaitu hakikat keimanan mereka yang berterus terang, jelas dan begitu mendesak sehingga mereka tidak dapat menahan diri mereka selain dari merebahkan diri sujud kepada Allah mengaku beriman dan kembali kepada Allah.

Di waktu inilah Fir'aun hilang akal dan pertimbangan-nya. Dia terus menggunakan ancaman keseksaan yang dahsyat setelah dia cuba menuduh para ahli sihir itu membuat pakatan jahat dengan Musa untuk menentang kerajaannya dan rakyat negeri Mesir umumnya:

***Ahli-ahli Sihir Dihukum Fir'aun Dengan Kejam***

قَالَ ءَامَنتُمْ لَهُۥ قَبْلَ أَنْ ءَاذَنَ لَكُمْ ۖ إِنَّهُۥ لَكَبِيرُكُمُ ٱلَّذِى عَلَّمَكُمُ ٱلسِّحْرَ فَلَسَوْفَ تَعْلَمُونَ ۚ لَأُقَطِّعَنَّ أَيْدِيَكُمْ وَأَرْجُلَكُم مِّنْ خِلَٰفٍ وَلَأُصَلِّبَنَّكُمْ أَجْمَعِينَ ﴿٤٩﴾

*"Berkatalah Fir'aun: Apakah kamu telah menyerah kepadanya sebelum aku memberi keizinan kepada kamu? Sesungguhnya dia adalah pemimpin kamu yang telah mengajar ilmu sihir kepada kamu. Kamu akan mengetahui (akibatnya). Aku akan potongkan tangan dan kaki kamu secara bersilangan dan aku akan salibkan kamu sekalian."(49)*

**"Apakah kamu telah menyerah kepadanya sebelum aku memberi keizinan, kepada kamu?"** dia tidak berkata "Apakah kamu telah beriman dengannya", malah dia hanya mengira perbuatan ahli-ahli sihir itu sebagai perbuatan menyerah kalah sebelum mendapat keizinannya. Itulah gerak langkah muslihat yang dilakukan oleh Fir'aun yang mempunyai kehendak yang bebas dan arif dengan matlamatnya dan akibatnya, sedangkan perasaan yang menyentuh hati para ahli sihir itu tidak dirasakan oleh hatinya, dan bilakah pemerintah-pemerintah yang zalim itu mempunyai hati nurani yang dapat merasakan sentuhan-sentuhan iman yang gemilang itu? Kemudian dia dengan segera menuduh mereka untuk

[6] *Dikleuarkan oleh Asy-Syaikhan.*

mentafsirkan perubahan mereka yang besar itu **"Sesungguhnya dia itu adalah pemimpin kamu yang telah mengajar ilmu sihir kepada kamu"**, ini adalah satu tuduhan yang aneh yang tidak dapat ditafsirkan melainkan kerana terlibatnya beberapa ahli sihir - dari golongan sami-sami kuil yang pernah mengendalikan urusan mendidik Musa di istana Fir'aun semasa beliau menjadi anak angkatnya atau kerana beliau pernah berulang-alik menemui mereka di kuil-kuil. Fir'aun telah menggunakan hubungan yang jauh ini dan memutarbelitkan keadaan yang sebenar dengan mengatakan **"Sesungguhnya dia itu adalah pemimpin kamu"** bukannya "sesungguhnya dia itu adalah murid kamu" dengan tujuan membesar-besar dan menakut-nakutkan perkara ini di hadapan mata khalayak yang ramai itu.

Kemudian dia mulai mengancam dengan keseksaan yang kejam setelah dia menakut-nakutkan dengan akibat-akibat yang menunggu orang-orang yang beriman itu:

*"Kamu akan mengetahui (akibatnya). Aku akan potongkan tangan dan kaki kamu secara bersilangan dan aku akan salibkan kamu sekalian."*

Itulah ketololan yang dilakukan oleh setiap pemerintah yang zalim apabila dia merasa singgahsana dan dirinya diancam bahaya. Dan ketololan itu dilakukan dengan kejam dan buas tanpa segan-segan dan silu malu yang terbit dari hati nurani. Itulah luahan kata-kata Fir'aun yang zalim, angkuh dan memiliki kuasa untuk mengotakan perkataannya.

Apakah pula jawapan kumpulan ahli-ahli sihir yang beriman yang telah melihat nur hidayat itu? Jawapan mereka adalah jawapan orang-orang yang telah menemui Allah. Hati mereka tidak lagi mempedulikan segala apa yang akan hilang darinya selepas penemuan ini. Hati mereka telah menjalinkan hubungan dengan Allah dan mereka tidak akan pedulikan lagi segala tindakan yang kejam. Hati mereka telah meletakkan pengharapannya di akhirat dan tidak akan pedulikan lagi penderitaan dunia ini sama ada sedikit atau banyak:

قَالُوا۟ لَا ضَيْرَ ۖ إِنَّآ إِلَىٰ رَبِّنَا مُنقَلِبُونَ ﴿٥٠﴾
إِنَّا نَطْمَعُ أَن يَغْفِرَ لَنَا رَبُّنَا خَطَـٰيَـٰنَآ أَن كُنَّآ أَوَّلَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٥١﴾

*"Jawab mereka: Tidak ada apa-apa kemudharatan kepada kami. Sesungguhnya kami sekalian (ingin) kembali kepada Tuhan kami(50). Sesungguhnya kami amat inginkan agar Tuhan kami mengampunkan dosa-dosa kami, kerana kamilah orang-orang yang pertama beriman."(51)*

Tidak ada apa-apa kemudharatan (yang ditakuti kami), tidak mengapa tangan dan kaki (kami) dipotong bersilangan[7], tidak mengapa (kami) disalib dan diseksa dan tidak mengapa (kami) mati dan gugur syahid. Tidak ada apa-apa kemudharatan (yang ditakuti kami) kerana **"Sesungguhnya kami sekalian ingin kembali kepada Tuhan kami"** biarpun apa sahaja yang akan berlaku (kepada kami) di bumi ini. Apa yang menjadi cita-cita dan harapan kami ialah **"Agar Tuhan kami mengampunkan dosa-dosa kami kerana kamilah orang-orang yang pertama beriman"** yakni kamilah angkatan perintis.

Ya Allah! Alangkah indahnya keimanan apabila ia memancar di dalam hati nurani, apabila ia menyelubungi roh, apabila ia mencurah ketenangan di dalam jiwa, apabila manusia yang dijadikannya dari tanah itu meningkat kemuncak maqam yang amat tinggi dan apabila hati dipenuhi kekayaan dan kemewahan hingga segala apa yang ada di bumi ini dirasa enteng, kecil dan sedikit belaka.

Di sini tirai dilabuhkan menutup pemandangan keindahan yang amat gemilang itu tanpa menambahkan sesuatu ulasan agar suasana pemandangan yang cemerlang dan kesan-kesannya yang mendalam itu kekal tidak terusik. Itulah pemandangan yang digunakan Al-Qur'an untuk mendidik hati kelompok Muslimin di Makkah yang sedang menghadapi penindasan, kesusahan dan kesulitan, juga untuk mendidik setiap pejuang-pejuang 'aqidah Islam yang menghadapi kezaliman, kemaharajalelaan dan penyeksaan.

Selepas peristiwa itu Allah melindungi para hamba-Nya yang Mu'min sedangkan Fir'aun terus mengaturkan rancangan-rancangan yang jahat dan mengumpulkan seluruh bala tenteranya:

وَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ أَنْ أَسْرِ بِعِبَادِىٓ إِنَّكُم مُّتَّبَعُونَ ﴿٥٢﴾
فَأَرْسَلَ فِرْعَوْنُ فِى ٱلْمَدَآئِنِ حَـٰشِرِينَ ﴿٥٣﴾
إِنَّ هَـٰٓؤُلَآءِ لَشِرْذِمَةٌ قَلِيلُونَ ﴿٥٤﴾
وَإِنَّهُمْ لَنَا لَغَآئِظُونَ ﴿٥٥﴾
وَإِنَّا لَجَمِيعٌ حَـٰذِرُونَ ﴿٥٦﴾

*"Dan Kami perintahkan Musa: Berlepaslah engkau di malam hari membawa hamba-hamba-Ku sesungguh-nya kamu akan diikuti (tentera Fir'aun)(52). Lalu Fir'aun mengirim (para utusannya) ke merata pelosok negeri untuk mengumpulkan (bala tentera)(53). (Fir'aun berkata) sesungguhnya mereka (Bani Israel) adalah satu kumpulan yang kecil sahaja(54). Dan sesungguhnya mereka telah melakukan perkara-perkara*

---

[7] *Yakni tangan kanan dipotong dengan kaki kiri dan tangan kiri dipotong dengan kaki kanan.*

*yang menimbulkan kemarahan kami(55). Dan sesungguhnya kita sekalian sentiasa berwaspada."(56)*

**Musa Diperintah Membawa Bani Israel Keluar Dari Mesir**

Di sini terdapat ruang kosong, di mana banyak peristiwa dan masa tidak disebut di tempat ini, sedangkan selepas pertandingan itu, Musa dan Bani Israel terus hidup dalam satu zaman, di mana berlakunya mu'jizat-mu'jizat yang lain yang disebut di dalam Surah al-A'raf[8] sebelum Allah memerintah Musa a.s. membawa kaumnya keluar meninggal negeri Mesir, tetapi di sini penerangan ayat-ayat ini telah melangkaui peristiwa-peristiwa itu untuk terus sampai kepada penghabisan cerita yang sesuai dengan Maudhu' surah dan tujuan pokoknya.

Kini Allah telah memerintah Nabi Musa a.s. supaya membawa kaumnya Bani Israel keluar dari Mesir di waktu malam setelah dirancang dan diatur dengan rapi. Dan Allah telah memberitahu kepada beliau bahawa Fir'aun akan mengejar mereka dengan bala tenteranya dan menyuruh beliau supaya memimpin kaumnya itu ke kawasan pantai (iaitu biasanya di kawasan pertemuan Teluk Suez dengan daerah al-Buhayrah).

Fir'aun telah mengetahui berita Bani Israel yang keluar secara diam-diam itu, lalu baginda memerintah supaya diadakan kerahan tentera. Utusan-utusan dikirim ke merata pelosok negeri untuk mengumpulkan bala tentera. Tujuannya ialah untuk mengejar Musa dan kaumnya serta menggagalkan rancangan mereka, sedangkan Fir'aun tidak tahu bahawa rancangan itu adalah diatur oleh Allah sendiri.

Pegawai-pegawai Fir'aun keluar (ke sana ke mari) menghimpunkan bala tenteranya, tetapi kerahan tentera itu membayangkan betapa cemasnya Fir'aun, betapa kuatnya Musa dan kaumnya dan betapa besarnya bahaya mereka hingga seri maharaja Fir'aun yang mendakwa dirinya Tuhan itu memerlukan kepada kerahan tentera. Oleh sebab itu kedudukan golongan yang beriman itu pasti diperkecil-kecilkan:

إِنَّ هَٰٓؤُلَآءِ لَشِرۡذِمَةٞ قَلِيلُونَ ٥٤

*"(Fir'aun berkata) sesungguhnya mereka (Bani Israel) adalah satu kumpulan yang kecil sahaja."(54)*

Jika demikian mengapa pula diberi perhatian yang sebegini besar kepada mereka. Dan mengapa dikerahkan tentera kerana mereka, sedangkan mereka segelintir manusia yang sedikit sahaja?

*"Dan sesungguhnya mereka telah melakukan perkara-perkara yang menimbulkan kemarahan kami."(55)*

Mereka telah melakukan perbuatan-perbuatan dan mengeluarkan perkataan-perkataan yang menimbulkan kemarahan kami. Jadi, di sini nampaknya mereka mempunyai kedudukan yang penting dan merbahaya, namun demikian pegawai-pegawai Fir'aun masih terus berkata (kepada orang ramai): Mereka tidak penting, kita sedang mengawasi mereka dengan ketat:

وَإِنَّا لَجَمِيعٌ حَٰذِرُونَ ٥٦

*"Dan sesungguhnya kita sekalian sentiasa berwas-pada."(56)*

Kita sentiasa berhati-hati terhadap tipudaya mereka, kita sentiasa waspada terhadap gerak-geri mereka, dan teraju segala urusan tetap berada di tangan kita. Itulah keadaan bingung dan serba salah yang selalu dialami oleh pihak yang batil dan sewenang-wenang dalam menghadapi pejuang-pejuang 'aqidah yang beriman.

******

**(Pentafsiran ayat-ayat 57 - 59)**

Sebelum menayangkan pemandangan yang akhir Al-Qur'an mempercepatkan cerita dengan lebih dahulu menyebut akibat akhir yang menimpa Fir'aun dan kaumnya, di mana mereka diusir keluar dari kehidupan mereka yang senang lenang dan kaum Bani Israel yang lemah itu dapat mewarisi kehidupan yang senang lenang seperti itu:

فَأَخۡرَجۡنَٰهُم مِّن جَنَّٰتٖ وَعُيُونٖ ٥٧

وَكُنُوزٖ وَمَقَامٖ كَرِيمٖ ٥٨

كَذَٰلِكَۖ وَأَوۡرَثۡنَٰهَا بَنِيٓ إِسۡرَٰٓءِيلَ ٥٩

*"Lalu Kami keluarkan mereka dari taman-taman dan matair-matair(57). Dan dari perbendaharaan-perbendaharaan dan kedudukan yang mulia(58). Demikianlah halnya dan kemudian Kami wariskan ni'mat-ni'mat itu, kepada Bani Israel pula."(59)*

Fir'aun bersama bala tenteranya telah keluar mengikut jejak Musa dan kaumnya, dan keluarnya mereka pada kali ini adalah keluar bagi kali yang terakhir. Ia merupakan pengusiran mereka dari segala ni'mat hidup yang dini'mati mereka iaitu ni'mat kebun-kebun, matair-matair, perbendaharaan-perbendaharaan kekayaan dan kedudukan yang mulia. Mereka tidak lagi akan pulang selepas ini untuk kembali meni'mati kehidupan yang penuh ni'mat itu. Oleh sebab itulah Al-Qur'an terus menyebut nasib kesudahan mereka yang terakhir ini sebaik sahaja mereka keluar mengikut jejak angkatan orang-orang yang beriman itu sebagai mempercepatkan cerita balasan terhadap kezaliman, keangkuhan dan jenayah mereka yang keji itu.

*"Dan wariskan ni'mat-ni'mat itu kepada Bani Israel."*

---

[8] *Juzu' yang ke-9, Tafsir Fi Zilal*

(Dari catatan sejarah) tidaklah diketahui bahawa kaum Bani Israel itu pulang kembali ke negeri Mesir selepas mereka keluar menuju ke tanah suci lalu mewarisi pemerintahan kerajaan Mesir, mewarisi kekayaan-kekayaan Fir'aun dan kedudukannya. Oleh sebab itulah para Mufassirin mentafsirkan ayat ini dengan maksud bahawa Bani Israel telah mewarisi kesenangan hidup seperti yang dini'mati oleh Fir'aun dan kaumnya. Yakni warisan itu ialah warisan jenis-jenis ni'mat yang sama, iaitu ni'mat kebun-kebun, matair-matair, perbendaharaan-perbendaharaan kekayaan dan kedudukan yang mulia (seperti yang dini'mati Fir'aun dan kaumnya).

******

**(Pentafsiran ayat-ayat 60 - 66)**

Selepas selingan ini tibalah pemandangan pemutus yang terakhir:

فَأَتْبَعُوهُم مُّشْرِقِينَ ﴿٦٠﴾

فَلَمَّا تَرَٰٓءَا ٱلْجَمْعَانِ قَالَ أَصْحَٰبُ مُوسَىٰٓ إِنَّا لَمُدْرَكُونَ ﴿٦١﴾

قَالَ كَلَّآ ۖ إِنَّ مَعِىَ رَبِّى سَيَهْدِينِ ﴿٦٢﴾

فَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ أَنِ ٱضْرِب بِّعَصَاكَ ٱلْبَحْرَ ۖ فَٱنفَلَقَ فَكَانَ كُلُّ فِرْقٍ كَٱلطَّوْدِ ٱلْعَظِيمِ ﴿٦٣﴾

وَأَزْلَفْنَا ثَمَّ ٱلْءَاخَرِينَ ﴿٦٤﴾

وَأَنجَيْنَا مُوسَىٰ وَمَن مَّعَهُۥٓ أَجْمَعِينَ ﴿٦٥﴾

ثُمَّ أَغْرَقْنَا ٱلْءَاخَرِينَ ﴿٦٦﴾

*"Lalu (Fir'aun dan bala tenteranya) mengejar mereka di waktu matahari terbenam(60). Apabila kedua-dua angkatan itu dapat melihat satu sama lain, maka berkatalah pengikut-pengikut Musa: Sesungguhnya kita akan ditangkap mereka(61). Jawab Musa: Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Tuhanku tetap bersamaku, Dia akan memberi petunjuk kepadaku(62). Lalu Kami perintahkan kepada Musa: Pukullah lautan itu dengan tongkatmu lalu terbelahlah laut itu, setiap belah laksana gunung yang besar(63). Dan di sana Kami dekatkan angkatan yang satu lagi (Fir'aun dan bala tenteranya)(64). Dan Kami selamatkan Musa dan sekalian pengikut-pengikut yang ada bersamanya(65). Kemudian Kami tenggelamkan angkatan yang satu lagi itu."(66)*

***Tongkat Musa Membelah Laut***

Musa telah membawa para hamba Allah (Bani Israel) keluar dari Mesir di, waktu malam dengan perintah dan tadbir dari Allah, dan pada pagi keesokan mereka telah dikejar oleh bala tentera Fir'aun. Tindakan mereka adalah hasil dari rancangan-rancangan jahat Fir'aun dan keangkuhannya. Kini pemandangan itu sedang mendekati titik penghabisannya dan perjuangan itu telah sampai kemuncaknya. Musa dan kaumnya berada di depan lautan. Mereka tidak mempunyai bahtera-bahtera dan tidak berupaya mengharunginya, dan di samping itu mereka tidak mempunyai kelengkapan alat-alat senjata, sedangkan Fir'aun dengan bala tenteranya sedang menghampiri mereka. Mereka mendekati mereka dengan senjata yang terhunus dan mengejar mereka tanpa kasihan belas.

Seluruh suasana mengatakan tiada lagi ruang lari untuk mereka, lautan di hadapan mereka dan musuh di belakang mereka:

فَلَمَّا تَرَٰٓءَا ٱلْجَمْعَانِ قَالَ أَصْحَٰبُ مُوسَىٰٓ إِنَّا لَمُدْرَكُونَ ﴿٦١﴾

*"Apabila kedua-dua angkatan itu dapat melihat satu sama lain, maka berkatalah pengikut-pengikut Musa: Sesungguhnya kita akan ditangkap mereka."(61)*

Kecemasan telah memuncak (di dalam hati mereka). Masa yang tinggal hanya beberapa minit sahaja lagi, selepas itu mereka akan diterkami maut. Tiada lagi ruang lari dan tiada siapa yang akan menolong. Tetapi Nabi Musa a.s. yang telah menerima perintah dari Allah itu tidak pernah ragu-ragu walau sedetik pun. Hatinya penuh percaya dan yakin akan mendapat pertolongan dari Allah dan akan terselamat (dari Fir'aun dan bala tenteranya) walaupun beliau tidak tahu bagaimana pertolongan itu akan datang, tetapi pertolongan pasti tiba kerana Allah tetap akan memberi petunjuk dan melindungi beliau:

قَالَ كَلَّآ ۖ إِنَّ مَعِىَ رَبِّى سَيَهْدِينِ ﴿٦٢﴾

*"Jawab Musa: Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Tuhanku tetap bersamaku, Dia akan memberi petunjuk kepadaku."(62)*

Tidak sekali-kali begitu! (Beliau berkata) dengan penuh yakin: Tidak, kita tidak akan dapat ditangkap mereka, kita tidak akan binasa di sini. Kita tidak akan ditindas mereka lagi. Kita tidak akan hampa dan kecewa **"Tidak sekali-kali begitu! Sesungguhnya Tuhanku tetap bersama-ku. Dia akan memberi petunjuk kepadaku"**. Beliau berkata tegas dan penuh yakin.

Di sa'at terakhir sinar harapan tiba-tiba membelah malam putus asa dan kerungsingan, dan jalan keselamatan tiba-tiba terbuka di luar dugaan mereka:

فَأَوْحَيْنَآ إِلَىٰ مُوسَىٰٓ أَنِ ٱضْرِب بِّعَصَاكَ ٱلْبَحْرَ ۖ

*"Lalu Kami perintahkan kepada Musa: Pukullah lautan itu dengan tongkatmu."(63)*

Di sini Al-Qur'an tidak melengah-lengah dengan menceritakan begini: "Kemudian Musa memukul lautan dengan tongkatnya kerana ini dapat difaham (semua orang), malah ia terus menceritakan hasil pukulan itu:

فَانفَلَقَ فَكَانَ كُلُّ فِرْقٍ كَالطَّوْدِ الْعَظِيمِ ﴿٦٣﴾

*"Lalu terbelahlah laut itu, setiap belah laksana gunung yang besar."(63)*

Kini berlakulah mu'jizat Allah yang disangkakan mustahil oleh manusia, kerana mereka mengukur Sunnatullah itu dengan kejadian-kejadian biasa yang berulang-ulang. Allah yang telah menciptakan segala peraturan alam itu adalah berkuasa pula memperlakukan peraturan-peraturan itu mengikut kehendak masyi'ah-Nya apabila Dia kehendaki.

Kini berlakulah mu'jizat Allah dan terbukalah sebatang jalan di antara dua belahan air lautan itu. Semua air lautan itu tertahan di tepi kedua belah jalan itu seperti gunung yang besar, dan Bani Israel terus menyerbu (mengikuti jalan itu), sedangkan Fir'aun dan bala tenteranya berdiri terpinga-pinga kaget menyaksikan peristiwa luar biasa yang amat menakjubkan itu. Tentulah Fir'aun berdiri lama di situ melihat Musa dan kaumnya yang menyeberangi lautan itu melalui sebatang jalan yang terbuka itu sebelum baginda perintahkan bala tenteranya mara mengejar mereka melalui jalan yang aneh itu.

Di sini sempurnalah tadbir Allah. Bani Israel telah selamat tiba dan keluar di pantai sebelah sana, sedangkan Fir'aun dan bala tenteranya masih berada di jalan yang diapit dua belahan air lautan itu. Mereka kini telah didekatkan Allah ke titik penghabisan hidup mereka yang telah ditetapkan:

وَأَزْلَفْنَا ثَمَّ الْآخَرِينَ ﴿٦٤﴾

وَأَنجَيْنَا مُوسَىٰ وَمَن مَّعَهُ أَجْمَعِينَ ﴿٦٥﴾

ثُمَّ أَغْرَقْنَا الْآخَرِينَ ﴿٦٦﴾

*"Dan di sana Kami dekatkan angkatan yang satu lagi (Fir'aun dan bala tenteranya)(64). Dan Kami selamatkan Musa dan sekalian pengikut-pengikut yang ada bersamanya(65). Kemudian Kami tenggelamkan angkatan yang satu lagi itu."(66)*

Dan peristiwa itu telah menjadi suatu bukti kekuasaan Allah di sepanjang zaman, di mana ia diperkatakan oleh generasi-generasi manusia. Tetapi adakah kebanyakan mereka beriman?

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٦٧﴾

*"Sesungguhnya peristiwa itu merupakan satu bukti kekuasaan Allah, tetapi kebanyakan mereka tidak juga beriman."(67)*

Peristiwa-peristiwa mu'jizat yang luar biasa itu tidak semestinya membuahkan keimanan walaupun manusia terpaksa tunduk kepadanya, kerana keimanan itu adalah hasil dari hidayat yang terserlah di dalam hati mereka.

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿٦٨﴾

*"Dan sesungguhnya Tuhanmu Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(68)*

Itulah ulasan biasa di dalam surah ini setiap kali dibentangkan bukti-bukti kekuasaan Allah dan setiap kali diceritakan pendustaan manusia.

**(Kumpulan ayat-ayat 69 - 104)**

وَاتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأَ إِبْرَاهِيمَ ﴿٦٩﴾

إِذْ قَالَ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ مَا تَعْبُدُونَ ﴿٧٠﴾

قَالُوا نَعْبُدُ أَصْنَامًا فَنَظَلُّ لَهَا عَاكِفِينَ ﴿٧١﴾

قَالَ هَلْ يَسْمَعُونَكُمْ إِذْ تَدْعُونَ ﴿٧٢﴾

أَوْ يَنفَعُونَكُمْ أَوْ يَضُرُّونَ ﴿٧٣﴾

*"Dan bacalah kepada mereka berita Ibrahim(69). Ketika ia berkata kepada bapanya dan kaumnya: Apakah yang kamu sembah?(70). Jawab mereka: Kami menyembah berhala-berhala dan kami akan terus menyembahnya (71). Ibrahim bertanya: Apakah berhala-berhala itu mendengar (do'a kamu) ketika kamu berdo'a kepadanya? (72). Atau dapatkah mereka memberi manfa'at atau mendatangkan mudharat kepada kamu?. '(73).*

قَالُوا بَلْ وَجَدْنَا آبَاءَنَا كَذَٰلِكَ يَفْعَلُونَ ﴿٧٤﴾

قَالَ أَفَرَأَيْتُم مَّا كُنتُمْ تَعْبُدُونَ ﴿٧٥﴾

أَنتُمْ وَآبَاؤُكُمُ الْأَقْدَمُونَ ﴿٧٦﴾

فَإِنَّهُمْ عَدُوٌّ لِّي إِلَّا رَبَّ الْعَالَمِينَ ﴿٧٧﴾

الَّذِي خَلَقَنِي فَهُوَ يَهْدِينِ ﴿٧٨﴾

*"Jawab mereka: Tidak begitu! Tetapi kami dapati nenek moyang kami berbuat begitu(74). Lalu Ibrahim berkata: Apakah kamu berfikir tentang tuhan-tuhan yang disembahkan kamu(75). Kamu dan nenek moyang kamu yang dahulu kala itu?(76) Kerana sesungguhnya tuhan-tuhan itu adalah musuh kepadaku kecuali Tuhan semesta alam(77). Tuhan yang telah menciptakanku dan Dialah juga yang memberi hidayat kepadaku."(78).*

وَالَّذِي هُوَ يُطْعِمُنِي وَيَسْقِينِ ﴿٧٩﴾

وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ ﴿٨٠﴾

وَالَّذِي يُمِيتُنِي ثُمَّ يُحْيِينِ ﴿٨١﴾

وَٱلَّذِىٓ أَطْمَعُ أَن يَغْفِرَ لِى خَطِيٓـَٔتِى يَوْمَ ٱلدِّينِ ﴿٨٢﴾

رَبِّ هَبْ لِى حُكْمًا وَأَلْحِقْنِى بِٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٨٣﴾

*"Dan Dialah Tuhan yang memberi makanan dan minuman kepadaku(79). Dan apabila aku sakit, maka Dialah Tuhan yang menyembuhkanku(80). Dan Dialah Tuhan yang akan mematikanku kemudian menghidupkanku kembali(81). Dan Dialah Tuhan yang amat kuinginkan supaya mengampunkan dosaku pada Hari Balasan(82). Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku hikmat dan masukkanku ke dalam golongan orang-orang yang soleh."(83).*

وَٱجْعَل لِّى لِسَانَ صِدْقٍ فِى ٱلْءَاخِرِينَ ﴿٨٤﴾

وَٱجْعَلْنِى مِن وَرَثَةِ جَنَّةِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٨٥﴾

وَٱغْفِرْ لِأَبِىٓ إِنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلضَّآلِّينَ ﴿٨٦﴾

وَلَا تُخْزِنِى يَوْمَ يُبْعَثُونَ ﴿٨٧﴾

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾

*"Dan jadikan untukku seorang jurucakap kebenaran di dalam angkatan orang-orang yang datang kemudian (84). Dan jadikanku dari golongan pewaris-pewaris Syurga yang penuh ni'mat(85). Dan ampunilah ayahandaku kerada sesungguhnya dia dari golongan orang-orang yang sesat(86). Dan janganlah Engkau kecewakanku pada hari mereka dibangkitkan(87). Iaitu pada hari, di mana harta dan anak-anak tidak berguna lagi."(88).*

إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

وَأُزْلِفَتِ ٱلْجَنَّةُ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٩٠﴾

وَبُرِّزَتِ ٱلْجَحِيمُ لِلْغَاوِينَ ﴿٩١﴾

وَقِيلَ لَهُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ تَعْبُدُونَ ﴿٩٢﴾

مِن دُونِ ٱللَّهِ هَلْ يَنصُرُونَكُمْ أَوْ يَنتَصِرُونَ ﴿٩٣﴾

*"Kecuali orang-orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang bersih(89). Dan (pada hari itu) diperdekatkan Syurga kepada orang-orang yang bertaqwa(90). Dan ditonjolkan Neraka Jahim kepada orang-orang yang sesat(91). Dan dikatakan kepada mereka: Di manakah tuhan-tuhan yang kamu sembah?(92) Selain dari Allah, dapatkah mereka menolong kamu atau menolong diri mereka sendiri?."(93).*

فَكُبْكِبُوا۟ فِيهَا هُمْ وَٱلْغَاوُۥنَ ﴿٩٤﴾

وَجُنُودُ إِبْلِيسَ أَجْمَعُونَ ﴿٩٥﴾

قَالُوا۟ وَهُمْ فِيهَا يَخْتَصِمُونَ ﴿٩٦﴾

تَٱللَّهِ إِن كُنَّا لَفِى ضَلَٰلٍ مُّبِينٍ ﴿٩٧﴾

إِذْ نُسَوِّيكُم بِرَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٩٨﴾

*"Lalu seluruh mereka (tuhan-tuhan palsu) dihumbankan ke dalam Neraka bersama orang-orang yang sesat(94). Dan bala tentera Iblis seluruhnya(95). Lalu berkatalah mereka semasa bertengkar di dalam Neraka(96). Demi Allah! Sesungguh-nya kami sekalian (di dunia) berada di dalam kesesatan yang amat nyata(97). Kerana kami menyamakan kamu dengan Tuhan semesta alam."(98).*

وَمَآ أَضَلَّنَآ إِلَّا ٱلْمُجْرِمُونَ ﴿٩٩﴾

فَمَا لَنَا مِن شَٰفِعِينَ ﴿١٠٠﴾

وَلَا صَدِيقٍ حَمِيمٍ ﴿١٠١﴾

فَلَوْ أَنَّ لَنَا كَرَّةً فَنَكُونَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿١٠٢﴾

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٠٣﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٠٤﴾

*"Dan tiada yang menyesatkan kami melainkan hanya orang-orang yang berdosa(99). Kerana itu kami tidak mempunyai pemberi-pemberi syafa'at(100). Dan tidak pula mempunyai seorang pun sahabat setia(101). Seandainya kami dapat kembali sekali lagi (ke dunia) tentulah kami menjadi orang-orang yang beriman(102). Sesungguhnya dalam kisah (Ibrahim) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(103). Dan sesungguhnya Tuhanmu Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(104).*

**(Latar belakang dan pokok pembicaraan)**

Kisah Musa a.s. bersama Fir'aun dan kaumnya telah pun berlalu dan berakhir dengan kesudahan (yang malang). Di dalam kisah itu terdapat berita yang mengembirakan golongan kaum Mu'minin yang lemah dan tertindas seperti kumpulan kecil kaum Mu'minin di Makkah pada masa itu. Di dalam kisah itu juga dijelaskan akibat kebinasaan kepada orang-orang yang zalim dan bermaharajalela yang mempunyai pendirian yang sama dengan pendirian kaum Musyrikin (Makkah).

Kini kisah Musa itu diiringi pula oleh kisah Ibrahim a.s. dengan kaumnya, dan Rasulullah s.a.w. diperintah membaca kisah itu kepada kaum Musyrikin (Makkah) kerana mereka mendakwa bahawa mereka adalah pewaris-pewaris agama Ibrahim dan berpegang teguh dengan agamanya yang tua itu, sedangkan mereka mempersekutukan Allah dengan mendirikan berhala-berhala yang disembah di Baitultahil-Haram yang telah dibinakan oleh Ibrahim kerana ibadat kepada Allah semata-mata, oleh itu bacakanlah kepada

mereka kisah Nabi Ibrahim supaya mereka mengetahui hakikat dakwaan mereka.

Kisah-kisah yang disebutkan di dalam surah ini tidaklah diatur mengikut susunan sejarah, kerana yang dimaksudkan di sini ialah contoh teladan dari kisah-kisah itu sahaja. Adapun di dalam Surah al-A'raf umpamanya, maka yang dimaksudkan di sana ialah menceritakan kisah-kisah itu mengikut susunan kejadian sejarah untuk membentangkan susunan warisan bumi dan susunan para rasul mulai dari zaman Adam a.s. Penceritaan kisah-kisah di sana adalah diatur secara susunan kejadian sejarah turunnya Adam dari Syurga dan bermulanya kehidupan manusia (bumi ini).

Babak kisah Nabi Ibrahim a.s. dibentangkan di sini ialah babak kerasulan beliau kepada kaumnya dan dialog beliau dengan mereka mengenai 'aqidah, juga pengingkaran beliau terhadap tuhan-tuhan (palsu) yang didakwakan kaumnya dan seruan mengajak mereka menyembah Allah serta mengingatkan mereka dengan hari Akhirat. Kemudian diiringi pula dengan sebuah pemandangan pada hari Qiamat, di mana para penyembah tuhan-tuhan palsu itu menolak tuhan-tuhan itu dan menyesali perbuatan syirik yang telah membawa mereka kepada nasib kesudahan yang malang seolah-olah mereka sekarang benar-benar telah menerima nasib itu. Di sinilah letaknya contoh teladan kisah ini kepada kaum Musyrikin. Oleh sebab itulah Al-Qur'an menjelaskan dengan agak luas mengenai asas-asas 'aqidah tauhid, kerosakan 'aqidah syirik dan nasib kesudahan kaum Musyrikin pada hari balasan, kerana yang ditekankan dalam penjelasan di sini ialah 'aqidah tauhid sedangkan pembicaraan-pembicaraan yang lain yang dihuraikan dengan panjang di dalam, surah-surah yang lain hanya disebut dengan ringkas sahaja di sini.

Babak-babak kisah Nabi Ibrahim a.s. telah disebut di dalam Surah-surah al-Baqarah, al-An'am, Hud, Ibrahim, al-Hijr, Maryam, al-Anbiya' dan al-Hajj. Babak-babak kisah itu disebut dan ditayangkan di dalam setiap surah itu dengan cara yang sesuai dengan penerangan umumnya, sesuai dengan maudhu' surah-surah itu serta sesuai dengan suasana dan bayangan surah-surah itu.

Babak yang ditayangkan di dalam Surah al-Baqarah ialah babak Nabi Ibrahim a.s. membina rumah Ka'bah bersama anaknya Ismail dan bagaimana beliau berdo'a supaya Allah jadikan al-Baladul-Haram itu sebuah negeri yang aman dan seterusnya mengisytiharkan bahawa warisan Baitullah dan warisan penegaknya adalah diserah kepada angkatan Muslimin yang mengikut agamanya bukannya diserah kepada mereka yang mendakwa ada hubungan warisan darah keturunan dengan beliau. Perisytiharan ini mempunyai hubungan dengan penderhakaan-penderhakaan Bani Israel yang diusir dan dilaknatkan Allah dan dengan penentuan warisan agama Ibrahim dan Baitullah yang dibinanya kepada angkatan Muslimin.

Di dalam Surah al-Baqarah juga disebut babak Nabi Ibrahim a.s. berhujah dengan seorang raja kafir mengenai sifat Allah yang berkuasa menghidup dan memati, menerbitkan matahari dari sebelah timur, serta mencabar raja itu supaya menerbitkannya dari sebelah barat menyebabkan raja yang kafir itu kaget dan bingung.

Begitu juga ditayangkan di sini babak Nabi Ibrahim a.s. memohon kepada Allah supaya menunjukkan kepadanya bagaimana Dia menghidupkan yang mati, lalu Allah memerintah beliau supaya menyembelih empat ekor burung dan mengagihkan kepingan-kepingan atau caingan-caingan anggota burung itu di beberapa bukit kemudian Allah menghidupkan burung-burung itu kembali di hadapan matanya dan binatang-binatang itu terus terbang menuju ke arahnya.

Kedua-dua babak itu adalah ditayang ketika surah itu memperkatakan tentang bukti-bukti kekuasaan Allah dalam urusan memati dan menghidup.

Babak yang ditayangkan di dalam Surah al-An'am ialah babak Ibrahim mencari Allah dan bagaimana beliau menemui hakikat Allah setelah berfikir dengan teliti kejadian bintang-bintang, bulan dan matahari, dan mengamati segala pemandangan alam buana. Babak itu ditayangkan ketika surah itu memperkatakan tentang 'aqidah dan bukti-bukti kekuasaan Allah di alam buana yang menunjukkan kewujudan Allah Pencipta yang tiada sekutu bagi-Nya.

Babak yang ditayangkan dalam Surah Hud pula ialah babak Nabi Ibrahim a.s. diberi tabsyir mendapat putera Ishaq ketika surah ini menceritakan kisah Lut dan lalunya sekumpulan malaikat yang ditugas untuk membinasakan negeri Lut di dalam perjalanan mereka menemui Ibrahim. Kisah dalam surah ini memperlihatkan dengan jelas bagaimana Allah melindungi para hamba-Nya yang terpilih dan membinasakan kaum yang fasiq.

Di dalam Surah Ibrahim pula ditayangkan babak beliau berdo'a kepada Allah berhampiran Baitullahil-Haram terhadap zuriatnya yang ditempatkan di sebuah wadi yang tandus tanpa tanaman itu, juga bersyukur kepada Allah yang telah mengurniakan Ismail dan Ishaq dalam usianya yang tua. Seterusnya beliau memohon kepada Allah agar menjadikan dirinya dan zuriatnya tekun mengerjakan solat dan agar memperkenankan do'anya serta mengurniakan keampunan kepadanya, kepada dua ibu bapanya dan kepada sekalian orang-orang Mu'minin sehingga Hari Hisab. Seluruh penerangan surah ini ialah menayangkan umat yang dipimpin oleh rasul-rasul yang membawa satu agama iaitu agama tauhid dan menayangkan para-para pendusta yang mendustakan umat rasul-rasul itu dalam satu barisan, seolah-olah agama yang dibawa para rasul itu merupakan sebatang pokok yang teduh yang tumbuh di panas matahari kekufuran dan di padang gurun keingkaran.

Babak yang ditayangkan di dalam Surah al-Hijr ialah babak yang diceritakan di dalam Surah Hud dengan satu huraian yang lebih panjang mengenai rahmat Allah terhadap para hamba-Nya yang Mu'min dan 'azab seksa-Nya terhadap penderhaka-penderhaka yang berdosa.

Babak yang ditayangkan di dalam Surah Maryam ialah babak Nabi Ibrahim a.s. berda'wah kepada bapanya dengan cara yang lemah lembut dan bagaimana bapanya itu bertindak kasar terhadap beliau dan bagaimana beliau menjauhkan diri dari bapanya dan kaumnya, seterusnya bagaimana beliau dikurniakan Ismail dan Ishaq. Semuanya diceritakan dalam surah ini, iaitu satu surah yang menayangkan ri'ayah Allah terhadap para hamba pilihan-Nya. Seluruh suasana surah ini dipayungi rahmat, kasih mesra dan lemah-lembut.

Babak yang ditayangkan di dalam Surah al-Anbiya' ialah babak Nabi Ibrahim a.s. berda'wah kepada bapanya dan kaumnya, dan bagaimana beliau menghina dan memecahkan berhala-berhala mereka dan bagaimana beliau dicampakkan ke dalam api yang telah menjadi dingin dan selamat sejahtera kepada beliau dengan perintah Allah, seterusnya bagaimana beliau dan saudaranya Lut selamat berhijrah ke sebuah negeri yang diberkati Allah untuk sekalian manusia. Babak ini ditayangkan ketika surah ini memperkatakan tentang umat rasul-rasul dan ri'ayah Allah terhadap umat ini, juga matlamat hidup mereka yang menuju kepada menyembah Allah Yang Maha Esa yang tiada sekutu bagi-Nya.

Sementara di dalam Surah al-Hajj pula disebut secara ringkas tentang perintah Allah yang menyuruh Nabi Ibrahim a.s. supaya membersihkan Baitullah untuk orang-orang yang mengerjakan tawaf dan i'tikaf.

* * * * * *

### (Pentafsiran ayat-ayat 69 - 104)

***Kisah Ibrahim Berdialog Dengan Bapa Dan Kaumnya***

*"Dan bacalah kepada mereka berita Ibrahim(69). Ketika ia berkata kepada bapanya dan kaumnya: Apakah yang kamu sembah?"(70)*

Bacalah kisah Ibrahim ini kepada kaum Musyrikin (Makkah) yang mendakwa diri mereka sebagai pewaris-pewaris Ibrahim yang mengikut agamanya. Bacalah kisah ini kepada mereka, sedangkan Ibrahim sendiri mengecam perbuatan bapanya dan kaumnya yang telah menyembah berhala-berhala yang sama dengan berhala-berhala yang disembah kaum Musyrikin di Makkah. Ibrahim sendiri tidak mengikuti kepercayaan syirik yang dipegang oleh bapanya dan kaumnya. Ibrahim sendiri mengecam 'aqidah dan amalan mereka yang sesat itu dan bertanya dengan hairan dan mengecam:

*"Ketika ia berkata kepada bapanya dan kaumnya: Apakah yang kamu sembah?(70). Jawab mereka: Kami menyembah berhala-berhala dan kami akan terus menyembahnya."(71)*

Mereka namakan berhala-berhala itu sebagai tuhan-tuhan mereka. Keterangan mereka dengan menyebut kata-kata **"Berhala-berhala"** itu menunjukkan mereka tidak dapat mengingkarkan bahawa tuhan-tuhan yang disembah mereka hanyalah berhala-berhala yang dipahat dari batu sahaja, dan walaupun begitu mereka terus bertungkus lumus dan tekun menyembahkannya. Inilah kemuncak kekarutan mereka tetapi sebenarnya apabila 'aqidah itu telah sesat, maka penganut-penganutnya tidak lagi menyedari kerendahan cara penyembahan, kefahaman, dan perkataan-perkataan mereka.

Kemudian Nabi Ibrahim a.s. mulai menggerakkan hati mereka yang lalai dan akal mereka yang tumpul supaya menyedari kekarutan yang diamalkan mereka tanpa kesedaran dan menggunakan fikiran itu:

*"Ibrahim bertanya: Apakah berhala-berhala itu mendengar (do'a kamu) ketika kamu berdo'a kepadanya? (72). Atau dapatkah mereka memberi manfa'at atau mendatangkan mudharat kepada kamu?"(73)*

Sekurang-kurang sifat yang patut ada pada tuhan yang disembah ialah mempunyai daya pendengaran seperti yang dipunyai para penyembah yang menyembah dan berdo'a kepadanya, sedangkan berhala-berhala itu tidak dapat mendengar rayuan para penyembahnya yang beribadat dan berdo'a kepadanya supaya diberikan sesuatu manfa'at dan dijauhkan dari sesuatu kemudharatan. Andainya berhala-berhala itu pekak tidak dapat mendengar, maka apakah berhala-berhala itu mempunyai kuasa untuk memberi manfa'at dan menolak sesuatu kemudharatan? Kedua-duanya tidak dapat didakwakan oleh mereka.

Kaum Ibrahim tidak menjawab apa-apa terhadap pertanyaan itu, kerana mereka kini tidak meragui lagi bahawa Ibrahim mempersenda dan mengecam mereka, sedangkan mereka tidak mempunyai sebarang hujah untuk menolak apa yang dikatakannya. Oleh sebab itu apabila mereka bercakap, maka terbukalah tembelang kebekuan atau kebatuan akal mereka yang telah menjadi satu kaum

pak turut yang mengikut tanpa kesedaran dan menggunakan fikiran:

قَالُواْ بَلْ وَجَدْنَآ ءَابَآءَنَا كَذَٰلِكَ يَفْعَلُونَ ﴿٧٤﴾

*"Jawab mereka: Tidak begitu! Tetapi kami dapati nenek moyang kami berbuat sebegitu."(74)*

Sebenarnya berhala-berhala ini tidak dapat mendengar dan tidak pula berkuasa memberi sesuatu manfa'at dan menolak sesuatu kemudharatan, tetapi kami dapati nenek moyang kami menyembahnya dengan tekun, lalu kami pun ikut sama menyembahnya dengan tekun.

Ini adalah satu jawapan yang memalukan, tetapi kaum Musyrikin tidak malu berkata begitu sebagaimana tidak malunya kaum Musyrikin Makkah berbuat begitu, kerana kepada mereka amalan nenek moyang itu sahaja sudah cukup untuk dijadikan pegangan dan pertimbangan tanpa kajian, malah di antara faktor yang menghalangkan kaum Musyrikin dari menerima Islam ialah keengganan mereka meninggalkan agama nenek moyang dan meninggalkan pertimbangan datuk nenek mereka dan enggan mengaku bahawa nenek moyang mereka telah berada di dalam kesesatan, kerana perkara ini kepada mereka tidak layak dilakukan terhadap nenek moyang mereka yang telah berlalu itu. Demikianlah tegaknya pertimbangan-pertimbangan dan pegangan-pegangan yang kosong itu menjadi penghalang di hadapan agama yang benar, malah pertimbangan dan pegangan inilah yang diutamakan mereka di atas agama yang benar pada masa-masa manusia ditimpa penyakit kebekuan akal dan jiwa dan penyelewengan. Justeru itulah mereka memerlukan kepada satu goncangan yang kuat, yang dapat menyedarkan mereka supaya mereka kembali kepada kebebasan diri dan berfikir.

Di hadapan pemikiran yang membatu dan membeku inilah Nabi Ibrahim a.s. yang sabar itu tidak dapat berbuat apa-apa selain dari menggoncangkan mereka dengan kuat dan mengumumkan permusuhannya terhadap berhala-berhala dan 'aqidah yang rosak ini yang telah membenarkan penyembahan berhala kerana berpegang dengan pertimbangan-pertimbangan (nenek moyang) yang seperti itu.

قَالَ أَفَرَءَيْتُم مَّا كُنتُمْ تَعْبُدُونَ ﴿٧٥﴾

أَنتُمْ وَءَابَآؤُكُمُ ٱلْأَقْدَمُونَ ﴿٧٦﴾

فَإِنَّهُمْ عَدُوٌّ لِّيٓ إِلَّا رَبَّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٧٧﴾

*"Lalu Ibrahim berkata: Apakah kamu berfikir tentang tuhan-tuhan yang disembahkan kamu(75). Kamu dan nenek moyang kamu yang dahulu kala itu?(76) Kerana sesungguhnya tuhan-tuhan itu adalah musuh kepadaku kecuali Tuhan semesta alam."(77)*

Walaupun bapanya sendiri dan kaumnya menyembah berhala-berhala namun ini tidaklah menghalang Ibrahim dari berpisah dari mereka dan aqidahnya dan dari menyatakan perseteruannya yang berterus terang terhadap tuhan-tuhan dan kepercayaan mereka (yang karut) itu walaupun ia dipegang oleh nenek moyang mereka - yang juga nenek moyang beliau - yang dahulu kala.

Demikianlah Al-Qur'an mengajar orang-orang Mu'min supaya tidak bertolak ansur dan memelihara budi bahasa yang halus terhadap bapa dan kaum sendiri dalam persoalan 'aqidah, kerana hubungan yang harus diutamakan ialah hubungan 'aqidah dan nilai yang harus diutamakan ialah nilai keimanan, sedangkan segala nilai yang lain dari nilai keimanan hanya merupakan nilai ikutan sahaja, yang wujud apabila wujudnya iman.

Ibrahim mengecualikan **"Tuhan sekalian alam"** sahaja dari perseteruannya terhadap tuhan-tuhan yang disembahkan mereka dan nenek moyang mereka yang dahulu kala:

فَإِنَّهُمْ عَدُوٌّ لِّيٓ إِلَّا رَبَّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٧٧﴾

*"Kerana sesungguhnya tuhan-tuhan itu adalah musuh kepadaku kecuali Tuhan semesta alam."(77)*

(Pengecualian ini dibuat oleh Ibrahim) memandangkan kemungkinan di antara nenek moyang mereka yang dahulu itu ada yang menyembah Allah sebelum 'aqidah kaum mereka rosak dan menyeleweng, dan ada pula yang mungkin menyembah Allah, tetapi serentak itu juga mempersekutui Allah dengan tuhan-tuhan palsu yang lain. Jadi pengecualian itu adalah dibuat dengan tujuan bercermat dan berhemat dalam membuat kenyataan-kenyataan yang wajar dengan beliau sebagai Ibrahim seorang rasul apabila bercakap mengenai 'aqidah dan maudhu'nya yang halus itu.

Kemudian Nabi Ibrahim a.s. menerangkan sifat-sifat Tuhannya iaitu Tuhan semesta alam dan bagaimana hubungan-Nya dengan beliau dalam setiap keadaan dan waktu. Di sini kita merasa betapa rapat, kukuh dan mesranya hubungan itu dan merasa bahawa qudrat Allah itu berada di sebalik setiap gerak dan diamnya dan di sebalik setiap kehendak dan tujuannya:

### *Ibrahim Menjelaskan Sifat-sifat Allah*

ٱلَّذِي خَلَقَنِي فَهُوَ يَهْدِينِ ﴿٧٨﴾

وَٱلَّذِي هُوَ يُطْعِمُنِي وَيَسْقِينِ ﴿٧٩﴾

وَإِذَا مَرِضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ ﴿٨٠﴾

وَٱلَّذِي يُمِيتُنِي ثُمَّ يُحْيِينِ ﴿٨١﴾

وَٱلَّذِيٓ أَطْمَعُ أَن يَغْفِرَ لِي خَطِيٓـَٔتِي يَوْمَ ٱلدِّينِ ﴿٨٢﴾

*"Tuhan yang telah menciptakanku dan Dialah juga yang memberi hidayat kepadaku(78). Dan Dialah Tuhan yang memberi makanan dan minuman kepadaku(79). Dan apabila aku sakit, maka Dialah Tuhan yang menyembuhkanku(80). Dan Dialah Tuhan yang akan mematikanku kemudian menghidupkanku kembali(81). Dan Dialah Tuhan yang amat ku inginkan supaya mengampunkan dosaku pada Hari Balasan."(82)*

Dari huraian Nabi Ibrahim a.s. tentang sifat-sifat Allah dan gambaran beliau tentang hubungannya dengan Allah dapatlah kita merasa bahawa beliau hidup dengan seluruh jiwa raganya bersama Allah, di mana beliau meletakkan seluruh pengharapannya dan bertawajjuh kepada-Nya dengan penuh kasih. Beliau menghuraikan sifat Allah seolah-olah beliau melihatnya dan merasa kesan limpah kurnia Allah dengan seluruh hati, perasaan dan anggota tubuh badannya. Irama ungkapan yang lemah lembut yang menggambarkan perkataan Nabi Ibrahim di dalam Al-Qur'an itu telah membantu menimbulkan suasana ini dan memantulkan bayangan ini dengan nada yang lunak, lembut dan lanjut.

ٱلَّذِي خَلَقَنِي فَهُوَ يَهۡدِينِ ﴿٧٨﴾

*"Tuhan yang telah menciptakanku dan Dialah juga yang memberi hidayat kepadaku."(78)*

Allahlah yang telah mewujudkan aku mengikut ilmu-Nya, sedangkan aku tidak mengetahui suatu apa. Justeru itu Allah Maha Mengetahui terhadap hakikat diriku, kejadianku, tugas-tugasku, perasaan-perasaanku, masa kiniku dan masa depan kesudahanku. **"Dan Dialah juga yang memberi hidayat kepadaku"** menuju kepada-Nya. Dialah yang menunjukkan jalan yang sedang dijalaniku dan menunjukkan agama yang sedang diikutiku. Nabi Ibrahim a.s. seolah-olah merasa dirinya sebagai tepung adunan di tangan Allah Penciptanya, yang dapat dibentuk dengan apa sahaja rupa yang dikehendaki-Nya. Itulah sikap penyerahan diri yang mutlaq yang dilakukan dengan penuh ketenangan, ketenteraman, kepercayaan dan keyakinan.

*"Dan Dialah Tuhan yang memberi makanan dan minuman kepadaku(79). Dan apabila aku sakit, maka Dialah Tuhan yang menyembuhkanku."(80)*

Itulah pemeliharaan Allah secara langsung (terhadap Ibrahim), iaitu pemeliharaan yang penuh mesra, yang dirasai beliau di dalam waktu sihat dan sakit. Beliau menunjukkan adab sopan kenabian yang amat halus, justeru itu beliau tidak menghubungkan sakitnya kepada Allah, sedangkan beliau tahu bahawa dia sakit dan sihat dengan kehendak masyi'ah Allah. Beliau hanya menyebut Allah ketika menyatakan limpah kurnia Allah yang memberi makanan, minuman dan kesembuhan kepada-Nya, tetapi dia tidak menyebut Allah ketika menyatakan kesusahan yang dialaminya.

*"Dan Dialah Tuhan yang akan mematikanku kemudian menghidupkanku kembali."(81)*

Itulah keimanan yang mengakui bahawa Allahlah yang menentukan maut, dan itulah keimanan yang mengakui hari kebangkitan dengan penuh penyerahan dan kerelaan yang amat mendalam.

وَٱلَّذِيٓ أَطۡمَعُ أَن يَغۡفِرَ لِي خَطِيٓـَٔتِي يَوۡمَ ٱلدِّينِ ﴿٨٢﴾

*"Dan Dialah Tuhan yang amat kuinginkan supaya mengampunkan dosaku pada Hari Balasan."(82)*

Hasrat yang paling tinggi Nabi Ibrahim a.s. selaku seorang nabi dan Rasul yang mengenal Allah dengan ma'rifatnya yang seluhur ini, yang merasa terhadap Allah dengan perasaannya yang semulia ini dan berhubung dengan Allah dengan hubungannya yang sedekat ini ialah mendapat keampunan dari Allah terhadap kesalahannya pada hari Qiamat. Beliau tidak membersihkan dirinya dari kesalahan kerana beliau takut dia mempunyai kesalahan. Beliau tidak berpegang dengan amalannya dan tidak berfikir bahawa beliau wajar menerima sesuatu balasan terhadap amalannya. Beliau hanya mengharapkan limpah kurnia Allah dan rahmat kasihan belas-Nya. Inilah sahaja yang membuat beliau berhasrat untuk mendapat kemaafan dan keampunan.

Itulah perasaan taqwa, perasaan adab sopan dan malu segan terhadap Allah. Itulah perasaan yang betul terhadap nilai ni'mat Allah yang amat banyak dan terhadap nilai amalan hamba yang amat sedikit.

Demikianlah Nabi Ibrahim a.s. mengumpulkan dalam huraiannya mengenai sifat Allah berbagai-bagai elemen 'aqidah yang benar iaitu mentauhidkan Allah Tuhan semesta alam, mengakui kuatkuasa pentadbiran-Nya mengendalikan urusan-urusan hidup manusia yang paling halus di bumi ini, mempercayai kebangkitan dan hisab selepas mati, mengakui ni'mat-ni'mat Allah yang melimpah-ruah dan mengakui ketaksiran seorang hamba. Itulah elemen-elemen 'aqidah yang diingkarkan kaumnya dan orang-orang Musyrikin umumnya.

Kemudian Nabi Ibrahim a.s. yang banyak berdo'a dan bertaubat itu bertawajjuh kepada Allah dan berdo'a kepada-Nya dengan penuh keimanan dan khusyu':

رَبِّ هَبۡ لِي حُكۡمٗا وَأَلۡحِقۡنِي بِٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٨٣﴾

وَٱجۡعَل لِّي لِسَانَ صِدۡقٖ فِي ٱلۡأٓخِرِينَ ﴿٨٤﴾

وَٱجۡعَلۡنِي مِن وَرَثَةِ جَنَّةِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٨٥﴾

وَٱغْفِرْ لِأَبِىٓ إِنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلضَّآلِّينَ ﴿٨٦﴾

وَلَا تُخْزِنِى يَوْمَ يُبْعَثُونَ ﴿٨٧﴾

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾

إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

*"Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku hikmat dan masukkanku ke dalam golongan mereka yang soleh(83). Dan jadikan untukku seorang jurucakap kebenaran di dalam angkatan orang-orang yang datang kemudian (84). Dan jadikanku dari golongan pewaris-pewaris Syurga yang penuh ni'mat(85). Dan ampunilah ayahandaku kerana sesungguhnya dia dari golongan mereka yang sesat(86). Dan janganlah Engkau kecewakanku pada hari mereka dibangkitkan(87). Iaitu pada hari, di mana harta dan anak-anak tidak berguna lagi(88). Kecuali orang-orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang bersih."(89)*

### *Do'a Ibrahim Yang Amat Mendalam Dan Tinggi Maksudnya*

Dalam keseluruhan do'a-do'anya beliau tidak memohon sebarang harta benda dan ni'mat dunia walaupun kesihatan tubuh badan, malah do'a beliau menjurus ke ufuk-ufuk yang lebih tinggi iaitu do'a yang digerakkan oleh perasaan-perasaan yang amat hening dan bersih, do'a yang lahir dari hati yang mengenal Allah dan memandang kecil kepada yang lain dari-Nya, do'a orang yang telah merasa kelazatan ma'rifat lalu memohon tambahan dan do'a orang yang menaruh harapan dan ketakutan (terhadap Allah) mengikut batas-batas ma'rifat yang dikecapi dan dikehendaki olehnya:

رَبِّ هَبْ لِى حُكْمًا وَأَلْحِقْنِى بِٱلصَّٰلِحِينَ ﴿٨٣﴾

*"Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku hikmat dan masukkanku ke dalam golongan orang-orang yang soleh."(83)*

Kurniakan kepadaku pengetahuan hikmat supaya aku dapat mengenalkan dengannya nilai-nilai yang benar dan nilai-nilai yang palsu dan supaya aku dapat meneruskan perjalananku di jalan yang boleh menghubungkanku dengan nilai yang lebih kekal.

**"Dan masukkanku ke dalam golongan orang-orang yang soleh"** demikianlah kata-kata yang diucapkan oleh Nabi Ibrahim yang mulia, yang banyak berdo'a dan bersabar. Alangkah rendah dan tawadhuknya hati beliau. Alangkah takutnya beliau dari ketaksiran dan perubahan hati yang mendadak. Alangkah besarnya hasrat beliau untuk hanya berada di dalam golongan orang-orang yang soleh. Beliau memohon taufik Allah ke arah amalan yang soleh yang dapat memasukkannya ke dalam golongan mereka yang soleh.

وَٱجْعَل لِّى لِسَانَ صِدْقٍ فِى ٱلْءَاخِرِينَ ﴿٨٤﴾

*"Dan jadikan untukku seorang jurucakap kebenaran di dalam angkatan orang-orang yang datang kemudian."(84)*

Permohonan ini adalah didorong oleh keinginan beliau kepada kesinambungan yang berterusan, iaitu kesinambungan bukan dengan perhubungan keturunan tetapi dengan perhubungan 'aqidah, di mana beliau memohon kepada Allah agar menjadikan untuknya di dalam kalangan generasi-generasi keturunannya yang akan datang seorang jurucakap kebenaran yang menyeru mereka kepada kebenaran dan mengembalikan mereka kepada agama tauhid yang mudah, iaitu agama Ibrahim. Mungkin permohonan ini sama dengan permohonan beliau di tempat yang lain ketika beliau bersama anaknya Ismail selesai membina tapak Baitullahil-Haram, dimana beliau berdo'a:

رَبَّنَا وَٱجْعَلْنَا مُسْلِمَيْنِ لَكَ وَمِن ذُرِّيَّتِنَآ أُمَّةً مُّسْلِمَةً لَّكَ وَأَرِنَا مَنَاسِكَنَا وَتُبْ عَلَيْنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٢٨﴾

رَبَّنَا وَٱبْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُوا۟ عَلَيْهِمْ ءَايَٰتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ ٱلْكِتَٰبَ وَٱلْحِكْمَةَ وَيُزَكِّيهِمْ ۚ إِنَّكَ أَنتَ ٱلْعَزِيزُ ٱلْحَكِيمُ ﴿١٢٩﴾

*"Wahai Tuhan kami! Jadikan kami berdua orang yang menyerah patuh kepada-Mu, dan (jadikan) di antara zuriat kami satu umat yang menyerah patuh kepada-Mu, dan tunjukkan kepada kami cara-cara ibadat kami dan terimalah taubat kami. Sesungguhnya Engkaulah Yang Maha Penerima Taubat dan Maha Pengasih. Wahai Tuhan kami! Bangkitkanlah di dalam kalangan mereka seorang rasul yang membaca ayat-ayat-Mu kepada mereka dan mengajar mereka kitab Al-Qur'an dan hikmat serta membersihkan diri mereka. Sesungguhnya Engkau Maha Perkasa dan Maha Bijaksana."*

(Surah al-Baqarah: 128-129)

Permohonan ini telah diperkenankan Allah dengan menjadikan baginya seorang jurucakap kebenaran di dalam kalangan generasi-generasi keturunannya yang datang kemudian, iaitu membangkitkan di dalam kalangan mereka seorang rasul yang membaca ayat-ayat Allah dan mengajar mereka ilmu Al-Qur'an dan hikmat serta membersihkan diri mereka. Permohonan ini telah dikabulkan Allah setelah berlalunya ribuan tahun, iaitu satu jangka masa yang amat panjang pada perhitungan manusia, sedangkan di sisi Allah ia hanya merupakan satu jangka masa yang tertentu sahaja yang dipilih Allah mengikut pertimbangan hikmat-Nya sebagai masa yang layak untuk memperkenankan permohonan ini.

وَٱجْعَلْنِى مِن وَرَثَةِ جَنَّةِ ٱلنَّعِيمِ ﴿٨٥﴾

*"Dan jadikanku dari golongan pewaris-pewaris Syurga yang penuh ni'mat."(85)*

Sebelum ini beliau telah memohon kepada Allah supaya memasukkannya ke dalam golongan mereka yang soleh dengan mengurniakan taufik kepadanya ke arah mengerjakan amalan yang soleh yang dapat memasukkannya ke dalam barisan mereka dan ke dalam Syurga yang penuh ni'mat yang diwarisi para hamba kesayangan Allah yang soleh.

وَٱغْفِرْ لِأَبِىٓ إِنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلضَّآلِّينَ ﴿٨٦﴾

*"Dan ampunilah ayahandaku kerana sesungguhnya dia dari golongan mereka yang sesat."(86)*

### *Hubungan Yang Sebenar Ialah Hubungan Aqidah Bukannya Hubungan Keturunan*

(Ibrahim a.s. memohon keampunan untuk bapanya) walaupun beliau menerima kata-kata yang kesat dan ancaman yang keras darinya. Beliau telah berjanji dengan bapanya untuk memohon keampunan untuknya dan kerana itu beliau telah menunaikan janjinya. Selepas itu Al-Qur'an menjelaskan bahawa tidak harus (bagi orang Mu'min) beristighfar untuk orang-orang Musyrikin walaupun mereka mempunyai hubungan keluarga, dan menerangkan bahawa perbuatan Ibrahim a.s. memohon keampunan untuk bapanya adalah berdasarkan kepada janji beliau kepadanya:

فَلَمَّا تَبَيَّنَ لَهُۥٓ أَنَّهُۥ عَدُوٌّ لِّلَّهِ تَبَرَّأَ مِنْهُ ۚ

*"Setelah ternyata bahawa bapanya itu musuh Allah, dia (Ibrahim) pun terus berlepas diri darinya."*

(Surah at-Taubah: 114)

Dan tahulah beliau bahawa hubungan kerabat yang sebenar bukannya hubungan keturunan, malah ialah hubungan 'aqidah. Ini adalah salah satu dari asas-asas pendidikan Islam yang nyata. Hubungan utama ialah hubungan 'aqidah kerana Allah dan hanya di atas asas hubungan inilah dijalinkan hubungan di antara individu-individu manusia. Apabila hubungan ini terputus maka seluruh hubungan yang lain terputus. Mereka merupakan orang-orang jauh yang tidak mempunyai apa-apa hubungan lagi.

وَلَا تُخْزِنِى يَوْمَ يُبْعَثُونَ ﴿٨٧﴾

يَوْمَ لَا يَنفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾

إِلَّا مَنْ أَتَى ٱللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

*"Dan janganlah Engkau kecewakanku pada hari mereka dibangkitkan(87). Iaitu pada hari di mana harta dan anak-anak tidak berguna lagi(88). Kecuali orang-orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang bersih."(89)*

### *Keikhlasan Merupakan Satu-satunya Nilai Yang Dipertimbangkan Pada Hari Qiamat*

Dari perkataan Ibrahim a.s. **"Janganlah Engkau kecewakanku pada hari mereka dibangkitkan"** dapatlah kita bayangkan sejauh mana perasaan beliau terhadap kengerian Hari Akhirat dan sejauh mana malunya beliau kepada Allah dan takutnya beliau kepada kehampaan dan ketaksiran, sedangkan beliau seorang Nabi yang mulia. Begitu juga dari perkataan beliau **"Iaitu pada hari di mana harta dan anak tidak berguna lagi"** kita dapat bayangkan sejauh mana kefahaman beliau terhadap hakikat hari itu, juga terhadap hakikat nilai, kerana pada Hari Hisab tiada nilai yang lain yang diambil kira melainkan hanya nilai keikhlasan, iaitu keikhlasan seluruh hati kepada Allah semata-mata, keikhlasan yang bersih dari segala campuraduk, dari segala penyakit dan kepentingan dan keikhlasan yang bersih dari keinginan-keinginan nafsu dan penyelewengan-penyelewangan dan bersih dari pergantungan kepada yang lain dari Allah. Inilah kebersihan dan kesejahteraan hati yang memberikannya nilai dan timbangan berat **"Pada hari di mana harta dan anak tidak berguna lagi"**. Nilai-nilai yang fana dan palsu yang menjadi rebutan di bumi ini tidak memberi apa-apa faedah dan guna. Ia tidak mempunyai timbangan sedikit pun di dalam neraca akhirat.

Di sini ditayangkan sebuah pemandangan Qiamat yang menggambarkan hari yang ditakuti Nabi Ibrahim a.s. itu, seolah-olah hari itu hadir di hadapan beliau dan dapat dilihat dengan mata kepalanya ketika beliau bertawajjuh kepada Allah mengangkatkan do'anya dengan penuh khusyu' dan taubat:

وَأُزْلِفَتِ ٱلْجَنَّةُ لِلْمُتَّقِينَ ﴿٩٠﴾

وَبُرِّزَتِ ٱلْجَحِيمُ لِلْغَاوِينَ ﴿٩١﴾

وَقِيلَ لَهُمْ أَيْنَ مَا كُنتُمْ تَعْبُدُونَ ﴿٩٢﴾

مِن دُونِ ٱللَّهِ هَلْ يَنصُرُونَكُمْ أَوْ يَنتَصِرُونَ ﴿٩٣﴾

فَكُبْكِبُوا۟ فِيهَا هُمْ وَٱلْغَاوُۥنَ ﴿٩٤﴾

*"Dan (pada hari itu) diperdekatkan Syurga kepada orang-orang yang bertaqwa(90). Dan ditonjolkan Neraka Jahim kepada orang-orang yang sesat(91). Dan dikatakan kepada mereka: Di manakah tuhan-tuhan yang kamu sembah(92). Selain dari Allah, dapatkah mereka menolong kamu akan menolong diri mereka sendiri?(93). Lalu seluruh mereka (tuhan-tuhan palsu) dihumbankan ke dalam Neraka bersama orang-orang yang sesat".(94)*

وَجُنُودُ إِبْلِيسَ أَجْمَعُونَ ﴿٩٥﴾

قَالُوا۟ وَهُمْ فِيهَا يَخْتَصِمُونَ ﴿٩٦﴾

تَٱللَّهِ إِن كُنَّا لَفِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٍ ﴿٩٧﴾

إِذۡ نُسَوِّيكُم بِرَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٩٨﴾

وَمَآ أَضَلَّنَآ إِلَّا ٱلۡمُجۡرِمُونَ ﴿٩٩﴾

فَمَا لَنَا مِن شَٰفِعِينَ ﴿١٠٠﴾

*"Dan bala tentera Iblis seluruhnya(95). Lalu berkatalah mereka semasa bertengkar di dalam Neraka(96). Demi Allah! Sesungguhnya kami sekalian (di dunia) berada di dalan kesesatan yang amat nyata(97). Kerana kami menyamakan kamu dengan Tuhan semesta alam(98). Dan tiada yang menyesatkan kami melainkan hanya orang-orang yang berdosa(99). Kerana itu kami tidak mempunyai pemberi-pemberi syafa'at".(100).*

وَلَا صَدِيقٍ حَمِيمٖ ﴿١٠١﴾

فَلَوۡ أَنَّ لَنَا كَرَّةٗ فَنَكُونَ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿١٠٢﴾

*"Dan tidak pula mempunyai seorang pun sahabat setia(101). Seandainya kami dapat kembali sekali lagi (ke dunia) tentulah kami menjadi orang-orang yang beriman."(102)*

Kini Syurga diperdekatkan dan ditonjolkan kepada para Muttaqin yang takut kepada 'azab Tuhan mereka. Neraka Jahannam juga didedah dan ditonjolkan kepada orang-orang yang sesat, yang menyeleweng dari jalan yang benar dan mendustakan hari Qiamat. Mereka berdiri melihat Neraka, di mana mereka mendengar kecaman-kecaman yang pedas sebelum mereka dihumbankan ke dalam Neraka. Mereka ditanya di manakah tuhan-tuhan yang disembah mereka selain dari Allah. Ini selari dengan kisah Ibrahim berdialog dengan kaumnya apabila beliau bertanya mereka tentang tuhan-tuhan yang disembahkan mereka. Mereka kini ditanya:

وَقِيلَ لَهُمۡ أَيۡنَ مَا كُنتُمۡ تَعۡبُدُونَ ﴿٩٢﴾

مِن دُونِ ٱللَّهِ هَلۡ يَنصُرُونَكُمۡ أَوۡ يَنتَصِرُونَ ﴿٩٣﴾

*"Dan dikatakan kepada mereka: Di manakah tuhan-tuhan yang kamu sembah.(92). Selain dari Allah, dapatkah mereka menolong kamu atau menolong diri mereka sendiri?"(93)*

Kemudian tiada jawapan yang didengar dari mereka dan tiada pula ditunggu jawapan dari mereka, kerana pertanyaan itu semata-mata dituju untuk mengecam mereka:

فَكُبۡكِبُواْ فِيهَا هُمۡ وَٱلۡغَاوُۥنَ ﴿٩٤﴾

وَجُنُودُ إِبۡلِيسَ أَجۡمَعُونَ ﴿٩٥﴾

*"Lalu seluruh mereka (tuhan-tuhan palsu) dihumbankan ke dalam Neraka bersama orang-orang yang sesat(94). Dan bala tentera Iblis seluruhnya."(95)*

Nada kata-kata " فكبكبوا " (dihumbankan) itu membuat kita seolah-olah mendengar bunyi mereka ditolak dan jatuh beramai-ramai ke dalam Neraka bertindih tindan tanpa peraturan dan bumi bunyi menderak akibat dicampak dan dihumban mereka seolah-olah bunyi tebing yang runtuh. Kata-kata itu menggambarkan maknanya dengan nadanya sendiri. Mereka adalah manusia-manusia sesat yang dihumbankan bersama-sama orang-orang yang sesat, iaitu mereka **"Dan bala tentera Iblis seluruhnya"** dan semuanya adalah tentera Iblis belaka. Ini adalah suatu kenyataan yang menyeluruh selepas dikhususkan.

Kemudian kita mendengar mereka bercakap-cakap di dalam Neraka. Mereka berkata kepada berhala-berhala yang disembah mereka:

تَٱللَّهِ إِن كُنَّا لَفِي ضَلَٰلٖ مُّبِينٍ ﴿٩٧﴾

إِذۡ نُسَوِّيكُم بِرَبِّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ﴿٩٨﴾

*"Demi Allah! Sesungguhnya kami sekalian (di dunia) berada di dalam kesesatan yang amat nyata(97). Kerana kami menyamakan kamu dengan Tuhan semesta alam."(98)*

Kerana itu kami menyembah kamu seperti menyembah Allah, iaitu sama ada menyembah kamu bersama Allah atau menyembah kamu sahaja tanpa Allah. Tetapi kata-kata penyesalan yang diucapkan mereka itu telah luput waktunya dan mereka meletakkan tanggungjawab kesesatan mereka ke atas bahu orang-orang yang berdosa dari mereka. Orang-orang inilah yang telah menyesat dan menghalangkan mereka dari jalan hidayat. Kemudian mereka sedar bahawa masanya telah luput dan tidak ada gunanya lagi mengageh-agehkan tanggungjawab:

فَمَا لَنَا مِن شَٰفِعِينَ ﴿١٠٠﴾

وَلَا صَدِيقٍ حَمِيمٖ ﴿١٠١﴾

*"Kerana itu kami tidak mempunyai pemberi-pemberi syafa'at(100). Dan tidak pula mempunyai seorang pun sahabat setia."(101)*

Tiada tuhan-tuhan yang dapat memberi syafa'at dan tiada lagi sahabat yang dapat memberi pertolongan... tetapi andainya tidak ada syafa'at untuk kesalahan-kesalahan yang telah silam... apakah tidak boleh kami dikembalikan sekali lagi ke dunia untuk membetulkan apa yang tidak sempat kami betulkan:

فَلَوۡ أَنَّ لَنَا كَرَّةٗ فَنَكُونَ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿١٠٢﴾

*"Seandainya kami dapat kembali sekali lagi (ke dunia) tentulah kami menjadi orang-orang yang beriman."(102)*

Ini hanya, angan-angan kosong sahaja, kerana tiada lagi peluang kembali ke dunia dan tiada lagi hak mendapat syafa'at. Sebab hari ini ialah Hari Balasan.

Kemudian tiba pula ulasan biasa:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٠٣﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٠٤﴾

*"Sesungguhnya dalam kisah (Ibrahim) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(103). Dan sesungguhnya Tuhanmu Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(104)*

Ulasan itu sama dengan ulasan-ulasan yang disebut di dalam surah ini selepas, ditayangkan pemandangan kebinasaan kaum-kaum 'Ad, Thamud dan Lut, juga selepas diterangkan setiap ayat atau bukti kekuasaan Allah yang berlaku kepada para pendusta. Di sini pemandangan Qiamat menggantikan pemandangan kebinasaan para pendusta di dunia, kerana di dalam pemandangan Qiamat ini menggambarkan kesudahan kaum Ibrahim dan kesudahan kepercayaan syirik seluruhnya, dan inilah titik pengajaran dan contoh teladan di dalam semua kisah-kisah surah ini. Pemandangan-pemandangan Qiamat di dalam Al-Qur'an adalah ditayangkan sebegitu rupa seolah-olah ia benar-benar berlaku di alam kenyataan dan seolah-olah ia dapat dilihat oleh mata ketika dibaca, dan seluruh perasaan kita dikocakkan olehnya. Pemandangan-pemandangan itu seolah-olah pemandangan-pemandangan kebinasaan yang berlaku di hadapan mata semua orang.

**(Kumpulan ayat-ayat 105 - 122)**

كَذَّبَتْ قَوْمُ نُوحٍ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٠٥﴾

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ نُوحٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٠٦﴾

إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٠٧﴾

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٠٨﴾

وَمَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۖ إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٠٩﴾

*"Kaum Nuh telah mendustakan para rasul(105). Ketika saudara mereka Nuh berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa(106). Sesungguhnya aku seorang rasul yang beramanah (yang diutuskan) kepada kamu(107). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku(108). Dan aku tidak sekali-kali meminta sebarang upah dari kamu kerana da'wah itu. Tiada upahku melainkan terserah Allah Tuhan semesta alam. " (109).*

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١١٠﴾

قَالُوا أَنُؤْمِنُ لَكَ وَاتَّبَعَكَ الْأَرْذَلُونَ ﴿١١١﴾

قَالَ وَمَا عِلْمِي بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿١١٢﴾

إِنْ حِسَابُهُمْ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّي ۖ لَوْ تَشْعُرُونَ ﴿١١٣﴾

وَمَا أَنَا بِطَارِدِ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١١٤﴾

*"Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku (110). Kata mereka: Apakah kami wajar beriman kepada engkau, sedangkan engkau hanya diikuti oleh orang-orang yang hina dina belaka?(111) Jawab Nuh: Bagaimana aku mengetahui segala amalan yang telah dilakukan mereka?(112). Urusan hisab amalan mereka hanya terpulang kepada Tuhanku sahaja, jika kamu mengerti(113). Dan aku sekali-kali tidak akan mengusir orang-orang yang beriman." (114).*

إِنْ أَنَا إِلَّا نَذِيرٌ مُّبِينٌ ﴿١١٥﴾

قَالُوا لَئِن لَّمْ تَنتَهِ يَا نُوحُ لَتَكُونَنَّ مِنَ الْمَرْجُومِينَ ﴿١١٦﴾

قَالَ رَبِّ إِنَّ قَوْمِي كَذَّبُونِ ﴿١١٧﴾

فَافْتَحْ بَيْنِي وَبَيْنَهُمْ فَتْحًا وَنَجِّنِي وَمَن مَّعِيَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿١١٨﴾

فَأَنجَيْنَاهُ وَمَن مَّعَهُ فِي الْفُلْكِ الْمَشْحُونِ ﴿١١٩﴾

*"Aku (ini) tidak lain melainkan hanya seorang (Rasul) yang memberi peringatan yang jelas(115). Mereka berkata: Wahai Nuh! Jika engkau tidak berhenti (berda'wah) nescaya engkau akan berada dalam golongan mereka yang akan direjamkan(116). Nuh berdo'a: Ya Tuhanku! Sesungguhnya kaumku telah mendustakanku(117). Oleh itu adakanlah satu keputusan di antaraku dengan mereka dan selamatkanku serta orang-orang Mu'min yang ada bersamaku(118). Lalu Kami selamatkannya serta orang-orang yang bersama dengannya dalam sebuah bahtera yang penuh sarat. " (119).*

ثُمَّ أَغْرَقْنَا بَعْدُ الْبَاقِينَ ﴿١٢٠﴾

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٢١﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٢٢﴾

*"Kemudian Kami tenggelamkan sesudah itu sekalian orang-orang yang tinggal(120). Sesungguhnya dalam kisah (Nuh) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(121). Dan sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih. " (122).*

**(Latar belakang dan pokok pembicaraan)**

Jika penjelasan Al-Qur'an yang lepas telah berundur ke belakang ketika mengisahkan sejarah, iaitu ia berpindah dari kisah Musa kepada kisah Ibrahim, begitu juga di dalam ayat-ayat yang berikut ia berundur ke belakang, iaitu apabila ia berpindah dari kisah Ibrahim kepada kisah Nuh. Garis susunan

sejarah tidak menjadi pokok maksud di sini, malah yang menjadi pokok maksud ialah mengambil pengajaran dan contoh teladan dari nasib kesudahan perbuatan syirik dan mendustakan Rasul.

Kisah Nuh juga seperti kisah Musa dan kisah Ibrahim. Ia ditayangkan di dalam berbagai-bagai surah Al-Qur'an. Sebelum ini ia telah diceritakan di dalam Surah al-Araf dalam barisan sejarah rasul-rasul dan risalah-risalah selepas turunnya Adam dari Syurga secara ringkas, iaitu mengisahkan bagaimana beliau menyampaikan da'wah tauhid kepada kaumnya dan memberi amaran 'azab hari Qiamat yang amat besar kepada mereka, bagaimana beliau telah dituduh sesat oleh kaumnya, bagaimana mereka memperlihatkan kehairanan mereka terhadap adanya seorang rasul yang dibangkitkan Allah di dalam kalangan mereka dan bagaimana mereka mendustakannya. Oleh sebab itulah mereka ditenggelamkan Allah, sedangkan Nuh dan orang-orang Mu'min yang ada bersamanya pula telah diselamatkan Allah. Semuanya diceritakan tanpa huraian yang panjang.

Di dalam Surah Yunus pula kisah akhir kerasulan Nuh diceritakan secara ringkas, iaitu bagaimana beliau dicabar dan didustakan kaumnya, bagaimana beliau dan pengikut-pengikutnya selamat menaiki bahtera dan bagaimana kaumnya yang tinggal ditenggelami banjir.

Di dalam Surah Hud pula kisah Nuh dihuraikan dengan terperinci, iaitu mengenai kisah banjir, bahtera dan peristiwa selepas banjir, di mana beliau berdo'a kepada Allah mengenai anaknya yang telah ditenggelamkan bersama orang-orang kafir itu, juga peristiwa perdebatan yang berlaku sebelum itu di antara beliau dengan kaumnya mengenai 'aqidah tauhid.

Kisah Nuh juga diceritakan di dalam Surah al-Mu'minun, di mana diterangkan bagaimana beliau menyeru kaumnya menyembah Allah Yang Maha Esa dan bagaimana mereka menolak beliau dengan alasan kerana beliau hanya seorang manusia seperti mereka sahaja yang mahu menunjuk-nunjukkan kelebihan ke atas mereka, dan andainya benar Allah mahu mengutuskan utusannya tentulah dia menurunkan malaikat, juga diceritakan bagaimana beliau dituduh gila oleh mereka dan bagaimana beliau berdo'a kepada Allah memohon pertolongan-Nya di samping menyebut secara sepintas lalu kisah bahtera dan banjir besar.

Kisah Nuh biasanya disebut dalam satu rangkaian bersama-sama kisah-kisah 'Ad, Thamud, kaum Lut dan penduduk Madyan. Begitu juga kisah Nuh di dalam surah ini. Babak kisah yang paling nyata, yang ditayangkan di sini ialah cerita beliau menyeru kaumnya bertaqwa kepada Allah dan bagaimana beliau mengumumkan kepada mereka bahawa beliau tidak meminta apa-apa upah dari mereka kerana menyampaikan hidayat Allah kepada mereka, juga diceritakan bagaimana beliau enggan mengusir orang-orang Mu'min yang miskin yang dijijikkan oleh pembesar-pembesar kaumnya. Ini samalah dengan keadaan yang dihadapi Rasulullah s.a.w. di Makkah. Kemudian diceritakan pula bagaimana beliau berdo'a kepada Allah supaya menentukan keputusan di antara beliau dengan kaumnya dan bagaimana Allah memperkenankan do'anya dengan menenggelamkan para pendusta dan menyelamatkan para Mu'minin.

******

**(Pentafsiran ayat-ayat 105 - 122)**

***Kerasulan Itu Hanya Satu Sahaja***

*"Kaum Nuh telah mendustakan para rasul."(105)*

Itulah penghabisan kisah Nuh yang dimulakan dengannya. Tujuan dimulakan begitu ialah untuk menonjolkan penghabisan kisah ini dari awal-awal lagi kemudian barulah kisah itu diceritakan dengan terperinci.

***Kisah Nabi Nuh a.s.***

Kaum Nuh hanya mendustakan Nabi Nuh seorang sahaja, tetapi di sini Al-Qur'an menyebut mereka telah mendustakan para rasul, kerana kerasulan itu pada dasarnya satu sahaja, iaitu menyeru manusia mentauhidkan Allah dan membulatkan Ubudiyah mereka kepada Allah semata-mata. Oleh itu barang siapa yang mendustakan mana-mana kerasulan bererti mendustakan para rasul seluruhnya kerana da'wah mereka adalah sama sahaja. Al-Qur'an menegas dan menjelaskan konsep ini di berbagai-bagai tempat yang lain dengan berbagai-bagai ungkapan, kerana konsep kerasulan ini merupakan salah satu dari prinsip-prinsip umum 'aqidah Islam yang merangkumi seluruh da'wah para rasul dan membahagikan seluruh manusia kepada dua barisan: Barisan golongan yang beriman dan barisan golongan yang kafir di sepanjang sejarah para rasul dan di sepanjang zaman. Oleh itu seorang Muslim memandang umat yang beriman kepada mana-mana agama yang diturunkan Allah sebagai umat-Nya dari sejak permulaan sejarah sehingga lahirnya Islam selaku agama tauhid yang terakhir, sedangkan barisan yang lain adalah dianggap golongan yang kafir dalam setiap agama Allah. Seseorang Mu'min adalah beriman dengan seluruh Rasul dan menghormati seluruh Rasul kerana seluruh mereka adalah membawa satu agama sahaja iaitu agama tauhid.

***Manusia Dalam Penilaian Seorang Muslim***

Dalam penilaian seorang Muslim, manusia itu tidak dibahagikan kepada bangsa-bangsa, warna-warna kulit dan negara-negara, malah mereka dibahagikan kepada Ahlul-Haq dan Ahlul-Batil dan dia sendiri bersama Ahlul-Haq menentang Ahlul-Batil di setiap zaman dan di setiap tempat. Demikianlah seorang Muslim itu hanya menggunakan satu neraca pertimbangan sahaja di sepanjang sejarah. Konsep nilai-nilai pada perasaannya mengatasi perasaan

fanatik terhadap bangsa, warna kulit, bahasa, negara, hubungan kerabat yang wujud di masa kini dan hubungan darah keturunan yang bertunjang jauh di dalam lipatan sejarah yang lampau. Ia mengatasi segala-galanya dan menjadi satu nilai yang tunggal, iaitu nilai keimanan dan dengan nilai inilah seluruh manusia dihitung kira dan dinilai.

كَذَّبَتْ قَوْمُ نُوحٍ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٠٥﴾

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ نُوحٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٠٦﴾

إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٠٧﴾

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٠٨﴾

وَمَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٠٩﴾

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١١٠﴾

*"Kaum Nuh telah mendustakan para rasul(105). Ketika saudara mereka Nuh berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa.(106). Sesungguhnya aku seorang rasul yang beramanah (yang diutuskan) kepada kamu.(107). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku.(108). Dan aku tidak sekali-kali meminta sebarang upah dari kamu kerana da'wah itu. Tiada upahku melainkan hanya dari Allah Tuhan semesta alam.(109). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku."(110)*

Inilah da'wah Nuh yang didustakan kaumnya, sedangkan beliau saudara mereka dan sedangkan semangat persaudaraan sepatutnya membimbing ke arah perdamaian, ketenangan, keimanan dan memberi kepercayaan, tetapi kaum Nuh tidak menghiraukan hubungan persaudaraan ini. Mereka tidak melunakkan hati mereka untuk menerima da'wah Nuh saudara mereka ketika beliau berkata kepada mereka:

*"Mengapa kamu tidak bertaqwa?"(106)*

Mengapa kamu tidak takut kepada akibat perbuatan kamu? Mengapa kamu tidak merasa takut dan gentar kepada Allah?

Bimbingan ke arah taqwa adalah berterusan di dalam surah ini. Beginilah Allah berfirman kepada Musa ketika memerintah beliau menemui Fir'aun dan kaumnya. Beginilah juga Nuh berkata kepada kaumnya, malah beginilah setiap rasul itu berkata kepada kaumnya selepas Nuh:

*"Sesungguhnya aku seorang rasul yang beramanah (yang diutuskan) kepada kamu."(107)*

Yakni tidak khianat dan tidak menipu, tidak menambah sesuatu dan tidak pula mengurangkan sesuatu dari perintah-perintah yang ditugaskan Allah supaya disampaikan kepada manusia.

*"Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku."(108)*

Demikianlah Nuh kembali mengingatkan mereka supaya bertaqwa kepada Allah dan pada kali ini beliau tentukan taqwa itu kepada Allah dan merangsangkan hati mereka supaya ta'at dan patuh.

### *Penda'wah Islam Tidak Mengharapkan Upah*

Kemudian Nuh a.s. meyakinkan keikhlasannya kepada mereka dari segi mencari kepentingan harta dunia, iaitu beliau tidak mempunyai apa-apa kepentingan untuk mendapatkan harta benda dunia dari usaha da'wahnya menyeru mereka kepada Allah. Beliau tidak meminta apa-apa upah sebagai ganjaran menunjuk mereka ke jalan Allah. Beliau hanya mengharapkan ganjaran dari Allah yang telah menugaskan beliau menyampaikan da'wah kepada manusia. Peringatan tidak meminta upah ini nampaknya perlu diperingatkan selama-lamanya bagi da'wah yang sebenar untuk membezakannya dari apa yang diketahui umum tentang adanya sami-sami atau kahin-kahin, paderi-paderi atau ketua-ketua agama yang mempergunakan agama untuk memerah harta orang ramai. Sememangnya kahin-kahin dan paderi-paderi dan sami-sami yang menjadi ketua agama-agama itu sentiasa menjadi punca yang memerah harta orang ramai dengan berbagai-bagai cara dan sarana, sedangkan dalam da'wah yang sebenar para penda'wahnya sentiasa bekerja dengan tulus ikhlas. Mereka tidak meminta apa-apa upah atas sebarang usaha mereka menunjuk manusia ke jalan hidayat. Mereka hanya mengharapkan upah mereka hanya dari Allah Tuhan semesta alam sahaja.

Di sini beliau mengulangi permintaan supaya mereka bertaqwa dan ta'at setelah meyakinkan keikhlasannya kepada mereka dari segi upah dan eksploitasi **"Bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku"** tetapi mereka mengemukakan satu bantahan yang aneh kepada beliau, iaitu bantahan yang berulang-ulang dikemukakan oleh manusia kepada setiap rasul:

*"Kata mereka: Apakah kami wajar beriman kepada engkau, sedangkan engkau hanya diikuti oleh orang-orang yang hina-dina belaka?"(111)*

***Golongan Miskin Merupakan Barisan Pelapor Yang Menjunjung Da'wah***

Orang-orang yang hina-dina yang dimaksudkan mereka ialah golongan mereka yang rendah dan miskin. Merekalah yang selalu menjadi golongan pertama yang mengikut para rasul dan risalah-risalah yang dibawa mereka. Merekalah golongan pertama yang beriman dan menyerah patuh, kerana mereka tidak dihalangkan dari hidayat oleh sebarang perasaan angkuh yang kosong dan sebarang perasaan takut terancam terhadap kepentingan dan kedudukan mereka. Oleh sebab itulah mereka menjadi golongan yang pertama menyambut da'wah, tetapi bagi golongan orang-orang besar mereka selalu dihalangkan perasaan keangkuhan dan pertimbangan terhadap kepentingan-kepentingan mereka yang ditegakkan di atas kedudukan-kedudukan palsu, iaitu kedudukan yang diambil dari kepercayaan-kepercayaan dongeng-dongeng yang karut, yang memakai baju agama. Kemudian pada akhirnya mereka enggan disamakan dengan orang ramai mengikut ajaran agama tauhid yang tulen itu, di mana gugurnya seluruh nilai-nilai yang lain. Hanya satu nilai sahaja yang berkibar tinggi, iaitu nilai keimanan dan amalan yang soleh. Inilah satu-satunya nilai yang menaik dan menjatuhkan mana-mana kaum. Seluruh mereka adalah ditimbang dengan satu neraca sahaja iaitu neraca 'aqidah dan tingkahlaku yang lurus.

Justeru itulah Nuh a.s. memberi satu jawapan yang menjelaskan nilai-nilai yang tetap dan menentukan batas ikhtisas seseorang rasul serta menyerahkan segala urusan manusia, dan hisab mereka, kepada Allah sahaja. Dialah yang akan menilai segala amalan yang dilakukan mereka.

قَالُوٓاْ أَنُؤۡمِنُ لَكَ وَٱتَّبَعَكَ ٱلۡأَرۡذَلُونَ ١١١

قَالَ وَمَا عِلۡمِي بِمَا كَانُواْ يَعۡمَلُونَ ١١٢

إِنۡ حِسَابُهُمۡ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّيۖ لَوۡ تَشۡعُرُونَ ١١٣

وَمَآ أَنَا۠ بِطَارِدِ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ١١٤

إِنۡ أَنَا۠ إِلَّا نَذِيرٞ مُّبِينٞ ١١٥

*"Jawab Nuh: Bagaimana aku mengetahui segala amalan yang telah dilakukan mereka?(112). Urusan hisab amalan mereka hanya terpulang kepada Tuhanku sahaja, jika kamu mengerti(113). Dan aku sekali-kali tidak akan mengusir orang-orang yang beriman(114). Aku (ini) tidak lain melainkan hanya seorang (Rasul) yang memberi peringatan yang jelas."(115)*

Golongan orang-orang besar selalunya merungutkan golongan orang-orang miskin. Cara hidup dan tingkahlaku orang-orang miskin (yang kasar) itu tidak menyenangkan golongan-golongan atasan yang mempunyai perasaan yang peka dan adirasa yang halus. Oleh itu Nuh menerangkan kepada mereka bahawa beliau tidak meminta sesuatu yang lain dari manusia melainkan hanya iman sahaja. Kini yang menjadi pokok perhitungan ialah golongan orang-orang miskin itu telah beriman. Adapun amalan-amalan yang dilakukan mereka sebelum ini, maka itu terserah kepada Allah. Dialah sahaja yang akan menimbang dan menilaikannya. Dialah sahaja yang akan menentukan balasan terhadap amalan-amalan yang baik dan amalan-amalan yang buruk. Penilaian Allah itu sahaja yang betul, sedangkan kamu tidak mengetahui nilai-nilai yang haqiqi, yang mempunyai timbangan berat di dalam neraca Allah. Tugasku hanya memberi peringatan dan penerangan:

إِنۡ أَنَا۠ إِلَّا نَذِيرٞ مُّبِينٞ ١١٥

*"Aku (ini) tidak lain melainkan hanya seorang (Rasul) yang memberi peringatan yang jelas."(115)*

***Nuh Diancam Kaumnya***

Apabila Nuh a.s. berjaya menghadapi mereka dengan hujahnya yang jelas dan dengan logiknya yang lurus, yang melemahkan mereka untuk terus berhujah dengan beliau, mereka terus menggunakan senjata yang selalu digunakan pemerintah-pemerintah yang zalim apabila mereka tidak mampu berhujah dan apabila dalil-dalil yang dikemukakan mereka gagal dan hampa belaka. Mereka menggunakan senjata ancaman dengan kekuatan yang kejam. Itulah kekuatan yang digunakan pemerintah-pemerintah yang zalim di setiap zaman dan tempat apabila mereka tidak mempunyai kekuatan hujah dan dalil:

قَالُواْ لَئِن لَّمۡ تَنتَهِ يَٰنُوحُ لَتَكُونَنَّ مِنَ ٱلۡمَرۡجُومِينَ ١١٦

*"Mereka berkata: Wahai Nuh! Jika engkau tidak berhenti (berda'wah) nescaya engkau akan berada dalam golongan mereka yang akan direjamkan."(116)*

Kaum yang zalim itu memperlihatkan wajahnya yang masam dan bengis. Kaum yang sesat itu telah mendedahkan caranya yang kasar dan kejam dan kini Nuh sedar bahawa hati yang keras itu tidak akan lembut lagi. Lalu beliau pun berdo'a kepada Allah Pelindungnya Yang Maha Esa dan Pembantunya Yang Maha Tunggal, yang tiada pelindung yang lain bagi para Mu'minin melainkan Dia:

قَالَ رَبِّ إِنَّ قَوۡمِي كَذَّبُونِ ١١٧

فَٱفۡتَحۡ بَيۡنِي وَبَيۡنَهُمۡ فَتۡحٗا وَنَجِّنِي وَمَن مَّعِيَ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ١١٨

*"Nuh berdo'a: "Ya Tuhanku! Sesungguhnya kaumku telah mendustakanku(117). Oleh itu adakanlah satu keputusan di antaraku dengan mereka selamatkanku serta orang-orang Mu'min yang ada bersamaku."(118)*

Allah memang mengetahui bahawa kaumnya telah mendustakannya, tetapi itulah rayuan Rasul kepada Penolong dan Pembantunya. Itulah permohonan

pertimbangan dan pemulangan teraju urusan kepada Allah selaku Pemiliknya **"Adakanlah satu keputusan di antaraku dengan mereka"** iaitu keputusan akhir yang muktamad, yang menamatkan kezaliman dan pendustaan mereka: **"Dan selamatkanku serta orang-orang Mu'min yang ada bersamaku."**

Lalu Allah memperkenankan do'a nabi-Nya yang diancam dengan pembunuhan secara rejam oleh kaumnya yang zalim, kerana beliau menyeru orang ramai supaya bertaqwa kepada Allah dan ta'at kepada Rasul-Nya, sedangkan beliau tidak meminta apa-apa upah dan tidak berkehendakkan apa-apa pangkat, darjat dan harta benda:

***Kaum Nuh Diteggelamkan Banjir Besar***

فَأَنجَيْنَٰهُ وَمَن مَّعَهُۥ فِى ٱلْفُلْكِ ٱلْمَشْحُونِ ﴿١١٩﴾

ثُمَّ أَغْرَقْنَا بَعْدُ ٱلْبَاقِينَ ﴿١٢٠﴾

*"Lalu Kami selamatkannya serta orang-orang yang bersama dengannya dalam sebuah bahtera yang penuh sarat(119). Kemudian Kami tenggelamkan sesudah itu sekalian orang-orang yang tinggal."(120)*

Demikianlah kisah ini diceritakan dengan ringkas dan pantas, menggambarkan penghabisan cerita perjuangan di antara keimanan dan kezaliman dalam angkatan permulaan umat manusia dan menjelaskan kesudahan setiap perjuangan selanjutnya dalam sejarah manusia yang amat panjang.

Kemudian diiringi dengan ulasan yang diulang-ulang di dalam surah ini selepas menyebut setiap bukti dari bukti-bukti kekuasaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih:

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٢١﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٢٢﴾

*"Sesungguhnya dalam kisah (Nuh) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(121). Dan sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(122)*

**(Kumpulan ayat-ayat 123 - 140)**

كَذَّبَتْ عَادٌ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٢٣﴾

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ هُودٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٢٤﴾

إِنِّى لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٢٥﴾

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٢٦﴾

وَمَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ
ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٢٧﴾

أَتَبْنُونَ بِكُلِّ رِيعٍ ءَايَةً تَعْبَثُونَ ﴿١٢٨﴾

*"Kaum 'Ad telah mendustakan para rasul(123). Ketika saudara mereka Hud berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa?(124). Sesungguhnya aku seorang rasul yang beramanah (yang diutuskan) kepada kamu(125). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku(126). Dan aku tidak sekali-kali meminta sebarang upah dari kamu kerana, da'wah itu. Tiada upahku melainkan terserah kepada Allah Tuhan semesta alam(127). Apakah kamu membina di setiap tanah tinggi bangunan mercu tanda dengan tujuan bersuka-suka dengan sia-sia?."(128).*

وَتَتَّخِذُونَ مَصَانِعَ لَعَلَّكُمْ تَخْلُدُونَ ﴿١٢٩﴾

وَإِذَا بَطَشْتُم بَطَشْتُمْ جَبَّارِينَ ﴿١٣٠﴾

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٣١﴾

وَٱتَّقُوا۟ ٱلَّذِىٓ أَمَدَّكُم بِمَا تَعْلَمُونَ ﴿١٣٢﴾

أَمَدَّكُم بِأَنْعَٰمٍ وَبَنِينَ ﴿١٣٣﴾

وَجَنَّٰتٍ وَعُيُونٍ ﴿١٣٤﴾

إِنِّىٓ أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٣٥﴾

قَالُوا۟ سَوَآءٌ عَلَيْنَآ أَوَعَظْتَ أَمْ لَمْ تَكُن مِّنَ ٱلْوَٰعِظِينَ ﴿١٣٦﴾

إِنْ هَٰذَآ إِلَّا خُلُقُ ٱلْأَوَّلِينَ ﴿١٣٧﴾

وَمَا نَحْنُ بِمُعَذَّبِينَ ﴿١٣٨﴾

فَكَذَّبُوهُ فَأَهْلَكْنَٰهُمْ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً ۖ وَمَا كَانَ
أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٤٠﴾

*"Dan kamu membuat kilang-kilang pertukangan supaya kamu kekal(129). Dan apabila kamu menyerang, maka kamu menyerang seperti orang-orang kejam yang bermaharajalela(130). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku(131). Dan bertaqwalah kepada Allah yang telah mengurniakan kepada kamu ni'mat-ni'mat yang kamu ketahui(132). Dia telah mengurniakan kepada kamu ni'mat ternakan dan anak pinak(133). Kebun-kebun dan matair-matair(134). Sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpakan 'azab pada hari yang amat besar(135). Jawab mereka: Sama sahaja kepada kami sama ada engkau memberi nasihat atau engkau tidak termasuk dalam*

*golongan orang-orang yang memberi nasihat(136). Sesungguhnya (agama kami) ini tidak lain melainkan ialah cara hidup orang-orang yang dahulu(137). Dan kami tidak sekali-kali akan dikenakan 'azab(138). Kemudian mereka mendustakannya (Hud), lalu Kami binasakan mereka. Sesungguh-nya di dalam kisah (Hud) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(139). Dan sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(140).*

### (Latar belakang dan pokok pembicaraan)

#### *Kisah Hud a.s.*

Kaum Hud tinggal di al-Ahqaf, iaitu kawasan bukit-bukit pasir yang berhampiran negeri Hadharamaut dari sebelah Yaman. Mereka datang selepas kaum Nuh. Mereka adalah dari golongan kaum yang telah sesat hati mereka setelah berlalunya satu tempoh selepas peristiwa banjir besar yang telah membersihkan muka bumi dari para penderhaka itu.

Kisah Hud ini telah diceritakan dengan terperinci di dalam Surah al-A'raf dan Surah Hud, juga disebut di dalam Surah al-Mu'minun tanpa menyebut nama Hud dan 'Ad. Di sini kisah Hud ditayangkan babak mulanya dan babak akhirnya dengan ringkas, iaitu babak awal Nabi Hud a.s. berda'wah kepada kaumnya dan babak akhir da'wahnya, di mana para pendusta da'wah menerima akibat kisah ini dimulakan sama dengan cara dimulakan kisah kaum Nabi Nuh a.s.:

كَذَّبَتْ عَادٌ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٢٣﴾

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ هُودٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٢٤﴾

إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٢٥﴾

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٢٦﴾

وَمَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٢٧﴾

*"Kaum 'Ad telah mendustakan para rasul(123). Ketika saudara mereka Hud berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa?(124). Sesungguhnya aku seorang rasul yang beramanah (yang diutuskan) kepada kamu(125). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku(126). Dan aku tidak sekali-kali meminta sebarang upah dari kamu kerana da'wah itu. Tiada upahku melainkan terserah kepada Allah Tuhan semesta alam."(127)*

Itulah kata-kata yang sama yang diucapkan oleh setiap rasul, iaitu menyeru manusia bertaqwa kepada Allah dan ta'at kepada Rasul-Nya dan mengumumkan sikap zahid Rasul terhadap harta benda dan kesenangan hidup yang ada pada kaumnya, sikap memandang rendah kepada nilai-nilai kesenangan dunia yang fana dan sikap mengharapkan ganjaran yang limpah dari Allah.

Kemudian Al-Qur'an menambahkan keterangan mengenai keadaan dan tindak-tanduk yang khusus mengenai kaum Hud. Nabi Hud a.s. mengecam perbuatan mereka bermewah-mewah, mendirikan bangunan-bangunan semata-mata dengan tujuan berbangga-bangga dengan kebolehan mereka, menunjuk-nunjukkan kekayaan mereka dan berlumba-lumba membina bangunan-bangunan yang tinggi. Beliau mengecam sikap mereka yang angkuh dan sombong kerana kebolehan dan kepintaran mereka mengendalikan kehidupan dunia dan menggunakan kuasa dan tenaga yang ada padanya, juga mengecam sikap mereka yang lalai dari bertaqwa dan cuai dari bermuraqabah dengan Allah.

أَتَبْنُونَ بِكُلِّ رِيعٍ آيَةً تَعْبَثُونَ ﴿١٢٨﴾

وَتَتَّخِذُونَ مَصَانِعَ لَعَلَّكُمْ تَخْلُدُونَ ﴿١٢٩﴾

*Apakah kamu membina di setiap tanah tinggi bangunan mercu tanda dengan tujuan bersuka-suka dengan sia-sia?(128). Dan kamu membuat kilang-kilang pertukangan supaya kamu kekal."(129)*

#### *Hud Mengecam Kaumnya Yang Membina Bangunan-bangunan Mewah Di Tanah Tinggi*

Kata-kata " ريع " bererti tanah tinggi. Nampaknya mereka mendirikan bangunan-bangunan di tanah-tanah tinggi yang dapat dilihat dari jauh seolah-olah mercu tanda dan tujuan pembinaan itu ialah untuk bermegah-megah dan bertanding kemahiran dan kepandaian kerana itu Hud menamakannya sebagai bangunan untuk tujuan bersuka-suka dengan sia-sia, kerana andainya bangunan itu dibina dengan tujuan untuk menjadi panduan jalan kepada para musafir yang lalu tentulah Hud tidak berkata kepada mereka **"Untuk kamu bersuka-suka dengan sia-sia"**. Ayat ini merupakan garis bimbingan supaya tenaga, kepandaian dan harta kekayaan itu dibelanjakan untuk maksud-maksud yang perlu dan berguna, bukannya untuk maksud bermewah-mewah, berhias dan semata-mata memperlihatkan kepandaian dan kemahiran.

Begitu juga dari perkataan Hud:

وَتَتَّخِذُونَ مَصَانِعَ لَعَلَّكُمْ تَخْلُدُونَ ﴿١٢٩﴾

*"Dan kamu membuat kilang-kilang pertukangan supaya kamu kekal."(129)*

Dapatlah difaham bahawa kaum 'Ad telah berjaya mencapai tahap kemajuan pertukangan yang baik hingga mereka dapat mengadakan kilang-kilang pertukangan untuk memahat bukit-bukau dan membina istana-istana, juga mengadakan bangunan-bangunan mercu tanda di tanah-tanah yang tinggi sehingga terlintas di dalam hati orang ramai mereka bahawa kilang-kilang pertukangan ini dan segala bangunan yang dibuat dengan perantaraannya adalah cukup untuk melindungi mereka daripada maut, juga

menyelamatkan mereka dari kesan-kesan udara dan serangan-serangan musuh.

Hud a.s. terus mengecamkan sikap kaumnya:

وَإِذَا بَطَشْتُم بَطَشْتُمْ جَبَّارِينَ ﴿١٣٠﴾

*"Dan apabila kamu menyerang, maka kamu menyerang seperti orang-orang kejam yang bermaharajalela."(130)*

**_Hud Mengecam Keganasan Kaumnya_**

Mereka adalah orang-orang yang zalim dan ganas, mereka bertindak sewenang-wenang apabila mereka menyerang. Mereka tidak segan-silu melakukan kekejaman dan keganasan sebagaimana dilakukan oleh manusia-manusia yang bermaharajalela, yang angkuh dengan kekuatan kebendaan yang dimiliki mereka.

Di sini Hud a.s. mengajak mereka pulang bertaqwa kepada Allah dan ta'at kepada-Nya untuk menjauhkan mereka dari perbuatan kejam dan ganas itu:

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٣١﴾

*"Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku."(131)*

Seterusnya Hud a.s. mengingatkan mereka terhadap ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan Allah kepada mereka, iaitu ni'mat-ni'mat yang dini'mati mereka dan membuat mereka menjadi angkuh dan bermaharajalela, sedangkan yang sewajarnya mereka mengingati ni'mat-ni'mat itu dan bersyukur serta menaruh bimbang terhadap kemurkaan Allah yang mungkin merampaskan kembali ni'mat-ni'mat yang telah dikurniakan kepada mereka itu, juga menghukum tindak-tanduk mereka yang bersuka-suka dengan sia-sia, per-buatan mereka yang kejam dan ganas dan sikap mereka yang angkuh dan sombong itu.

وَاتَّقُوا الَّذِي أَمَدَّكُم بِمَا تَعْلَمُونَ ﴿١٣٢﴾
أَمَدَّكُم بِأَنْعَامٍ وَبَنِينَ ﴿١٣٣﴾
وَجَنَّاتٍ وَعُيُونٍ ﴿١٣٤﴾
إِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٣٥﴾

*"Dan bertaqwalah kepada Allah yang telah mengurniakan kepada kamu ni'mat-ni'mat yang kamu ketahui(132). Dia telah mengurniakan kepada kamu ni'mat ternakan dan anak pinak(133). Kebun-kebun dan mata air-mata air(134). Sesungguhnya aku takut kamu akan ditimpakan 'azab pada hari yang amat besar."(135).*

**_Hud Mengingatkan Kaumnya Terhadap Ni'mat-ni'mat Allah_**

Demikianlah Hud a.s. mengingatkan mereka terhadap Allah dan ni'mat-Nya secara umum **"Allah yang telah mengurniakan kepada kamu ni'mat-ni'mat yang kamu ketahui"**, iaitu ni'mat-ni'mat yang wujud di hadapan mereka, ni'mat-ni'mat yang diketahui, dikenali dan dihayati mereka. Kemudian beliau menghuraikan sebahagian dari ni'mat-ni'mat itu:

أَمَدَّكُم بِأَنْعَامٍ وَبَنِينَ ﴿١٣٣﴾
وَجَنَّاتٍ وَعُيُونٍ ﴿١٣٤﴾

*"Dia telah mengurniakan kepada kamu ni'mat ternakan dan anak pinak(133). Kebun-kebun dan mata air-mata air."(134)*

Itulah ni'mat-ni'mat yang biasa dikenali di zaman itu, malah itulah ni'mat-ni'mat disetiap zaman. Kemudian Hud a.s. menakutkan mereka dengan 'azab hari Akhirat yang amat besar dalam bentuk menyatakan kebimbangannya terhadap mereka dari ditimpakan 'azab itu dengan sifat beliau sebagai saudara mereka dan salah seorang dari mereka. Beliau sekali-kali tidak mahu mereka kelak akan ditimpa 'azab hari itu yang tidak dapat diragui lagi kebenarannya.

Tetapi peringatan dan amaran ini tidak menjejak ke dalam hati-hati yang keras dan kejam itu, malah hati-hati itu terus berdegil dan bersikap sewenang-wenang.

قَالُوا سَوَاءٌ عَلَيْنَا أَوَعَظْتَ أَمْ لَمْ تَكُن مِّنَ الْوَاعِظِينَ ﴿١٣٦﴾

*"Jawab mereka: Sama sahaja kepada kami sama ada engkau memberi nasihat atau engkau tidak termasuk dalam golongan orang-orang yang memberi nasihat."(136)*

Tidak penting kepada kami sama ada engkau memberi nasihat atau engkau tidak langsung tergolong dalam golongan penasihat-penasihat. Ini adalah satu pengungkapan menghina dan biadab, kemudian diiringi pula dengan suatu kenyataan yang membayangkan kebekuan dan kebatuan cara berfikir, yang hanya bergantung kepada taklid atau pak turut orang-orang yang dahulu.

*"Sesungguhnya (agama kami) ini tidak lain melainkan ialah cara hidup orang-orang yang dahulu(137). Dan kami tidak sekali-kali akan dikenakan 'azab."(138)*

Hujah mereka mempertahankan cara hidup mereka yang dikecam Hud a.s. itu ialah cara hidup yang dijalani mereka adalah cara hidup yang diamalkan oleh orang-orang yang terdahulu dari mereka. Mereka adalah mengikut cara hidup orang-orang dahulu. Kemudian mereka menolak kemungkinan mereka akan di'azab kerana mengikut cara hidup orang-orang dahulu dengan kata mereka **"Kami tidak sekali-kali akan dikenakan 'azab."**

Di sini Al-Qur'an tidak menyebut dengan terperinci perdebatan yang berlaku di antara mereka dengan Rasul mereka Hud a.s., malah ia terus menceritakan kesudahan kisah itu:

فَكَذَّبُوهُ فَأَهْلَكْنَٰهُمْ ۗ

*"Kemudian mereka mendustakannya (Hud), lalu Kami binasakan mereka."(139)*

***Kaum Hud Dibinasakan Allah***

Dengan dua perkataan ini berakhirlah kisah kaum 'Ad yang bermaharajalela dan tergulunglah cerita kilang-kilang pertukangan yang dibangunkan mereka serta berakhirlah riwayat kehidupan mereka yang senang-lenang, kaya dengan haiwan ternakan, anak pinak yang ramai, kebun-kebun yang subur dan mata air-mata air yang sentiasa mengalir.

Beberapa banyak pula umat-umat selepas berlalunya kaum 'Ad itu yang terus berfikir seperti cara berfikir kaum 'Ad, yang terkeliru seperti mereka dan yang semakin menjauhkan diri dari Allah apabila tamadun mereka semakin tinggi. Umat-umat ini menyangka bahawa manusia kini tidak lagi memerlukan Allah. Mereka mengeluarkan alat-alat senjata yang dapat memusnahkan umat yang lain dan menyelamatkan umat mereka dengan kelengkapan yang dikiranya cukup untuk melindungi mereka dari serangan-serangan musuh mereka, tetapi tiba-tiba di suatu pagi atau di suatu petang 'azab Allah menyerang mereka dari atas dan dari bawah dan dari mana-mana sahaja.

إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٣٩﴾

*"Sesungguhnya di dalam kisah (Hud) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman."(139)*

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٤٠﴾

*"Dan sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(140)*

**(Kumpulan ayat-ayat 141 - 159)**

كَذَّبَتْ ثَمُودُ ٱلْمُرْسَلِينَ ﴿١٤١﴾

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ صَٰلِحٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٤٢﴾

إِنِّى لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٤٣﴾

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٤٤﴾

وَمَآ أَسْـَٔلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۖ إِنْ أَجْرِىَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿١٤٥﴾

أَتُتْرَكُونَ فِى مَا هَٰهُنَآ ءَامِنِينَ ﴿١٤٦﴾

فِى جَنَّٰتٍ وَعُيُونٍ ﴿١٤٧﴾

وَزُرُوعٍ وَنَخْلٍ طَلْعُهَا هَضِيمٌ ﴿١٤٨﴾

وَتَنْحِتُونَ مِنَ ٱلْجِبَالِ بُيُوتًا فَٰرِهِينَ ﴿١٤٩﴾

فَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٥٠﴾

*"Kaum Thamud telah mendustakan para rasul(141). Ketika saudara mereka Soleh berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa(142). Sesungguhnya aku seorang rasul yang beramanah (yang diutuskan) kepada kamu(143). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku(144). Dan aku tidak sekali-kali meminta sebarang upah dari kamu kerana da'wah itu. Tiada upahku melainkan terserah kepada Allah Tuhan semesta alam(145). Adakah kamu akan dibiarkan tinggal di sini dengan aman?(146). Di dalam kebun-kebun dan matair-matair(147). Dan tanam-tanaman dan pokok-pokok kurma yang mayang-mayangnya begitu lembut(148). Dan kamu pahat sebahagian dari gunung-gunung untuk dijadikan rumah-rumah kediaman dengan penuh kemahiran(149). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku."(150).*

وَلَا تُطِيعُوٓا۟ أَمْرَ ٱلْمُسْرِفِينَ ﴿١٥١﴾

ٱلَّذِينَ يُفْسِدُونَ فِى ٱلْأَرْضِ وَلَا يُصْلِحُونَ ﴿١٥٢﴾

قَالُوٓا۟ إِنَّمَآ أَنتَ مِنَ ٱلْمُسَحَّرِينَ ﴿١٥٣﴾

مَآ أَنتَ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا فَأْتِ بِـَٔايَةٍ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿١٥٤﴾

قَالَ هَٰذِهِۦ نَاقَةٌ لَّهَا شِرْبٌ وَلَكُمْ شِرْبُ يَوْمٍ مَّعْلُومٍ ﴿١٥٥﴾

وَلَا تَمَسُّوهَا بِسُوٓءٍ فَيَأْخُذَكُمْ عَذَابُ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٥٦﴾

فَعَقَرُوهَا فَأَصْبَحُوا۟ نَٰدِمِينَ ﴿١٥٧﴾

فَأَخَذَهُمُ ٱلْعَذَابُ ۗ إِنَّ فِى ذَٰلِكَ لَءَايَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٥٨﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ ٱلْعَزِيزُ ٱلرَّحِيمُ ﴿١٥٩﴾

*"Dan janganlah kamu ta'ati perintah golongan pelampau(151). Yang melakukan kerosakan di bumi dan tidak pernah mengadakan perbaikan(152). Mereka berkata: Sesungguhnya engkau (Hud) adalah dari orang-orang yang kena sihir(153). Engkau tidak lain melainkan hanya seorang manusia seperti kami sahaja. Oleh itu bawalah satu bukti (mu'jizat) jika engkau dari orang-orang yang benar(154). Jawab Soleh: Ini seekor unta betina. Ia mempunyai giliran untuk mendapatkan air dan kamu juga mempunyai giliran*

*untuk mendapatkan air pada hari yang tertentu(155). Dan janganlah kamu sentuhkan unta ini dengan sesuatu perbuatan yang jahat, kelak kamu akan ditimpa 'azab hari yang amat besar(156). Kemudian mereka menyembelihkan unta itu, lalu mereka menjadi sesal(157). Lalu mereka ditimpa 'azab. Sesungguhnya di dalam kisah (Soleh) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman (158). Sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pcngasih."(159).*

### *Kisah Nabi Soleh a.s.*

Itulah da'wah yang sama yang diserukan oleh setiap rasul. Al-Qur'an sengaja menyama atau menyatukan cerita bunyi kata-kata yang dilafazkan oleh setiap rasul kepada kaum masing-masing untuk membuktikan kesatuan atau persamaan kerasulan itu dari segi hakikat dan tapak asasnya yang tunggal, iaitu beriman kepada Allah dan bertaqwa kepada-Nya serta ta'at kepada Rasul yang datang dari sisi Allah.

Kemudian Al-Qur'an menambahkan penerangan yang khusus mengenai kaum Thamud serta keadaan mereka dan suasana-suasana yang melingkungi mereka. Ketika saudara mereka Nabi Soleh a.s. mengingatkan ni'mat-ni'mat yang dikurniakan Allah kepada mereka - (mereka tinggal di al-Hijr yang terletak di antara negeri Syam dan Hijaz, di mana Rasulullah s.a.w. pernah melalui kampung-kampung kediaman mereka yang telah dibinasakan Allah bersama-sama sahabat-sahabat beliau di dalam Peperangan Tabuk) - dan menakutkan mereka terhadap kemungkinan ni'mat-ni'mat itu dirampaskan kembali oleh Allah, juga menakutkan mereka terhadap hisab Allah selepas mengecapi keni'matan hidup dunia itu, iaitu hisab terhadap cara-cara mereka yang menggunakan keni'matan itu:

فِي جَنَّٰتٖ وَعُيُونٖ ﴿١٤٧﴾
وَزُرُوعٖ وَنَخۡلٖ طَلۡعُهَا هَضِيمٞ ﴿١٤٨﴾
وَتَنۡحِتُونَ مِنَ ٱلۡجِبَالِ بُيُوتٗا فَٰرِهِينَ ﴿١٤٩﴾

*"Adakah kamu akan dibiarkan tinggal di sini dengan aman?(146). Di dalam kebun-kebun dan matair-matair (147). Dan tanam-tanaman dan pokok-pokok kurma yang mayang-mayangnya begitu lembut(148). Dan kamu pahat sebahagian dari gunung-gunung untuk dijadikan rumah-rumah kediaman dengan penuh kemahiran."(149)*

Mereka hidup senang-lenang di dalam keni'matan-keni'matan yang digambarkan oleh saudara mereka Nabi Soleh a.s., tetapi mereka hidup di dalam kelalaian tanpa memikirkan siapakah yang mengurniakan ni'mat-ni'mat itu kepada mereka dan tanpa merenungi dari manakah puncanya ni'mat-ni'mat itu. Mereka tidak bersyukur kepada Allah yang telah memberikan ni'mat-ni'mat itu kepada mereka. Oleh sebab itulah Rasul mereka Soleh a.s. menggambarkan ni'mat-ni'mat itu kepada mereka supaya mereka berfikir dengan teliti, supaya mereka mengenal nilainya dan merasa takut kepada kehilangannya.

Dalam perkataan-perkataan beliau kepada mereka terdapat sentuhan-sentuhan yang menyedarkan hati yang lalai dan menimbulkan kemahuan dan merangsangkan ketakutan:

أَتُتۡرَكُونَ فِي مَا هَٰهُنَآ ءَامِنِينَ ﴿١٤٦﴾

*"Adakah kamu akan dibiarkan tinggal di sini dengan aman?"(146)*

Adakah kamu fikir kamu akan dibiarkan hidup terus dalam keadaan senang-lenang, mewah, makmur, penuh ni'mat dan sebagainya dari pengertian kesenangan yang terkandung dalam ungkapan ringkas ini yang dituju untuk membesarkan gambaran keni'matan itu. Apakah kamu fikir kamu akan dibiarkan hidup begini dengan aman sentosa tanpa merasa bimbang bahawa ni'mat-ni'mat itu akan kehilangan, akan ditarik balik atau akan berubah?

Apakah kamu akan terus dibiarkan hidup dalam taman-taman, matair-matair, aneka tanaman, pokok-pokok kurma yang bermayang elok, mudah hadam seolah-olah buah-buahnya sudah dicernakan dan tidak lagi memerlukan kerja-kerja mencerna yang sukar di dalam perut? Adakah kamu akan terus dibiarkan hidup di dalam rumah-rumah kediaman yang kamu pahat pada batu-batu dengan penuh kemahiran, kesenian dan kecantikan?

Setelah menyentuh hari mereka dengan sentuhan-sentuhan yang menyedarkan itu, Nabi Soleh a.s. menyeru mereka supaya bertaqwa kepada Allah dan ta'at kepada Rasul dan supaya menentang golongan yang zalim, yang jauh dari kebenaran, keadilan dan cenderung melakukan kerosakan dan kejahatan.

فَٱتَّقُواْ ٱللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٥٠﴾
وَلَا تُطِيعُوٓاْ أَمۡرَ ٱلۡمُسۡرِفِينَ ﴿١٥١﴾
ٱلَّذِينَ يُفۡسِدُونَ فِي ٱلۡأَرۡضِ وَلَا يُصۡلِحُونَ ﴿١٥٢﴾

*"Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku(150). Dan janganlah kamu ta'ati perintah golongan pelampau(151). Yang melakukan kerosakan di bumi dan tida pernah mengadakan perbaikan."(152)*

Tetapi sentuhan-sentuhan dan seruan-seruan itu tidak menjejak di dalam hati manusia yang kasar dan keras itu. Hati mereka tidak mendengar seruan-seruan dan tidak pernah lembut:

قَالُوٓاْ إِنَّمَآ أَنتَ مِنَ ٱلۡمُسَحَّرِينَ ﴿١٥٣﴾
مَآ أَنتَ إِلَّا بَشَرٞ مِّثۡلُنَا فَأۡتِ بِـَٔايَةٍ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ﴿١٥٤﴾

*"Mereka berkata: Sesungguhnya engkau (Hud) adalah dari orang-orang yang kena sihir(153). Engkau tidak lain melainkan hanya seorang manusia seperti kami sahaja. Oleh itu bawalah satu bukti (mu'jizat) jika engkau dari orang-orang yang benar."(154)*

Yakni engkau (Soleh) adalah dari orang-orang yang telah disihirkan akal mereka. Mereka memperkatakan perkara-perkara yang mereka sendiri tidak tahu! Seolah-olah da'wah kepada Allah itu hanya dilakukan oleh orang gila sahaja:

مَآ أَنتَ إِلَّا بَشَرٌ مِّثۡلُنَا

*"Engkau tidak lain melainkan hanya seorang manusia seperti kami sahaja."(154)*

Itulah kekeliruan yang selalu bermain di dalam akal manusia setiap kali mereka didatangi Rasul. Kefahaman manusia yang lemah terhadap konsep Rasul itu selalunya menakjubkan. Mereka tidak memahami hikmat Allah memilih manusia menjadi Rasul. Mereka juga tidak memahami rahsia penghormatan Allah terhadap bangsa manusia yang telah memilih mereka menjadi para rasul-Nya supaya mereka menjadi para perintis manusia yang berhubung dengan sumber hidayat dan nur.

Manusia memahami Rasul itu hanya layak dipegang oleh makhluk yang lain dari manusia atau beginilah yang selayaknya (pada hemat mereka) kedudukan seorang rasul itu selama tugasnya ialah membawa berita-berita langit kepada mereka atau membawa berita alam ghaib dan berita alam yang terlindung dari pengetahuan manusia. Ini disebabkan kerana mereka tidak memahami rahsia manusia Rasul itu sendiri yang telah mendapat penghormatan dari Allah. Rahsia itu ialah manusia Rasul adalah manusia yang telah dikurniakan Allah kebolehan berhubung dengan alam al-Mala'ul-'Ala walaupun dia tinggal di bumi, di mana dia makan, tidur, berkahwin dan berjalan di pasar-pasar. Di bumi dia menghadapi dan melayani berbagai-bagai perasaan dan kemahuan seperti yang dihadapi oleh semua manusia yang lain, tetapi dia tetap berhubung dengan rahsia yang agung itu.

Umat manusia generasi demi generasi menuntut mu'jizat dari Rasul untuk membuktikan kebenaran bahawa dia adalah diutuskan dari Allah:

فَأۡتِ بِـَٔايَةٍ إِن كُنتَ مِنَ ٱلصَّٰدِقِينَ ١٥٤

*"Bawalah satu bukti (mu'jizat) jika engkau dari orang-orang yang benar."(154)*

***Soleh Dikurniakan Mu'jizat Unta***

Demikianlah kaum Thamud meminta mu'jizat (dari Nabi Soleh), lalu Allah perkenan mengurniakan mu'jizat itu kepada hamba kesayangan-Nya itu dalam bentuk seekor unta. Kami tidak ingin berleluasa memerikan sifat-sifat unta itu seperti yang dilakukan oleh para Mufassirin di zaman dahulu, kerana kita tidak mempunyai nas yang sahih yang dapat dijadikan pegangan mengenai sifat-sifat unta itu. Bagi kami cukuplah dengan mengatakan bahawa unta itu adalah seekor unta mu'jizat untuk memenuhi permintaan kaum Thamud:

*"Jawab Soleh: Ini seekor unta betina. Ia mempunyai giliran untuk mendapatkan air dan kamu juga mempunyai giliran untuk mendapatkan air pada hari yang tertentu(155). Dan janganlah kamu sentuhkan unta ini dengan sesuatu perbuatan yang jahat, kelak kamu akan ditimpa 'azab hari yang amat besar."(156)*

Nabi Soleh a.s. telah membawa mu'jizat unta kepada mereka dan mengenakan syarat bahawa sumber air yang digunakan mereka itu hendaklah diperuntukkan sehari untuk unta dan sehari untuk mereka. Mereka tidak boleh menceroboh hari unta dan unta tidak boleh menceroboh hari mereka. Minuman unta tidak boleh bercampur dengan minuman mereka, begitu juga hari minuman mereka tidak boleh bercampur dengan hari minuman unta. Di samping itu beliau mengingatkan mereka supaya jangan melakukan sebarang perbuatan yang tidak baik terhadap unta itu. Andainya mereka bertindak jahat, nescaya mereka akan ditimpa 'azab hari yang amat besar.

Apakah kesan mu'jizat kepada kaum yang degil itu? Ia tidak dapat juga mencurahkan keimanan ke dalam hati yang kering itu. Ia tidak dapat menserlahkan cahaya di dalam roh-roh yang gelap-gelita itu walaupun mu'jizat itu berjaya memaksa dan mencabar mereka. Mereka tidak memenuhi janji mereka dan menyempurnakan syarat-syarat mereka:

*"Kemudian mereka menyembelihkan unta itu, lalu mereka menjadi sesal."(157)*

***Kaum Soleh Dibinasakan Allah***

Mereka yang bertindak menyembelih unta itu ialah kumpulan yang suka melakukan kerosakan di bumi dan tidak pernah melakukan kebaikan. Walaupun kaum Soleh telah diberi amaran oleh Soleh a.s. supaya mengawasi kumpulan ini, namun mereka tidak takut kepada amaran itu. Oleh sebab itulah kesalahan yang dilakukan ke atas unta mu'jizat itu dikenakan ke atas seluruh mereka (atau dengan lain-lain ungkapan) seluruh mereka adalah bertanggung-jawab di atas dosa yang besar itu.

Kaum Soleh telah menyesali perbuatan yang jahat itu, tetapi waktunya telah luput dan amaran Allah telah dilaksanakan:

فَأَخَذَهُمُ ٱلۡعَذَابُۚ

*"Lalu mereka ditimpa 'azab."(158)*

Al-Qur'an tidak menjelaskan jenis 'azab itu di sini untuk mencepatkan jalan cerita. Kemudian diiringi dengan sebuah ulasan:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٥٨﴾

*"Sesungguhnya di dalam kisah (Soleh) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman."(158)*

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٥٩﴾

*"Sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(159)*

**(Kumpulan ayat-ayat 160 - 175)**

كَذَّبَتْ قَوْمُ لُوطٍ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٦٠﴾

إِذْ قَالَ لَهُمْ أَخُوهُمْ لُوطٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٦١﴾

إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٦٢﴾

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٦٣﴾

وَمَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۖ إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٤﴾

أَتَأْتُونَ الذُّكْرَانَ مِنَ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٥﴾

*"Kaum Lut telah mendustakan para rasul(160). Ketika saudara mereka Lut berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa(161). Sesungguhnya aku seorang rasul yang beramanah (yang diutuskan) kepada kamu(162). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku(163). Dan aku tidak sekali-kali meminta sebarang upah dari kamu kerana da'wah itu. Tiada upahku melainkan terserah kepada Allah Tuhan semesta alam(164). Apakah kamu tergamak melakukan hubungan kelamin dengan jenis lelaki dari golongan manusia?"(165).*

وَتَذَرُونَ مَا خَلَقَ لَكُمْ رَبُّكُم مِّنْ أَزْوَاجِكُم ۚ بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ عَادُونَ ﴿١٦٦﴾

قَالُوا لَئِن لَّمْ تَنتَهِ يَا لُوطُ لَتَكُونَنَّ مِنَ الْمُخْرَجِينَ ﴿١٦٧﴾

قَالَ إِنِّي لِعَمَلِكُم مِّنَ الْقَالِينَ ﴿١٦٨﴾

رَبِّ نَجِّنِي وَأَهْلِي مِمَّا يَعْمَلُونَ ﴿١٦٩﴾

فَنَجَّيْنَاهُ وَأَهْلَهُ أَجْمَعِينَ ﴿١٧٠﴾

إِلَّا عَجُوزًا فِي الْغَابِرِينَ ﴿١٧١﴾

ثُمَّ دَمَّرْنَا الْآخَرِينَ ﴿١٧٢﴾

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِم مَّطَرًا ۖ فَسَاءَ مَطَرُ الْمُنذَرِينَ ﴿١٧٣﴾

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٧٤﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٧٥﴾

*"Sedangkan kamu tinggalkan isteri-isteri yang telah dijadikan Tuhanmu untuk kamu, sebenarnya kamu adalah satu kaum yang pelampau(166). Jawab mereka: Jika engkau tidak berhenti (berda'wah) nescaya engkau termasuk dalam golongan mereka yang akan diusir keluar(167). Kata Lut: Sesungguhnya aku dari golongan mereka yang amat bencikan perbuatan kamu ini(168). (Lut berdo'a): Wahai Tuhanku! Selamatkanku dan keluargaku dari akibat perbuatan yang dilakukan mereka(169). Lalu Kami selamatkannya bersama keluarga seluruhnya(170). Kecuali seorang perempuan tua (isterinya) yang termasuk di dalam golongan yang tinggal(171). Kemudian Kami binasakan sekalian yang lain(172). Dan Kami hujankan ke atas mereka hujan yang dahsyat, maka alangkah buruknya hujan yang menimpa orang-orang yang telah diberi peringatan itu(173). Sesungguhnya dalam kisah (Lut) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(174). Dan sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(175).*

***Kisah Nabi Lut a.s.***

Kisah Lut a.s. diceritakan di sini, sedangkan tempat sejarahnya yang sebenar ialah bersama kisah Ibrahim a.s., tetapi susunan sejarah tidak diberikan perhatian di dalam surah ini sebagaimana kami telah jelaskan sebelum ini, malah yang diberikan perhatian di sini ialah kesatuan atau persamaan risalah dan agama, juga persamaan akibat yang menimpa para pendusta, di mana para Mu'minin diselamatkan dan para pendusta dibinasakan.

Langkah Lut a.s. memulakan da'wah kepada kaumnya sama dengan langkah-langkah yang dimulakan oleh Nuh, Hud dan Soleh, iaitu beliau menyatakan kecamannya terhadap perbuatan dan sikap mereka yang sewenang-wenang, merangsangkan perasaan taqwa di dalam hati mereka, menyeru mereka kepada keimanan dan keta'atan dan meyakinkan mereka bahawa beliau tidak akan menuntut sebarang harta mereka sebagai ganjaran menyampaikan hidayat. Kemudian beliau secara tegas mengecam perbuatan dosa mereka yang ganjil, (iaitu perbuatan hubungan kelamin sejenis atau homoseksual), dan dengan perbuatan ini mereka menjadi kaum yang terkenal di dalam sejarah:

أَتَأْتُونَ الذُّكْرَانَ مِنَ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٥﴾

وَتَذَرُونَ مَا خَلَقَ لَكُمْ رَبُّكُم مِّنْ أَزْوَٰجِكُم ۚ بَلْ أَنتُمْ قَوْمٌ عَادُونَ ﴿١٦٦﴾

*"Apakah kamu tergamak melakukan hubungan kelamin dengan jenis lelaki dari golongan manusia(165). Sedangkan kamu tinggalkan isteri-isteri yang telah dijadikan Tuhanmu untuk kamu, sebenarnya kamu adalah satu kaum yang pelampau."(166)*

### *Kaum Lut Terjerumus Dalam Keinginan Seks Yang Tidak Normal*

Dosa keji yang dengannya dikenal kaum Lut (yang tinggal dibeberapa buah kampung di Wadi Jordan) ialah keganjilan seks, iaitu melakukan hubungan kelamin sesama lelaki dan meninggalkan perempuan. Ini adalah satu penyelewengan fitrah yang amat buruk. Allah S.W.T. telah menciptakan lelaki dan perempuan dan menanamkan kecenderungan semulajadi pada mereka supaya kedua-duanya menyintai satu sama lain untuk melaksanakan hikmat dan kehendak Ilahi iaitu melanjutkan kewujudan makhluk yang hidup melalui proses beranak-pinak, yang berlangsung menerusi hubungan kelamin di antara lelaki dan perempuan. Kecenderungan di antara lelaki dan perempuan ini merupakan sebahagian dari undang-undang amalan, iaitu undang-undang yang menjadikan sekalian mereka dan segala apa yang wujud di alam buana ini berada di dalam keadaan yang selaras dan bekerjasama untuk melaksanakan kehendak Allah yang mentadbirkan alam al-wujud ini. Perbuatan hubungan kelamin sesama lelaki itu tidak membawa kepada satu matlamat dan tujuan yang tertentu, juga tidak sesuai dengan kehendak dan undang-undang alam ini. Amatlah aneh andainya ada orang yang meni'mati kelazatan dari hubungan kelamin seperti itu! Kelazatan yang dirasai lelaki dan perempuan dalam hubungan kelamin itu merupakan alat fitrah untuk melaksanakan kehendak Ilahi. Penyelewengan dari undang-undang alam pada perbuatan kaum Lut itu amatlah jelas. Oleh sebab itulah mereka pasti membetulkan penyelewengan itu atau menghadapi akibat kebinasaan kerana mereka telah keluar dari barisan fitrah dan mengabaikan hikmat kewujudan mereka iaitu melanjutkan hayat manusia melalui perkahwinan dan beranak-pinak.

Apabila Lut a.s. menyeru mereka supaya meninggalkan kelakuan mereka yang ganjil ini dan mengecam mereka kerana meninggalkan isteri-isteri mereka yang halal, yang dijadikan Allah untuk mereka dan kerana penyelewengan mereka dari kehendak fitrah dan perbuatan mereka melanggar hikmatnya, maka ternyatalah kepada beliau bahawa mereka tidak bersedia untuk kembali kepada angkatan manusia biasa dan kepada undang-undang fitrah:

قَالُوا لَئِن لَّمْ تَنتَهِ يَٰلُوطُ لَتَكُونَنَّ مِنَ ٱلْمُخْرَجِينَ ﴿١٦٧﴾

*"Jawab mereka: Jika engkau tidak berhenti (berda'wah) nescaya engkau termasuk dalam golongan mereka yang akan diusir keluar."(167)*

### *Lut Diancamkan Kaumnya*

Beliau adalah orang asing di dalam kalangan mereka. Beliau datang kepada mereka bersama bapa saudaranya Nabi Ibrahim a.s. ketika mengasingkan dirinya dari bapa dan kaumnya. Beliau telah meninggalkan tanahairnya dan menyeberang ke Jordan bersama Nabi Ibrahim a.s. serta dengan segelintir para pengikut yang beriman kepadanya. Kemudian beliau tinggal seorang diri bersama kaum itu sehingga beliau diutuskan Allah menjadi Rasul mereka untuk mengembalikan mereka dari cara hidup mereka yang ganjil itu. Akibatnya beliau telah diancam akan diusir keluar dari kalangan mereka jika beliau tidak berhenti menyeru mereka kepada undang-undang fitrah yang betul.

Di sini beliau tidak mempunyai pilihan selain dari menyatakan kepada mereka dengan terus terang perasaan jijik dan kebenciannya terhadap kelakuan mereka yang ganjil itu:

*"Kata Lut: Sesungguhnya aku dari golongan mereka yang amat bencikan perbuatan kamu ini."(168)*

Beliau melontarkan kata-kata kebenciannya yang memuncak itu ke muka mereka dengan penuh jijik, kemudian beliau bertawajjuh kepada Allah memohon supaya Allah menyelamatkannya dan keluarganya dari bala ini:

*"(Lut berdo'a): Wahai Tuhanku! Selamatkanku dan keluargaku dari akibat perbuatan yang dilakukan mereka."(169)*

Walaupun beliau tidak melakukan perbuatan mereka, tetapi dengan fitrahnya yang benar beliau merasa bahawa perbuatan yang dilakukan mereka akan melamarkan kebinasaan umum sedangkan beliau berada di dalam kalangan mereka. Oleh sebab itulah beliau berdo'a kepada Allah supaya menyelamatkannya serta keluarganya dari kebinasaan yang akan ditimpakan ke atas kaumnya itu. Lalu Allah memperkenankan do'a nabi-Nya:

*"Lalu Kami selamatkannya bersama keluarga seluruhnya(170). Kecuali seorang perempuan tua (isterinya) yang termasuk di dalam golongan yang tinggal."(171)*

### *Kaum Lut Dibinasakan Allah*

Perempuan tua itu ialah isteri beliau sendiri sebagaimana diterangkan dalam surah-surah yang lain. Dia seorang perempuan tua yang tidak baik. Dia bersetuju dengan perbuatan mereka yang keji itu dan turut menyumbangkan kerjasamanya.

ثُمَّ دَمَّرْنَا الْآخَرِينَ ﴿١٧٢﴾

وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِم مَّطَرًا ۖ فَسَاءَ مَطَرُ الْمُنذَرِينَ ﴿١٧٣﴾

*"Kemudian Kami binasakan sekalian yang lain(172). Dan Kami hujankan ke atas mereka hujan yang dahsyat, maka alangkah buruknya hujan yang menimpa orang-orang yang telah diberi peringatan itu."(173)*

Menurut satu pendapat, kampung-kampung kediaman mereka telah ditelan bumi dan ditenggelami air di antaranya termasuk kampung Sadum yang difikir kini berada di bawah laut mati di Jordan.

Setengah-setengah ahli kajibumi menegaskan bahawa laut mati itu telah menenggelami beberapa bandar yang penuh dengan penduduk, sementara ahli kajipurba pula telah menemui kesan-kesan sebuah kubu berhampiran dengan laut itu dan di sampingnya terdapat sebuah altar iaitu tempat persembelihan khas, di mana dipersembahkan korban-korban.

Walau bagaimanapun, Al-Qur'an telah menerangkan kisah kebinasaan perkampungan-perkampungan kaum Lut itu dengan penerangan yang seperti ini sahaja, dan penerangan Al-Qur'an di dalam maudhu' ini merupakan penerangan muktamad dan pemutus.

Kemudian Al-Qur'an iringi kisah kebinasaan mereka dengan ulasan ulangan:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٧٤﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٧٥﴾

*"Sesungguhnya dalam kisah (Lut) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(174). Dan sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(175)*

**(Kumpulan ayat-ayat 176 - 191)**

كَذَّبَ أَصْحَابُ لْـَٔيْكَةِ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٧٦﴾

إِذْ قَالَ لَهُمْ شُعَيْبٌ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٧٧﴾

إِنِّي لَكُمْ رَسُولٌ أَمِينٌ ﴿١٧٨﴾

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُونِ ﴿١٧٩﴾

وَمَا أَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ مِنْ أَجْرٍ ۖ إِنْ أَجْرِيَ إِلَّا عَلَىٰ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٨٠﴾

أَوْفُوا الْكَيْلَ وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُخْسِرِينَ ﴿١٨١﴾

وَزِنُوا بِالْقِسْطَاسِ الْمُسْتَقِيمِ ﴿١٨٢﴾

وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تَعْثَوْا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿١٨٣﴾

وَاتَّقُوا الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالْجِبِلَّةَ الْأَوَّلِينَ ﴿١٨٤﴾

*"Penduduk Aikah telah mendustakan para Rasul(176). Ketika Syu'ayb berkata kepada mereka: Mengapa kamu tidak bertaqwa(177). Sesungguhnya aku seorang Rasul yang beramanah (yang diutuskan) kepada kamu(178). Oleh itu bertaqwalah kepada Allah dan ta'atlah kepadaku (179). Dan aku tidak sekali-kali meminta sebarang upah dari kamu kerana da'wah itu. Tiada upahku melainkan terserah kepada Allah Tuhan semesta alam(180). Sempurnakanlah sukatan dan janganlah sekali-kali kamu termasuk di dalam golongan mereka yang merugikan (hak orang lain)(181). Dan timbanglah dengan timbangan yang betul(182). Dan janganlah kamu merugikan manusia pada barangan-barangan mereka dan janganlah pula kamu bermaharajalela di muka bumi melakukan kerosakan(183). Dan bertaqwalah kepada Allah yang telah menciptakan kamu dan umat-umat yang dahulu."(184)*

قَالُوا إِنَّمَا أَنتَ مِنَ الْمُسَحَّرِينَ ﴿١٨٥﴾

وَمَا أَنتَ إِلَّا بَشَرٌ مِّثْلُنَا وَإِن نَّظُنُّكَ لَمِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿١٨٦﴾

فَأَسْقِطْ عَلَيْنَا كِسَفًا مِّنَ السَّمَاءِ إِن كُنتَ مِنَ الصَّادِقِينَ ﴿١٨٧﴾

قَالَ رَبِّي أَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨٨﴾

فَكَذَّبُوهُ فَأَخَذَهُمْ عَذَابُ يَوْمِ الظُّلَّةِ ۚ إِنَّهُ كَانَ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٨٩﴾

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٩٠﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٩١﴾

*"Mereka berkata: Sesungguhnya engkau adalah dari orang-orang yang kena sihir(185). Dan engkau tidak lain melainkan hanya seorang manusia seperti kami sahaja dan sesungguhnya kami fikir engkau adalah termasuk dalam golongan para pendusta(186). Oleh sebab itu gugurkanlah ke atas kami kepingan-kepingan dari langit jika engkau dari orang-orang yang benar(187). Jawab Syu'ayb: Tuhanku lebih mengetahui segala apa yang dilakukan kamu(188). Kemudian mereka mendustakan Syu'ayb lalu mereka*

*ditimpakan 'azab, pada hari awan mendung. Sesungguhnya 'azab itu adalah 'azab hari yang amat besar(189). Sesungguhnya di dalam kisah (Syu'ayb) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(190). Dan sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih."(191)*

Di dalam susunan sejarah, kisah Syu'ayb ini berlaku sebelum kisah Musa, tetapi ia diceritakan di sini untuk tujuan mengemukakan contoh teladan seperti kisah-kisah yang lain di dalam surah ini. Penduduk Aikah biasanya ialah penduduk Madyan. Kata-kata Aikah bererti pokok yang merimbun tebal. Nampaknya Madyan ketika itu berdekatan dengan hutan pokok-pokok yang tebal dan rimbun. Negeri Madyan terletak di antara negeri Hijaz dan Palestin di sekitar Teluk Aqabah.

Langkah Syu'ayb a.s. memulakan da'wah kepada kaumnya sama juga dengan langkah Rasul-Rasul yang lain, iaitu menjelaskan asas 'aqidah dan menolak upahan, kemudian barulah beliau hadapi mereka dengan persoalan perilaku mereka yang tertentu:

أَوْفُوا الْكَيْلَ وَلَا تَكُونُوا مِنَ الْمُخْسِرِينَ ﴿١٨١﴾ وَزِنُوا بِالْقِسْطَاسِ الْمُسْتَقِيمِ ﴿١٨٢﴾ وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تَعْثَوْا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴿١٨٣﴾

*"Sempurnakanlah sukatan dan janganlah sekali-kali kamu termasuk di dalam golongan mereka yang merugikan (hak orang lain)(181). Dan timbanglah dengan timbangan yang betul(182). Dan janganlah kamu merugikan manusia pada barangan-barangan mereka dan janganlah pula kamu bermaharajalela di muka bumi melakukan kerosakan."(183)*

**_Kaum Syu'ayb Dengan Amalan Mengurangkan Sukatan Dan Timbangan Dalam Jual-beli_**

Kelakuan mereka - sebagaimana diterangkan di dalam Surah al-A'raf dan Hud ialah mengurangkan timbangan dan sukatan. Mereka mengambil dengan paksa dan secara merampas kadar yang lebih dari hak mereka dan memberi kadar yang kurang dari hak orang lain. Mereka membeli dengan harga yang rendah dan menjual dengan harga yang tinggi. Nampaknya mereka berada di tengah jalan yang dilalui angkatan kafilah perniagaan dan menguasai pasarannya. Rasul mereka Nabi Syu'ayb a.s. telah menyuruh mereka supaya bermuamalah dengan adil, kerana 'aqidah yang betul pastilah diikuti dengan muamalah yang baik. Mereka tidak boleh menepikan hak dan keadilan dalam bermuamalah dengan orang lain.

Kemudian Syu'ayb a.s. merangsangkan perasaan taqwa di dalam hati mereka apabila beliau mengingatkan mereka terhadap Allah Pencipta mereka Yang Maha Esa dan Pencipta seluruh generasi dan seluruh manusia yang dahulu:

وَاتَّقُوا الَّذِي خَلَقَكُمْ وَالْجِبِلَّةَ الْأَوَّلِينَ ﴿١٨٤﴾

*"Dan bertaqwalah kepada Allah yang telah menciptakan kamu dan umat-umat yang dahulu."(184)*

Tetapi mereka terus bertindak menuduh beliau sebagai orang kena sihir yang meracau dan mencacau:

قَالُوا إِنَّمَا أَنْتَ مِنَ الْمُسَحَّرِينَ ﴿١٨٥﴾

*"Mereka berkata: Sesungguhnya engkau adalah dari orang-orang yang kena sihir."(185)*

**_Kerasulan Syu'ayb Ditolak Kaumnya_**

Dan seterusnya mereka menafikan kerasulan beliau dengan mengatakan bahawa beliau hanya seorang manusia biasa seperti mereka sahaja kerana pada hemat mereka Rasul itu sepatutnya bukan dari jenis manusia. Oleh itu mereka menuduh beliau bohong:

وَمَا أَنْتَ إِلَّا بَشَرٌ مِثْلُنَا وَإِنْ نَظُنُّكَ لَمِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿١٨٦﴾

*"Dan engkau tidak lain melainkan hanya seorang manusia seperti kami sahaja dan sesungguhnya kami fikir engkau adalah termasuk dalam golongan para pendusta."(186)*

Mereka juga mencabar beliau supaya membawa 'azab yang diancamkan beliau kepada mereka jika dakwaan beliau itu benar. Mereka menuntut digugurkan ke atas mereka panahan-panahan dari langit atau meruntuhkan langit ke atas mereka berketul-ketulan dan berkeping-kepingan:

فَأَسْقِطْ عَلَيْنَا كِسَفًا مِنَ السَّمَاءِ إِنْ كُنْتَ مِنَ الصَّادِقِينَ ﴿١٨٧﴾

*"Oleh sebab itu gugurkanlah ke atas kami kepingan-kepingan dari langit jika engkau dari orang-orang yang benar."(187)*

Itulah cabaran yang terbit dari golongan manusia yang sewenang-wenang, yang suka mengejek dan menghina. Cabaran ini sama dengan cabaran kaum Musyrikin Makkah terhadap Rasulullah s.a.w.:

قَالَ رَبِّي أَعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿١٨٨﴾

*"Jawab Syu'ayb: Tuhanku lebih mengetahui segala apa yang dilakukan kamu."(188)*

Al-Qur'an dengan segera mengisahkan penghabisan kisah itu tanpa huraian yang panjang:

فَكَذَّبُوهُ فَأَخَذَهُمْ عَذَابُ يَوْمِ الظُّلَّةِ إِنَّهُ كَانَ عَذَابَ يَوْمٍ عَظِيمٍ ﴿١٨٩﴾

*"Kemudian mereka mendustakan Syu'ayb lalu mereka ditimpakan 'azab pada hari awan mendung. Sesungguhnya 'azab itu adalah 'azab hari yang amat besar."(189)*

### *Kaum Syu'ayb Dibinasakan Allah*

Menurut satu pendapat, mereka telah dibinasakan oleh panas terik yang mencekik pernafasan mereka dan menyebakkan dada mereka, kemudian mereka ternampak kepulan awan lalu mereka berteduh di bawah bayangannya dan di sana mereka meni'mati udara yang sejuk, tetapi tiba-tiba tercetus satu petir yang dahsyat, yang amat kuat bahananya, memeranjat dan membinasakan seluruh mereka. Itulah peristiwa yang berlaku **"pada hari awan mendung"**. Jadi awan mendung yang teduh itu merupakan sifat dan suasana hari peristiwa yang termaklum itu.

Kemudian diiringi dengan ulasan ulangan:

إِنَّ فِي ذَٰلِكَ لَآيَةً ۖ وَمَا كَانَ أَكْثَرُهُم مُّؤْمِنِينَ ﴿١٩٠﴾

وَإِنَّ رَبَّكَ لَهُوَ الْعَزِيزُ الرَّحِيمُ ﴿١٩١﴾

*"Sesungguhnya di dalam kisah (Syu'ayb) itu terdapat bukti yang amat nyata, tetapi malangnya kebanyakan mereka tidak beriman(190). Dan sesungguhnya Tuhanmu adalah Tuhan Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih(191).*

Di sini ditamatkan penceritaan kisah-kisah untuk diiringi dengan ulasan terakhir.

### (Kumpulan ayat-ayat 192 - 227)

وَإِنَّهُ لَتَنزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٩٢﴾

نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ﴿١٩٣﴾

عَلَىٰ قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿١٩٤﴾

بِلِسَانٍ عَرَبِيٍّ مُّبِينٍ ﴿١٩٥﴾

وَإِنَّهُ لَفِي زُبُرِ الْأَوَّلِينَ ﴿١٩٦﴾

أَوَلَمْ يَكُن لَّهُمْ آيَةً أَن يَعْلَمَهُ عُلَمَاءُ بَنِي إِسْرَائِيلَ ﴿١٩٧﴾

وَلَوْ نَزَّلْنَاهُ عَلَىٰ بَعْضِ الْأَعْجَمِينَ ﴿١٩٨﴾

فَقَرَأَهُ عَلَيْهِم مَّا كَانُوا بِهِ مُؤْمِنِينَ ﴿١٩٩﴾

كَذَٰلِكَ سَلَكْنَاهُ فِي قُلُوبِ الْمُجْرِمِينَ ﴿٢٠٠﴾

لَا يُؤْمِنُونَ بِهِ حَتَّىٰ يَرَوُا الْعَذَابَ الْأَلِيمَ ﴿٢٠١﴾

*"Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu diturunkan oleh Tuhan semesta alam(192). Ia dibawa turun oleh ar-Ruhul-Amin (Jibril)(193). Ke dalam hatimu (Muhammad) supaya engkau menjadi salah seorang dari para rasul yang memberi peringatan(194). Dengan bahasa Arab yang jelas(195). Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu disebut di dalam kitab-kitab umat-umat yang dahulu(196).Apakah tidak cukup menjadi bukti kepada mereka (kaum Musyrikin Makkah) bahawa Al-Qur'an itu memang diketahui para ulama' Bani Israel?(197). Dan andainya Kami turunkan Al-Qur'an itu kepada salah seorang dari golongan bukan Arab(198). Lalu dia membacakannya kepada mereka (kaum Musyrikin Makkah) tentulah mereka tidak juga beriman kepadanya(199). Demikianlah juga Kami telah memasukkan Al-Qur'an ke dalam hati orang-orang (Musyrikin Makkah) yang berdosa itu(200). Tetapi mereka tidak beriman kepadanya sehingga mereka melihat 'azab yang amat pedih."(201).*

فَيَأْتِيَهُم بَغْتَةً وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٢٠٢﴾

فَيَقُولُوا هَلْ نَحْنُ مُنظَرُونَ ﴿٢٠٣﴾

أَفَبِعَذَابِنَا يَسْتَعْجِلُونَ ﴿٢٠٤﴾

أَفَرَأَيْتَ إِن مَّتَّعْنَاهُمْ سِنِينَ ﴿٢٠٥﴾

ثُمَّ جَاءَهُم مَّا كَانُوا يُوعَدُونَ ﴿٢٠٦﴾

مَا أَغْنَىٰ عَنْهُم مَّا كَانُوا يُمَتَّعُونَ ﴿٢٠٧﴾

وَمَا أَهْلَكْنَا مِن قَرْيَةٍ إِلَّا لَهَا مُنذِرُونَ ﴿٢٠٨﴾

ذِكْرَىٰ وَمَا كُنَّا ظَالِمِينَ ﴿٢٠٩﴾

وَمَا تَنَزَّلَتْ بِهِ الشَّيَاطِينُ ﴿٢١٠﴾

وَمَا يَنبَغِي لَهُمْ وَمَا يَسْتَطِيعُونَ ﴿٢١١﴾

*"Tiba-tiba mereka ditimpa 'azab secara mendadak sedangkan mereka tidak sedar(202). Lalu mereka berkata: Apakah kami dapat diberi tangguhan?(203). Apakah wajar mereka meminta supaya disegerakan 'azab Kami itu?(204). Apa pendapatmu (Muhammad) jika Kami berikan keni'matan hidup bertahun-tahun kepada mereka(205).Kemudian datang kepada mereka 'azab yang telah diancam kepada mereka(206). Apakah gunanya untuk mereka keni'matan hidup yang diberikan kepada mereka itu?(207). Dan Kami tidak pernah membinasakan sesebuah negeri melainkan sesudah ada baginya pemberi-pemberi amaran(208). Untuk memberi peringatan dan Kami tidak sekali-kali zalim(209). Dan tiada sekali-kali Al-Qur'an itu diturunkan para syaitan(210). Dan tiadalah wajar bagi mereka (menurunkan Al-Qur'an) dan tiada pula mereka berupaya (menurunkannya)."(211).*

إِنَّهُمْ عَنِ السَّمْعِ لَمَعْزُولُونَ ﴿٢١٢﴾

فَلَا تَدْعُ مَعَ اللَّهِ إِلَٰهًا آخَرَ فَتَكُونَ مِنَ الْمُعَذَّبِينَ ﴿٢١٣﴾

وَأَنذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ﴿٢١٤﴾

وَاخْفِضْ جَنَاحَكَ لِمَنِ اتَّبَعَكَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ ﴿٢١٥﴾

فَإِنۡ عَصَوۡكَ فَقُلۡ إِنِّي بَرِيٓءٞ مِّمَّا تَعۡمَلُونَ ٢١٦

وَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱلۡعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ ٢١٧

ٱلَّذِي يَرَىٰكَ حِينَ تَقُومُ ٢١٨

وَتَقَلُّبَكَ فِي ٱلسَّٰجِدِينَ ٢١٩

إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلۡعَلِيمُ ٢٢٠

هَلۡ أُنَبِّئُكُمۡ عَلَىٰ مَن تَنَزَّلُ ٱلشَّيَٰطِينُ ٢٢١

*"Kerana sesungguhnya mereka telah diasingkan dari mendengar wahyu(212). Oleh itu janganlah engkau menyembah Tuhan yang lain di samping Allah, kerana akibatnya engkau akan termasuk dalam golongan mereka yang akan di'azabkan(213). Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat (214). Dan rendahkan sayapmu (rendahkanlah dirimu) kepada mereka yang mengikutmu dari orang-orang yang beriman(215). Dan jika mereka menderhakakanmu, maka katakanlah: Sesungguhnya aku berlepas diri dari segala perbuatan yang dilakukan kamu(216). Dan bertawakkallah kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih(217). Yang sentiasa melihatmu ketika engkau berdiri (sembahyang)(218). Dan melihat gerak-gerimu dalam golongan mereka yang sujud itu(219). Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui(220). Adakah kamu suka aku memberitahu kamu, kepada siapakah turunnya para syaitan itu?."(221).*

تَنَزَّلُ عَلَىٰ كُلِّ أَفَّاكٍ أَثِيمٖ ٢٢٢

يُلۡقُونَ ٱلسَّمۡعَ وَأَكۡثَرُهُمۡ كَٰذِبُونَ ٢٢٣

وَٱلشُّعَرَآءُ يَتَّبِعُهُمُ ٱلۡغَاوُۥنَ ٢٢٤

أَلَمۡ تَرَ أَنَّهُمۡ فِي كُلِّ وَادٖ يَهِيمُونَ ٢٢٥

وَأَنَّهُمۡ يَقُولُونَ مَا لَا يَفۡعَلُونَ ٢٢٦

إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ وَذَكَرُواْ ٱللَّهَ
كَثِيرٗا وَٱنتَصَرُواْ مِنۢ بَعۡدِ مَا ظُلِمُواْۗ وَسَيَعۡلَمُ ٱلَّذِينَ
ظَلَمُوٓاْ أَيَّ مُنقَلَبٖ يَنقَلِبُونَ ٢٢٧

*"Mereka turun kepada setiap pendusta yang banyak berdosa(222). Mereka mendengar (kata-kata syaitan) dan kebanyakan mereka pendusta(223). Dan para penyair adalah diikuti mereka yang sesat(224). Tidakkah engkau melihat mereka merayau-rayau di segenap lembah(225). Dan mereka memperkatakan sesuatu yang mereka tidak buat(226). Melainkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dan banyak menyebut Allah dan mendapat kemenangan setelah menderita kezaliman, dan mereka yang zalim itu akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali."227).*

Kini berakhirlah sudah siri kisah-kisah yang menceritakan kisah para rasul dan kerasulan-kerasulan, kisah pendustaan dan penolakan dan kisah cabaran dan hukuman.

Siri kisah-kisah ini bermula selepas muqaddimah surah yang memperkatakan keperihalan diri Rasulullah s.a.w. dan kaum Musyrikin Quraysy:

لَعَلَّكَ بَٰخِعٞ نَّفۡسَكَ أَلَّا يَكُونُواْ مُؤۡمِنِينَ ٣

إِن نَّشَأۡ نُنَزِّلۡ عَلَيۡهِم مِّنَ ٱلسَّمَآءِ ءَايَةٗ فَظَلَّتۡ أَعۡنَٰقُهُمۡ
لَهَا خَٰضِعِينَ ٤

وَمَا يَأۡتِيهِم مِّن ذِكۡرٖ مِّنَ ٱلرَّحۡمَٰنِ مُحۡدَثٍ إِلَّا كَانُواْ عَنۡهُ
مُعۡرِضِينَ ٥

فَقَدۡ كَذَّبُواْ فَسَيَأۡتِيهِمۡ أَنۢبَٰٓؤُاْ مَا كَانُواْ بِهِۦ يَسۡتَهۡزِءُونَ ٦

*"Boleh jadi engkau (Muhammad) berhasrat membinasakan dirimu kerana mereka tidak beriman(3). Jika Kami kehendaki nescaya Kami turunkan kepada mereka satu mu'jizat dari langit yang membuat leher mereka sentiasa tunduk kepadanya(4). Dan tiada datang kepada mereka satu peringatan yang baru dari Allah Yang Maha Penyayang melainkan mereka terus berpaling darinya(5). Mereka telah mendustakan (Al-Qur'an) dan kelak akan sampai kepada mereka berita-berita (akibat) dari perbuatan sendaan-sendaan yang dilakukan mereka itu."(6)*

Selepas ayat-ayat ini barulah diceritakan kisah-kisah itu dan semuanya merupakan contoh-contoh umat-umat manusia yang telah menerima berita-berita akibat perbuatan sendaan dan ejekan yang dilakukan mereka.

Setelah tamatnya kisah-kisah itu Al-Qur'an kembali kepada maudhu' surah yang terkandung di dalam muqaddimah surah, kemudian tibalah ulasan yang akhir ini memperkatakan tentang Al-Qur'an dan di sini ditegaskan bahawa Al-Qur'an adalah diturunkan dari Tuhan semesta alam - termasuk kisah-kisah ini juga yang telah berlalu berabad-abad lamanya, kerana itu nyatalah bahawa Al-Qur'an adalah benar-benar diturun dari Tuhan semesta alam - ulasan yang akhir ini juga membayangkan bahawa para ulama' Israel mengetahui tentang cerita Rasul yang akhir ini (Muhammad) dan cerita Al-Qur'an yang dibawa olehnya, kerana semuanya telah disebut dalam kitab-kitab suci umat-umat yang terdahulu, cuma kaum Musyrikin sahaja yang berdegil tidak mahu menerima bukti-bukti kebenaran Al-Qur'an yang amat jelas itu dan mendakwakannya sebagai sihir atau sajak belaka, dan andainya ada seorang asing yang tidak tahu bertutur dengan bahasa Arab diturunkan Al-Qur'an ini kepadanya lalu ia membacakannya dengan bahasa

Arab tentulah mereka tidak beriman juga, kerana yang membuat mereka enggan beriman ialah sifat kedegilan mereka bukannya kelemahan bukti dan dalil. Al-Qur'an ini bukannya diturunkan oleh para syaitan kepada Nabi Muhammad s.a.w. sebagaimana para syaitan itu menurunkan, berita-berita kepada para kahin (sami atau pawang kuil), dan Al-Qur'an juga bukannya gubahan sajak, kerana Al-Qur'an mempunyai methodologinya yang tetap, sedangkan para penyair merayau-rayau di segenap perlembahan menurut dorongan emosi-emosi dan perasaan? Malah Al-Qur'an adalah diturunkan dari sisi Allah untuk memberi peringatan kepada kaum Musyrikin sebelum mereka ditimpa 'azab Allah dan sebelum sampai kepada mereka berita-berita akibat perbuatan sendaan dan ejekan yang dilakukan mereka.

وَسَيَعْلَمُ الَّذِينَ ظَلَمُوا أَيَّ مُنقَلَبٍ يَنقَلِبُونَ ﴿٢٢٧﴾

*"Dan orang-orang yang zalim itu akan mengetahui ketempat mana mereka akan kembali."(227)*

******

**(Pentafsiran ayat-ayat 192 - 209)**

وَإِنَّهُ لَتَنزِيلُ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٩٢﴾

نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ﴿١٩٣﴾

عَلَىٰ قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿١٩٤﴾

بِلِسَانٍ عَرَبِيٍّ مُّبِينٍ ﴿١٩٥﴾

*"Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu diturunkan oleh Tuhan semesta alam(192). Ia dibawa turun oleh ar-Ruhul-Amin (Jibril)(193). Ke dalam hatimu (Muhammad) supaya engkau menjadi salah seorang dari para rasul yang memberi peringatan(194). Dengan bahasa Arab yang jelas."(195)*

Yakni ar-Ruhul-Amin (Jibril) a.s. telah menurunkan Al-Qur'an ini dari sisi Allah kepada hati Rasulullah s.a.w. Beliau adalah amat beramanah menjaga dan memelihara segala apa yang dibawa turun olehnya. Jibril menurunkan Al-Qur'an itu ke dalam hati Rasulullah s.a.w. lalu diterima dan diingati beliau secara langsung. Tujuan Al-Qur'an itu, diturunkan ke dalam hatinya supaya beliau termasuk dalam golongan para rasul yang memberi peringatan dengan bahasa Arab yang amat jelas, iaitu bahasa ibunda kaumnya, yang digunakannya untuk berda'wah dan membaca Al-Qur'an kepada mereka, sedangkan mereka pula tahu sejauh mana kemampuan seseorang untuk bercakap (dengan bahasa ibundanya) dan sedar bahawa Al-Qur'an ini bukan dari jenis qalam manusia walaupun ia dengan bahasa ibunda mereka sendiri. Susunan Al-Qur'an dan konsep-konsepnya, methodologinya, keselarasan dan keseimbangannya membayangkan bahawa ia tetap diyakini datang dari sumber yang bukan manusia.

***Bukti Dalaman Dan Luaran Kebenaran Al-Qur'an***

Dan dari bukti intrinsik (dari dalam diri) Al-Qur'an itu sendiri berpindah pula kepada satu bukti extrinsik (dari luar) Al-Qur'an:

*"Dan sesungguhnya Al-Qur'an itu disebut di dalam kitab-kitab umat-umat yang dahulu(196). Apakah tidak cukup menjadi bukti kepada mereka (kaum Musyrikin Makkah) bahawa Al-Qur'an itu memang diketahui para ulama' Bani Israel?"(197)*

Sifat-sifat Rasulullah yang diturunkan Al-Qur'an kepadanya dan lunas-lunas 'aqidah yang dibawa olehnya telah disebut di dalam kitab-kitab suci yang diturun kepada umat-umat yang terdahulu. Oleh sebab itulah ulama'-ulama' Bani Israel mengharap-harapkan risalah ini dan menunggu kedatangan Rasul itu. Mereka merasa bahawa zamannya telah menghampiri mereka. Mereka bercakap-cakap satu sama lain mengenai perkara ini sebagaimana telah diceritakan oleh Salman al-Farisi dan Abdullah bin Salam r.a. riwayat-riwayat mengenai hal ini adalah riwayat-riwayat yang diyakini thabit dan benar.

Sikap angkuh dan degil yang ditunjukkan oleh kaum Musyrikin adalah semata-mata kerana keangkuhan dan kedegilan sahaja bukannya kerana kelemahan hujah dan dalil Al-Qur'an. Andainya seseorang bukan bangsa Arab yang tidak tahu bertutur dengan bahasa Arab datang kepada mereka dan membaca Al-Qur'an dalam bahasa Arab tentulah mereka tidak juga beriman dan percaya kepada Al-Qur'an, dan tidak juga mengaku bahawa Al-Qur'an ini diwahyukan Allah kepadanya walaupun dalil-dalil Al-Qur'an ini melemahkan mereka yang angkuh itu.

وَلَوْ نَزَّلْنَاهُ عَلَىٰ بَعْضِ الْأَعْجَمِينَ ﴿١٩٨﴾

فَقَرَأَهُ عَلَيْهِم مَّا كَانُوا بِهِ مُؤْمِنِينَ ﴿١٩٩﴾

*"Dan andainya Kami turunkan Al-Qur'an itu kepada salah seorang dari golongan bukan Arab(198). Lalu dia membacakannya kepada mereka (kaum Musyrikin Makkah) tentulah mereka tidak juga beriman kepadanya."(199)*

Ayat ini menghiburkan Rasulullah s.a.w. dan menggambarkan keangkuhan dan kedegilan mereka terhadap segala dalil. Kemudian keterangan ini diiringi pula dengan suatu ulasan yang menjelaskan bahawa sifat mendusta dan tidak percaya itu merupakan satu sifat yang tetap dan tidak terpisah dari kaum Musyrikin dengan sebab tabi'at kedegilan dan keangkuhan mereka. Demikianlah persoalan Al-Qur'an itu telah ditetapkan akan disambut oleh mereka dengan pendustaan seolah-olah telah tercetak di dalam hati mereka dan tidak lagi dapat diubah sehingga mereka ditimpa 'azab Allah dalam sa'at-sa'at kelalaian yang tidak disedari mereka:

### *Kesulitan Al-Qur'an Untuk Menembusi Hati Kaum Musyrikin*

كَذَٰلِكَ سَلَكْنَٰهُ فِي قُلُوبِ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٢٠٠﴾

لَا يُؤْمِنُونَ بِهِۦ حَتَّىٰ يَرَوُا۟ ٱلْعَذَابَ ٱلْأَلِيمَ ﴿٢٠١﴾

فَيَأْتِيَهُم بَغْتَةً وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ ﴿٢٠٢﴾

*"Demikianlah juga Kami telah memasukkan Al-Qur'an ke dalam hati orang-orang (Musyrikin Makkah) yang berdosa itu(200). Tetapi mereka tidak beriman kepadanya sehingga mereka melihat 'azab yang amat pedih(201). Tiba-tiba mereka ditimpa 'azab secara mendadak sedangkan mereka tidak sedar."(202)*

Ungkapan ini melukiskan satu gambaran yang amat jelas bagaimana melekatnya sifat mendusta itu pada diri mereka. Di sini Al-Qur'an menjelaskan bahawa kelakuan mereka memang begini, iaitu mereka tetap tidak percaya dan mendustakan Al-Qur'an. Dan di atas kelakuan inilah kami atur dan alirkan Al-Qur'an ke dalam hati mereka, tetapi Al-Qur'an tidak dapat melalui hati mereka melainkan ia didusta dan dibohongkan. Dan beginilah pendustaan terhadap Al-Qur'an akan terus berada dalam hati mereka **"Sehingga mereka melihat 'azab yang amat pedih"** dan **"tiba-tiba mereka ditimpa 'azab secara mendadak, sedangkan mereka tidak sedar".** Setengah dari kaum Musyrikin itu kekal dengan sikap ini sehingga mereka meninggal dunia kerana dibunuh atau mati dan dari sana mereka akan diseret ke dalam 'azab yang amat pedih. Dan hanya di sa'at-sa'at inilah sahaja baru mereka sedar:

فَيَقُولُوا۟ هَلْ نَحْنُ مُنظَرُونَ ﴿٢٠٣﴾

*"Lalu mereka berkata: Apakah kami dapat diberi tangguhan?"(203)*

Yakni apakah kami dapat diberikan peluang sekali lagi untuk membetulkan apa yang telah terluput? Alangkah jauhnya harapan itu!

Dahulu kaum Musyrikin itu telah meminta supaya dipercepatkan 'azab Allah ke atas mereka. Mereka berbuat begitu kerana mengejek, menunjukkan sikap sewenang-wenang dan angkuh dengan kehidupan mereka yang mewah. Kehidupan inilah yang melemahkan hati mereka dan membuat mereka merasa terlalu jauh kemungkinan untuk berpindah dari kehidupan mereka yang mewah itu kepada kehidupan terseksa di dalam 'azab. Keadaan mereka samalah dengan golongan manusia yang hidup mewah yang lain, iaitu di dalam hati mereka jarang terlintas dan terfikir kemungkinan bahawa kehidupan mereka yang mewah itu mungkin hilang dan berubah. Oleh sebab itulah Al-Qur'an menyedarkan mereka dari kelalaian itu dalam ayat berikut dan melukiskan gambaran keadaan mereka apabila mereka ditimpa 'azab yang sebelum ini dipinta mereka supaya disegerakannya itu:

أَفَبِعَذَابِنَا يَسْتَعْجِلُونَ ﴿٢٠٤﴾

أَفَرَءَيْتَ إِن مَّتَّعْنَٰهُمْ سِنِينَ ﴿٢٠٥﴾

ثُمَّ جَآءَهُم مَّا كَانُوا۟ يُوعَدُونَ ﴿٢٠٦﴾

مَآ أَغْنَىٰ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يُمَتَّعُونَ ﴿٢٠٧﴾

*"Apakah wajar mereka meminta supaya disegerakan 'azab kami itu?(204). Apa pendapatmu (Muhammad) jika Kami berikan keni'matan hidup bertahun-tahun kepada mereka(205). Kemudian datang kepada mereka 'azab yang telah diancam kepada mereka(206). Apakah gunanya untuk mereka keni'matan hidup yang diberikan kepada mereka itu?"(207)*

Dalam ayat-ayat ini Al-Qur'an meletakkan gambaran mereka yang meminta supaya disegerakan 'azab itu di sebelah dan meletakkan gambaran kedatangan janji 'azab yang diancam itu di sebelah yang satu lagi, dan tiba-tiba kemewahan hidup yang bertahun-tahun lamanya itu runtuh dan hancur seolah-olah tidak pernah wujud. Ia tidak memberi apa-apa guna kepada mereka dan tidak pula dapat meringankan 'azab yang dideritai mereka.

Tersebut di dalam sebuah hadith yang sahih:

يؤتى بالكافر فيغمس في النار غمسة، ثم يقال له: هل رأيت خيراً قط؟ هل رأيت نعيماً قط؟ فيقول: لا والله يا رب. ويؤتى بأشد الناس بؤساً كان في الدنيا، فيصبغ في الجنة صبغة، ثم يقل له: هل رأيت بؤساً قط؟ فيقول: لا، والله يارب - رواه ابن كثير في التسير، في الحديث الصحيح

*"Ada seorang kafir dibawa (ke Neraka) lalu diselamkannya ke dalam api Neraka sekali selam kemudian ditanya: Apakah engkau melihat (di sana) apa-apa kebaikan? Apakah engkau merasa (di sana) apa-apa keni'matan? Jawab orang itu: Tidak ada, demi Allah Tuhanku! Kemudian dibawa pula seorang manusia yang paling susah hidupnya di dunia (ke Syurga) lalu dicelupkannya ke dalam Syurga sekali celup kemudian ditanya: Apakah engkau melihat (di sana) apa-apa kesusahan? Jawab orang itu: Tidak ada, demi Allah Tuhanku."*

Kemudian Al-Qur'an mengingatkan mereka bahawa amaran itu adalah pendahuluan dari kebinasaan dan bahawa dasar rahmat Allah ialah Dia tidak akan membinasakan sesuatu negeri sehingga Dia utuskan seorang rasul mengingatkan para penduduknya dengan bukti-bukti iman:

وَمَآ أَهْلَكْنَا مِن قَرْيَةٍ إِلَّا لَهَا مُنذِرُونَ ﴿٢٠٨﴾

ذِكْرَىٰ وَمَا كُنَّا ظَٰلِمِينَ ﴿٢٠٩﴾

*"Dan Kami tidak pernah membinasakan sesebuah negeri melainkan sesudah ada baginya pemberi-pemberi amaran(208). Untuk memberi peringatan dan Kami tidak sekali-kali zalim."(209)*

Allah S.W.T. telah memeteraikan perjanjian fitrah dengan manusia supaya mereka mentauhid dan menyembah-Nya. Fitrah manusia itu sendiri dapat merasakan kewujudan Allah Pencipta Yang Tunggal selama ia tidak rosak dan menyeleweng[9], dan Allah telah menyebarkan berbagai-bagai bukti iman di dalam alam buana, yang seluruhnya menyarankan kewujudan Allah Yang Maha Esa. Apabila manusia lupa kepada perjanjian fitrah dan mengabaikan dalil-dalil iman, maka datanglah kepada mereka Rasul pemberi amaran yang mengingatkan mereka perjanjian yang telah dilupai mereka dan menyedarkan mereka terhadap bukti-bukti iman yang diabaikan mereka. Tujuan diutuskan Rasul itu ialah untuk mengingatkan orang-orang yang lupa dan menyedarkan orang-orang yang lalai untuk menambahkan keadilan dan rahmat Ilahi. **"Dan Kami tidak sekali-kali zalim"** selepas memberi peringatan itu apabila Kami timpakan sebuah negeri itu dengan 'azab dan kebinasaan, malah itulah balasan yang setimpal kerana menyeleweng dari jalan hidayat dan keyakinan.

******

**(Pentafsiran ayat-ayat 210 - 212)**

Kemudian Allah memulakan satu pusingan baru dengan kaum Musyrikin itu mengenai Al-Qur'anul-Karim.

وَمَا تَنَزَّلَتْ بِهِ ٱلشَّيَٰطِينُ ﴿٢١٠﴾

وَمَا يَنۢبَغِي لَهُمْ وَمَا يَسْتَطِيعُونَ ﴿٢١١﴾

إِنَّهُمْ عَنِ ٱلسَّمْعِ لَمَعْزُولُونَ ﴿٢١٢﴾

*"Dan tiada sekali-kali Al-Qur'an itu diturunkan para Syaitan(210). Dan tiadalah wajar bagi mereka (menurunkan al-Qur'an) dan tiada pula mereka berupaya (menurunkannya)(211). Kerana sesungguhnya mereka telah diasingkan dari mendengar wahyu."(212)*

***Al-Qur'an Tidak Diwahyukan Syaitan***

Di dalam pusingan yang telah lalu. Allah telah menjelaskan bahawa Al-Qur'an itu adalah diturunkan dari Allah Tuhan semesta alam oleh ar-Ruhul-Amin (Jibril), kemudian Dia menceritakan bagaimana kaum Musyrikin itu mendustakan Al-Qur'an dan bagaimana mereka meminta supaya disegerakan 'azab yang diancamkan kepada mereka. Kini Allah menafikan pula dakwaan mereka bahawa Al-Qur'an itu dari wahyu para syaitan seperti yang berlaku kepada para kahin yang mendakwa bahawa para syaitan telah menyampaikan berita-berita ghaib kepada mereka atau menyampaikan berita-berita yang didengar dari langit yang membolehkan mereka meramalkan berita-berita yang akan berlaku.

Al-Qur'an ini tidak sekali-kali layak dengan para syaitan, kerana ia menyeru manusia kepada hidayat, kebaikan dan keimanan, sedangkan para syaitan menyeru kepada kesesatan, kerosakan dan kekufuran.

Di samping itu para syaitan tidak berupaya membawa Al-Qur'an, kerana mereka telah jauh diasingkan dari mendengar wahyu Al-Qur'an dari Allah, malah Al-Qur'an adalah dibawa turun oleh ar-Ruhul-Amin (Jibril) dengan perintah dari Allah Tuhan semesta alam, dan ini adalah di luar kemudahan yang dapat dicapai oleh syaitan.

******

**(Pentafsiran ayat-ayat 213 -220)**

Di sini Allah tujukan perintah-Nya kepada Rasulullah s.a.w. mengingatkan beliau dari perbuatan syirik - sedangkan beliau manusia yang paling jauh dari perbuatan itu - supaya orang-orang yang lain lebih wajar mengambil peringatan. Allah juga memerintah beliau supaya memberi peringatan kepada para anggota keluarganya yang dekat dan seterusnya menyuruh beliau bertawakkal kepada Allah yang sentiasa memerhati dan memelihara beliau:

فَلَا تَدْعُ مَعَ ٱللَّهِ إِلَٰهًا ءَاخَرَ فَتَكُونَ مِنَ ٱلْمُعَذَّبِينَ ﴿٢١٣﴾

وَأَنذِرْ عَشِيرَتَكَ ٱلْأَقْرَبِينَ ﴿٢١٤﴾

وَٱخْفِضْ جَنَاحَكَ لِمَنِ ٱتَّبَعَكَ مِنَ ٱلْمُؤْمِنِينَ ﴿٢١٥﴾

فَإِنْ عَصَوْكَ فَقُلْ إِنِّي بَرِيٓءٌ مِّمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٢١٦﴾

وَتَوَكَّلْ عَلَى ٱلْعَزِيزِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٢١٧﴾

ٱلَّذِي يَرَىٰكَ حِينَ تَقُومُ ﴿٢١٨﴾

وَتَقَلُّبَكَ فِي ٱلسَّٰجِدِينَ ﴿٢١٩﴾

إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٢٢٠﴾

*"Oleh itu janganlah engkau menyembah tuhan yang lain disamping Allah, kerana akibatnya engkau akan termasuk dalam golongan mereka yang akan di'azabkan(213). Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat(214). Dan rendahkan sayapmu (rendahkanlah dirimu) kepada mereka yang mengikutmu dari orang-orang yang beriman(215). Dan jika mereka menderhakakanmu, maka katakanlah: Sesungguhnya aku berlepas diri dari segala perbuatan yang dilakukan kamu(216). Dan bertawakkallah kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih(217). Yang sentiasa melihatmu ketika engkau berdiri (sembahyang)(218). Dan melihat gerak-gerimu dalam golongan mereka yang sujud itu(219). Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(220)*

Dan andainya Rasulullah s.a.w. sendiri diancam dengan balasan 'azab bersama-sama dengan mereka

[9] *Lihat tafsir ayat 172 Surah Al-A'raf Juzu' ke-9.*

yang akan di'azabkan Allah jika beliau menyembah tuhan yang lain di samping Allah, sedangkan ini mustahil berlaku kepada beliau, malah ini semata-mata di-sebut sebagai suatu andaian sahaja untuk mendekatkan pemahaman, maka bagaimana pula dengan orang lain? Bagaimana orang-orang lain itu dapat terselamat dari 'azab Allah apabila mereka menyembah tuhan yang lain di samping Allah? Di sana tidak ada pilih kasih, malah 'azab itu akan dikenakan ke atas siapa sahaja walaupun Rasulullah sendiri jika dia melakukan dosa yang besar ini.

Setelah memberi amaran secara peribadi kepada Rasulullah s.a.w., Allah memerintah beliau supaya memberi peringatan kepada keluarganya supaya menjadi contoh teladan kepada orang-orang yang lain bahawa mereka juga diancamkan dengan 'azab jika mereka berada di atas kepercayaan syirik dan tidak beriman:

وَأَنذِرۡ عَشِيرَتَكَ ٱلۡأَقۡرَبِينَ ﴿٢١٤﴾

*"Dan berilah peringatan kepada kerabat-kerabatmu yang terdekat."(214)*

***Amaran Rasulullah S.A.W. Kepada Kaum Keluarganya***

Menurut riwayat al-Bukhari dan Muslim, sebaik sahaja turun ayat ini, Nabi s.a.w. pun datang ke Bukit Safa lalu beliau naik ke atasnya dan berseru: Datanglah sekalian! Lalu orang ramai pun berkumpul kepadanya; ada yang datang sendiri dan ada pula yang mengirim utusannya. Kemudian Rasulullah s.a.w. bersabda:

يا بني عبد المطلب، يابني فهر، يا بني لؤي، أرأيتم لو أخبرتكم أن خيلاً بسفح الجبل تريد أن تغير عليكم صدقتموني؟ قالوا: نعم. قال: ((فإني نذيرلكم بين يدي عذاب شديد)). فقال ابو لهب: تباً لك سائر اليوم! أما دعوتنا إلا لهذا ؟ وأنزل الله : ((تبت يدآ أبي لهب وتب...))

*"Wahai Bani Abdul Muttalib! Wahai Bani Fihr! Wahai Bani Lu'ai, ceritakan kepadaku, jika aku berkata kepada kamu ada pasukan berkuda di kaki bukit mahu menyerang kamu, adakah kamu percaya cakapku? Jawab mereka: Ya! Kami percaya. Lalu beliau pun bersabda: "((Ketahuilah sekalian) sesungguhnya aku ini adalah seorang rasul yang memberi peringatan kepada kamu sebelum datangnya 'azab Allah yang amat dahsyat))".*

Lalu Abu Lahab berkata: "Celakalah engkau di seluruh hari! Adakah kerana ini engkau meminta kami berkumpul?" Kemudian Allah menurunkan ayat: "Binasalah dua tangan Abu Lahab dan sesungguhnya ia tetap binasa[10]."

Muslim telah mengeluarkan satu hadith dengan sanadnya dari Aisyah r.a. katanya: Apabila turun ayat

"وأنذر عشيرتك الأقربين"

Nabi s.a.w. pun berdiri lalu bersabda:

يا فاطمة إبنة محمد. يا صفية إبنة عبدالمطلب. يا بني عبدالمطلب. لا أملك لكم من الله شيأً . سلوني من مالي ما شئتم

*"Wahai Fatimah anak Muhammad! Wahai Safiyah anak Abdul Muttalib! Wahai Bani Abdul Muttalib! Aku tidak memilik apa-apa kuasa untuk mempertahankan kamu dari 'azab Allah. Pintalah apa sahaja yang kamu kehendaki dari hartaku."*

Muslim dan at-Tirmizi telah mengeluarkan sebuah hadith dengan sanad-sanadnya dari Abu Hurairah katanya: Apabila turun ayat ini Rasulullah s.a.w. telah menyeru kaum Quraysy secara umum dan secara khusus dengan sabdanya:

يا معشر قريش أنقذوا أنفسكم من النار. يا معشر بني كعب أنقذوا أنفسكم من النار. يا فاطمة بنت محمد أنقذي نفسك من النار. فإني و الله لا أملك لكم من الله شيأً. إلا أن لكم رحما سأبلها ببلالها

*"Wahai sekalian kaum Quraysy, selamatkanlah diri kamu dari api Neraka! Wahai sekalian suku K'ab, selamatkan diri kamu dari api Neraka! Wahai Fatimah binti Muhammad, selamatkanlah dirimu dari api Neraka, kerana sesungguhnya aku tidak memilik apa-apa kuasa untuk mempertahankan kamu dari 'azab Allah, kecuali kamu hanya mempunyai hubungan kekeluargaan sahaja (denganku), yang aku akan siraminya dengan siramannya yang wajar."*

Hadith-hadith ini dan lainnya menunjukkan bagaimana Rasulullah s.a.w. menyambut perintah Allah itu dan bagaimana beliau menyampaikannya kepada kaum keluarganya yang dekat dan membersihkan tanggungjawabnya terhadap urusan diri mereka dan menyerahkan nasib mereka kepada keputusan Allah dalam urusan Akhirat, seterusnya beliau menjelaskan kepada mereka bahawa hubungan kekeluargaan mereka dengan beliau tidak dapat memberi apa-apa guna kepada mereka jika amalan mereka sendiri tidak dapat memberi faedah kepada mereka, dan beliau tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menyelamatkan mereka dari 'azab Allah walaupun beliau utusan Allah. Inilah gambaran Islam yang terang dan jelas, iaitu gambaran yang menolak konsep orang tengah di antara Allah dan para hamba-Nya walaupun dari Rasul-Nya yang mulia sendiri.

Begitu juga Allah telah menjelaskan kepada Rasul-Nya bagaimana cara hendak melayani orang-orang yang beriman yang menyambut da'wah Allah darinya:

وَٱخۡفِضۡ جَنَاحَكَ لِمَنِ ٱتَّبَعَكَ مِنَ ٱلۡمُؤۡمِنِينَ ﴿٢١٥﴾

*"Dan rendahkan sayapmu (rendahkanlah dirimu) kepada mereka yang mengikutmu dari orang-orang yang beriman."(215)*

---

[10] *Ayat 1, Surah al-Masad.*

### *Akhlak Rasulullah S.A.W. Ialah Al-Qur'an*

Itulah sifat lemah lembut, tawadhu' dan sopan santun yang digambarkan dengan cara yang begitu jelas dan hidup, iaitu gambaran penguncupan sayap seperti yang dilakukan oleh burung yang hendak turun dari penerbangannya. Itulah kelakuan Rasulullah s.a.w. dengan orang-orang yang beriman di sepanjang hidupnya. Tingkahlaku dan akhlak beliau ialah Al-Qur'an, iaitu segala tingkahlaku beliau merupakan suatu terjemahan yang hidup dan sempurna bagi Al-Qur'anul-Karim.

Begitu juga Allah menjelaskan kepada beliau cara melayani orang-orang yang derhaka kepada beliau dengan menyerahkan urusan mereka kepada Allah dan membersihkan tanggungjawabnya dari segala perbuatan derhaka yang dilakukan mereka:

فَإِنْ عَصَوْكَ فَقُلْ إِنِّي بَرِيٓءٌ مِّمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٢١٦﴾

*"Dan jika mereka menderhakakanmu, maka katakanlah: Sesungguhnya aku berlepas diri dari segala perbuatan yang dilakukan kamu."(216)*

Hal ini berlaku semasa Rasulullah s.a.w. masih berada di Makkah dan belum diperintah memerangi kaum Musyrikin.

Kemudian Allah memerintah Rasulullah s.a.w. bertawajjuh kepada Allah yang sentiasa menjalinkan hubungan ri'ayah yang rapat dengan beliau:

*"Dan bertawakkallah kepada Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Pengasih(217). Yang sentiasa melihatmu ketika engkau berdiri (sembahyang)(218). Dan melihat gerak-gerimu dalam golongan mereka yang sujud itu(219). Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."*

### *Rasulullah S.A.W. Sentiasa Berada Dalam Perhatian Allah*

Biarkanlah mereka dengan penderhakaan mereka dan nyatakanlah bahawa engkau tidak bertanggungjawab terhadap perbuatan-perbuatan mereka yang derhaka itu, bertawajjuhlah kepada Allah dengan bertawakkal kepada-Nya dan memohon pertolongan-Nya dalam segala urusanmu. Dalam ayat ini Allah S.W.T. mensifatkan diri-Nya dengan dua sifat yang berulang-ulang di dalam surah ini iaitu sifat Gagah Perkasa dan sifat Pengasih.

Kemudian Allah menimbulkan di dalam hati Rasulullah s.a.w. perasaan kemesraan dan kehampiran dengan-Nya, kerana Allah sentiasa melihatnya sama ada ketika beliau berdiri seorang diri mengerjakan solat atau ketika beliau berada di dalam barisan solat berjamaah yang sedang melakukan sujud kepada Allah. Allah melihat beliau ketika beliau sendirian dan melihat beliau ketika berada bersama para jamaah yang hendak mendirikan solat, di mana beliau menjaga, mengatur dan mengimamkan sembahyang mereka dan bergerak di dalam kalangan mereka. Allah sentiasa melihat segala gerak-geri dan diam beliau dan sentiasa mendengar segala lintasan fikiran dan segala do'a dan permohonan beliau:

إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٢٢٠﴾

*"Sesungguhnya Allah Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(220)*

Ungkapan ayat-ayat ini membayangkan wujudnya hubungan yang mesra dan rapat dan wujud perhatian dan 'inayah Ilahi. Beginilah keadaan hidup Rasulullah s.a.w. sentiasa merasa berada di dalam naungan dan pemeliharaan Allah, sentiasa berada di sisi dan dekat dengan Allah. Beliau selama-lamanya hidup dalam suasana kemesraan Ilahi yang luhur.

******

### (Pentafsiran ayat-ayat 221 - 226)

Pusingan terakhir surah ini adalah berlegar di sekitar Al-Qur'an juga. Pada kali yang pertama Allah menegaskan bahawa Al-Qur'an ini adalah diturunkan dari Allah Tuhan semesta alam. Ia dibawa turun oleh ar-Ruhul-Amin (Jibril). Pada kali yang kedua Allah menafikan bahawa Al-Qur'an ini diturunkan oleh para syaitan, dan pada kali ini Allah menjelaskan bahawa para syaitan itu tidak layak untuk turun kepada orang yang seperti Muhammad s.a.w. kerana beliau adalah seorang yang beramanah, bercakap benar dan mempunyai jalan hidup yang betul, malah syaitan-syaitan itu hanya turun kepada setiap pendusta yang berdosa dan sesat yang terdiri dari para kahin yang menerima bisikan-bisikan syaitan kemudian mereka gembar-gemburkannya kepada orang ramai:

### *Syaitan Hanya Turun Kepada Setiap Pendusta*

هَلْ أُنَبِّئُكُمْ عَلَىٰ مَن تَنَزَّلُ ٱلشَّيَٰطِينُ ﴿٢٢١﴾

تَنَزَّلُ عَلَىٰ كُلِّ أَفَّاكٍ أَثِيمٍ ﴿٢٢٢﴾

يُلْقُونَ ٱلسَّمْعَ وَأَكْثَرُهُمْ كَٰذِبُونَ ﴿٢٢٣﴾

*"Adakah kamu suka aku memberitahu kamu, kepada siapakah turunnya para syaitan itu?(221). Mereka turun kepada setiap pendusta yang banyak berdosa(222). Mereka mendengar (kata-kata syaitan) dari kebanyakan mereka pendusta."(223)*

Di dalam kalangan kaum Arab terdapat orang-orang yang digelarkan para kahin. Mereka mendakwa mendapat berita-berita dari makhluk jin. Orang ramai datang meminta pertolongan mereka dan

mempercayai ramalan-ramalan mereka, sedangkan kebanyakan mereka pembohong belaka. Orang ramai mempercayai mereka kerana terpengaruh dengan kekarutan-kekarutan dan kebohongan-kebohongan mereka. Mereka tidak pernah menyeru orang ramai kepada hidayat, tidak pernah menyuruh mereka bertaqwa dan tidak pernah memimpin mereka kepada keimanan. Sedangkan Rasulullah s. a.w. tidak begitu, kerana beliau menyeru manusia dengan Al-Qur'an kepada jalan hidup yang lurus.

Kaum Musyrikin kadang-kadang mengatakan Al-Qur'an ini sebagai gubahan-gubahan sajak dan mengatakan Rasulullah s.a.w. itu sebagai penyair. Mereka berada di dalam keadaan bingung dan kaget bagaimana hendak menghadapi madah Al-Qur'an yang tidak ada tolok bandingnya itu, iaitu satu bentuk madah yang terus menembusi hati manusia dan mengocakkan perasaan mereka, kemudian seterusnya menguasai iradat mereka hingga tidak berupaya lagi ditolak mereka.

### *Al-Qur'an Bukannya Anthologi Sajak Dan Muhammad S.A.W. Bukannya Seorang Penyajak*

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan kepada mereka di dalam surah ini bahawa jalan Muhammad s.a.w. dan jalan hidup yang diperjuangkan oleh Al-Qur'an adalah berlainan sama sekali dari jalan para penyair dan jalan hidup yang diperjuangkan sajak, kerana perjuangan Al-Qur'an adalah dilandaskan di atas jalan yang terang dan jelas. Ia menyeru kepada satu maltamat yang tertentu. Ia bertolak mengikut jalan yang lurus menuju matlamat itu, sementara Rasulullah s.a.w. pula tidak pernah mengatakan pada hari ini sesuatu yang akan dinafikannya pada hari esok. Beliau tidak pernah terikut-ikut kepada kehendak-kehendak perasaan dan sentimen-sentimen yang berubah-ubah, malah beliau tetap memperjuangkan da'wah dan 'aqidah, tetap meneruskan perjuangannya mengikut jalan yang lurus tanpa sebarang bengkok dan belok, sedangkan para penyair tidak begitu, kerana mereka adalah para tawanan emosi-emosi dan sentimen-sentimen yang berubah-ubah. Mereka diperintah dan dikuasai perasaan-perasaan mereka sendiri dan perasaan-perasaan inilah yang mendorong mereka mengungkapkan kehendak-kehendak perasaan-perasaan itu. Dalam satu ketika mereka memandang sesuatu persoalan itu hitam dan dalam satu ketika yang lain pula mereka memandang persoalan itu putih. Apabila hati mereka merasa senang mereka meluahkan madah (yang manis), tetapi apabila hati mereka meradang mereka meluahkan madah (yang panas) pula. Mereka mempunyai mood dan tabi'at yang tidak mantap dalam satu keadaan.

### *Jurang Perbezaan Di Antara Seorang Rasul Dengan Seorang Penyajak*

Di samping itu para penyair gemar mewujudkan alam-alam fantasi yang dihayati mereka. Mereka khayalkan berbagai-bagai tindakan dan berbagai-bagai akibat kemudian mereka anggapkannya sebagai suatu hakikat yang benar yang mempengaruhi jiwa mereka. Oleh sebab itulah para penyair kurang berminat dengan perkara-perkara yang wujud di alam kenyataan kerana mereka menciptakan sebuah alam yang lain di dalam khayal mereka sendiri dan di sinilah mereka hidup.

Tetapi perjuangan seorang rasul yang memperjuangkan da'wah yang tertentu itu tentulah tidak sama dengan cara hidup para penyair, kerana dia mahu menegakkan da'wah itu di alam kenyataan dan di dalam dunia manusia. Dia mempunyai matlamat dan program yang tertentu. Dia mempunyai jalan perjuangan yang diikutinya dan dia meneruskan perjuangannya mengikut jalan itu menuju kepada matlamatnya dengan mata dan hati yang terbuka dan dengan akal yang sedar. Dia tidak puas dengan khayalan dan tidak puas dengan impian-impian sehingga menjadi kenyataan di dalam alam manusia.

Oleh itu jalan perjuangan Rasulullah s.a.w. dan jalan hidup para penyair adalah sama sekali berlainan tanpa sebarang kekeliruan lagi, kerana persoalan ini amat terang dan jelas:

*"Dan para penyair adalah diikuti mereka yang sesat(224). Tidakkah engkau melihat mereka merayau-rayau di segenap lembah(225). Dan mereka memperkatakan sesuatu yang mereka tidak buat."(226)*

Mereka mengikut mood dan perasaan dan oleh sebab itulah mereka diikuti oleh orang-orang sesat yang merayau-rayau dalam arus perasaan tanpa mempunyai sesuatu program dan matlamat.

Mereka merayau-rayau dan mengembara di segenap perlembahan perasaan, perlembahan fahaman dan perlembahan kata-kata mengikut bentuk emosi yang menguasai jiwa mereka dalam detik-detik tertentu di bawah sesuatu pengaruh tertentu.

Mereka mengatakan sesuatu yang mereka tidak amalkan, kerana mereka hidup di dalam alam-alam dari ciptaan khayal dan perasaan mereka sendiri, iaitu alam yang diutamakan mereka dari alam realiti hidup yang tidak disukai mereka. Oleh sebab itulah banyak perkara yang diperkatakan mereka tetapi tidak dibuat oleh mereka, kerana mereka hidup di alam fantasia yang tidak mempunyai realiti dan hakikat di dalam dunia manusia yang dapat dilihat.

Tabi'at Islam - selaku satu sistem hidup yang sempurna yang disediakan untuk ditegakkan di alam realiti hidup dan selaku satu harakat agung di dalam dhamir yang tersembunyi dan di dalam kedudukan-kedudukan kehidupan yang lahir - adalah tidak sesuai dengan tabi'at para penyair yang biasa dikenali

manusia, kerana penyair hanya menciptakan sesuatu impian di dalam hatinya kemudian dia berpuas hati dengannya, tetapi Islam mahu melaksanakan impian itu dan berusaha ke arah menegakkannya (di alam realiti). Islam menyalurkan seluruh perasaan manusia untuk menegakkan sesuatu contoh yang luhur itu di alam realiti.

Islam mahu manusia menghadapi kenyataan-kenyataan hidup bukannya melarikan diri ke alam khayal. Apabila kenyataan-kenyataan hidup itu tidak disukai mereka atau bercanggah dengan cara hidup Islam yang menguasai mereka, maka Islam mendorong mereka supaya bertindak mengubahkannya dan menegakkan cara hidup yang dikehendaki Islam.

Oleh sebab itu di dalam tenaga manusia tidak ada tenaga lebihan untuk impian-impian yang terbang mengembara dan merayau-rayau, kerana Islam menggunakan seluruh tenaga itu untuk menegakkan cita-cita dan impian-impian yang luhur mengikut sistem hidupnya yang agung.

***Islam Tidak Menentang Sajak***

Walaupun demikian, Islam tidaklah memerangi sajak dan seni itu sendiri sebagaimana yang dapat difaham dari kata-kata zahir ayat-ayat itu, malah Islam hanya memerangi cara yang diikuti oleh sajak dan seni itu sahaja, iaitu cara mengikut perasaan dan emosi tanpa pengawal, dan cara mengelamun dalam impian-impian kosong tanpa berusaha melaksanakannya. Tetapi apabila jiwa manusia mantap dan tegak di atas sistem hidup Islam hingga dapat melahirkan hasil-hasil sajak dan seni yang terbit dari perasaan-perasaan yang dipengaruhi oleh ajaran-ajaran Islamiyah dan dalam waktu yang sama juga berusaha untuk menegakkan perasaan-perasaan yang luhur itu di alam kenyataan tanpa berpada dengan hanya menciptakan alam-alam khayal untuk dihayatinya dan meninggalkan alam kenyataan hidup dalam keadaan yang buruk, mundur dan hodoh!... Apabila jiwa manusia mempunyai satu program hidup yang tetap yang menuju kepada satu matlamat Islamiyah... apabila jiwa manusia memandang dunia dari kacamata Islam dan dengan sorotan cahaya Islam kemudian mengungkapkan seluruhnya dalam bentuk sajak dan seni, maka di waktu itulah Islam tidak menentang sajak dan tidak memerangi seni itu sebagaimana yang dapat difaham dari kata-kata zahir ayat-ayat ini.

Al-Qur'an telah menarik hati dan akal manusia supaya merenungi keindahan-keindahan alam buana dan memikirkan rahsia-rahsia jiwa manusia yang tersembunyi. Kedua-dua ini merupakan bahan-bahan pengolahan sajak dan seni. Di dalam Al-Qur'an sendiri terdapat pengungkapan-pengungkapan seni ketika berdepan dengan keindahan-keindahan penciptaan alam buana dan jiwa, iaitu pengungkapan-pengungkapan seni yang tidak dapat dicapai oleh mana-mana sajak dari segi kehalusan penggambaran, kedalaman pengertian dan kehebatan cara menayangkan keindahan dan kecantikan itu.

Oleh sebab itulah Al-Qur'anul-Karim membuat satu pengecualian dari sifat umum para penyair itu:

إِلَّا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّـٰلِحَـٰتِ وَذَكَرُوا۟ ٱللَّهَ كَثِيرًا وَٱنتَصَرُوا۟ مِنۢ بَعْدِ مَا ظُلِمُوا۟ ۗ وَسَيَعْلَمُ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ أَىَّ مُنقَلَبٍ يَنقَلِبُونَ ﴿٢٢٧﴾

*"Melainkan orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh dan banyak menyebut Allah dan mendapat kemenangan setelah menderita kezaliman."(227)*

Penyair-penyair ini tidak termasuk di dalam sifat umum para penyair itu, kerana mereka adalah orang-orang yang beriman. Hati mereka dipenuhi 'aqidah dan cara hidup mereka tegak di atas sistem hidup Ilahi. Mereka mengerjakan amalan-amalan yang soleh. Oleh sebab itulah seluruh tenaga mereka disalurkan kepada kerja-kerja yang baik dan elok. Mereka tidak hanya berpada dengan khayalan-khayalan dan impian-impian. Mereka berjuang mencapai kemenangan setelah mereka menderita kezaliman. Mereka mempunyai perjuangan, di mana mereka menghabiskan daya tenaga mereka menolong agama yang benar yang dianuti mereka.

***Tokoh-tokoh Penyajak Islam Di Zaman Rasulullah S.A.W.***

Di antara para penyair Mu'min yang mempertahankan 'aqidah Islam dan Rasulullah s.a.w. dalam masa perjuangan dengan kepercayaan syirik dan kaum Musyrikin di zaman Rasulullah s.a.w. ialah Hassan ibn Thabit, Ka'b ibn Malik dan Abdullah ibn Rawahah r.a. Mereka adalah tokoh-tokoh penyair kaum Ansar. Di antara mereka lagi ialah Abdullah ibn az-Ziba'ra dan Abu Sufyan ibn al-Harith ibn Abdul Muttalib. Kedua-dua penyair ini pernah mencaci Rasulullah s.a.w. dengan sajak-sajak mereka semasa mereka berada dalam masa jahiliyah dan setelah memeluk Islam mereka telah menunjukkan keislaman mereka yang baik. Mereka memuji Rasulullah s.a.w. dan mempertahankan agama Islam dengan sajak-sajak mereka.

Tersebut di dalam sebuah hadith yang sahih bahawa Rasulullah s.a.w. telah menyuruh Hassan:

اهجهم – أو قال هاجهم – وجبريل معك

*"Cacilah mereka (penyair-penyair Musyrikin dengan sajak-sajakmu) dan ingatlah bahawa Jibril bersamamu."*

Dari Abdul Rahman ibn K'ab daripada bapanya katanya: Dia berkata kepada Nabi s.a.w.: Bahawa Allah Azzawajalla telah pun menurunkan ayat-ayat

mengenai para penyair (jadi sekarang bagaimana?) Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda:

إن المؤمنون يجاهد بسيفة ولسانه، والذي نفسي بيده لكأن ما ترمونهم به نضح النبل

*"Sesungguhnya seorang Mu'min itu adalah berjihad dengan pedang dan lidahnya. Demi Allah yang jiwaku di tangan-Nya, sajak-sajak yang kamu lontarkan kepada mereka (penyair Musyrikin) seolah-olah sama dengan lontaran anak-anak panah."*[11]

***Ke Arah Penciptaan Sajak Dan Seni Islam***

Bentuk-bentuk untuk mewujudkan sajak Islam dan seni Islam itu banyak dan bukannya hanya bentuk ini sahaja yang wujud kerana mengikut kehendak-kehendak keadaan. Cukuplah sajak dan seni itu terpancar dari kefahaman Islam terhadap hidup dari mana-mana sudutnya untuk menjadikannya sebuah sajak atau sebuah karya seni yang diredhai Islam.

Tidak perlu sajak Islam itu merupakan sajak yang mempertahan Islam dan mendorongkan ke arahnya begitu juga tidak perlu sajak itu merupakan sajak da'wah secara langsung kepada Islam atau sajak memuji Islam atau mengagung-agungkan hari-hari bersejarah Islam atau tokoh-tokoh Islam. Tidak perlu sajak itu mengolahkan maudhu'-maudhu' ini untuk menjadikannya sebuah sajak Islam. Mana-mana sajak yang menggambarkan pandangan ingsutan hari malam dan pemandangan hembusan-hembusan nafas waktu pagi yang dicampurkan dengan emosi seorang Muslim yang menghubungkan pemandangan-pemandangan ini di dalam hatinya dengan Allah, maka itulah sajak Islam. Gambaran detik-detik gemilang berhubung dengan Allah atau dengan alam buana yang diciptakan Allah sudah cukup untuk menciptakan sebuah sajak yang diredhai Islam. Yang menjadi persimpangan jalan ialah Islam mempunyai kefahaman dan konsep yang tertentu terhadap seluruh kehidupan ini dan segala hubungan dan pertaliannya. Oleh itu apa sahaja bentuk sajak yang terbit dari kefahaman dan konsep ini maka itulah sajak yang diredhai Islam.

******

**(Pentafsiran ayat 227)**

Surah ini diakhiri dengan satu ancaman yang halus dan ringkas:

وَسَيَعْلَمُ ٱلَّذِينَ ظَلَمُوٓا۟ أَىَّ مُنقَلَبٍ يَنقَلِبُونَ ﴿٢٢٧﴾

*"Dan mereka yang zalim itu akan mengetahui ke tempat mana mereka akan kembali."(227)*

Surah ini mengandungi gambaran kedegilan dan keangkuhan kaum Musyrikin yang mempermain-mainkan ancaman Allah dan meminta disegerakan 'azab Allah, juga mengandungi kisah-kisah kebinasaan para pendusta di sepanjang zaman kedatangan para rasul di sepanjang abad itu, dan ia berakhir dengan ancaman yang menakutkan ini, iaitu sebuah ancaman yang menyaripatikan maudhu' surah ini. Ia merupakan seolah-olah sebuah nada kenyataan akhir yang ngeri, yang menjelma di dalam berbagai-bagai rupa, yang dapat digambar dan diduga oleh khayal. Ia menggoncangkan hati orang-orang kafir yang zalim dengan goncangan yang amat kuat.

******

[11] *Diriwayatkan oleh Imam Ahmad.*